

93-1290

Antara,

ANWAR, DOLLAH *dan* SANUSI

TUHAN PILIH SIAPA

NISBUNAH PUSAT PERPUSTAKAAN
PERPUSTAKAAN ALGERIA MALAYSIA
28 APR 1993

MOHD SAYUTI OMAR

Antara,

ANWAR, DOLLAH *dan* SANUSI

TUHAN PILIH SIAPA

TINTA MERAH



Antara Anwar, Dollah dan Sanusi
TUHAN PILIH SIAPA

Cetakan pertama Mei 1992

© Hakcipta Mohd Sayuti Omar 1992

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpankekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada cara elektronik, sawatan, salinan foto, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada penerbit.

APB 725452

Diterbitkan oleh
Tinta Merah
Kuala Lumpur
Malaysia

Dicetak di Malaysia
oleh Polygraphic Marketing Sdn Bhd

Harga: \$ 10.00
ISBN 983-9032-04-6

16
224.25/13.11
1992

*dedikasi kepada bangsa Melayu
kita telah dewasa untuk terus
sengketa!*

&

*khas untuk anak-anak tersayang
semoga kalian membesar dalam wangian kelopak
kasih dan sayangku!*



KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	i
<i>1. Penantian Misteri</i> * PERSARAAN MAHATHIR & SIAPA TPM	1
<i>2. Selepas Ghafar</i> MAHATHIR MAHUKAN ANWAR	15
<i>3. Cita-cita Terakhir Ghafar</i> BERJAYAKAH JADI PM ?	25
<i>4. Apakah Pak Dollah akan jadi</i> ' PAK LAH TAKDIR'	40
<i>5. Kalau Mahathir Wafat</i> ANWAR TERLEPAS PESAKA	49
<i>6. Seandai Ghafar Mati</i> SANUSI PALING MERANA	63
<i>7. Perdana Menteri Abad 21</i> RAKYAT PILIH SIAPA	74

8. <i>Anwar Ibrahim</i>	
PENCETUS PERANG SAUDARA	89
9. <i>Sanusi Junid</i>	
MAMPUKAH KOMERSILKAN MALAYSIA	103
10. <i>Pak Dollah Badawi</i>	
PENYELAMAT MARUAH BANGSA	116
11. <i>Kalau 'perang' meletus</i>	
GIMANA KESUDAHAN UMNO ?	128
12. <i>Penutup</i>	141

Prakata

Assalamualaikum.....

"**M**anusia tidak berkuasa ke atas sesuatu perkara itu melainkan Allah. Manusia hanya boleh merancang, tetapi Tuhan yang menentukan. Penentuan Allah lebih baik daripada penentuan manusia. Meskipun dengan takdir Allah ada manusia yang terhina dan derita, tapi ia mempunyai rahsia kenikmatan tersendiri. Hanya manusia yang mengenali dirinya saja, yang tahu segala takdir Allah."

PERTAMANYA saya bersyukur ke khudrat Allah swt, kerana dengan taufik, hidayah, shir dan Tajalli-Nya dapat saya menyiapkan penulisan buku ini. Sebelum itu, saya juga ingin merakamkan terima kasih banyak kepada anda pembaca sekalian kerana memberi sokongan kepada saya. Teguran baik secara lisan ataupun melalui surat, telefon, yang anda lakukan, ke atas buku-buku tulisan saya, merupakan bukti bahawa pembaca sekalian komited dengan saya. Terima kasih sekali lagi.

Buku ini ialah siri buku politik saya yang ke tiga selepas **Merdeka Kedua**, **Anwar Ibrahim: Mimpi & Realiti** dan

Kelantan Selepas Pantang. Seperti juga buku-buku yang terdahulu, saya menulis bukan kerana mengejar apa-apa imbalan, seperti mana yang sering dituduhkan kepada kebanyakan penulis politik.

Tetapi saya menulis/menghasil buku-buku politik sebagai satu aktiviti penglibatan saya dalam dunia politik. Dimana melalui buku-buku tulisan saya, saya cuba menyorot dan mengulas dengan begitu jujur terhadap sesuatu yang akan berlaku pada masa akan datang, khasnya dalam gelanggang politik Melayu tanpa **mengkultuskan** mana-mana tokoh secara sambrono dan diadadakan.

Dan sudah pastilah dalam pada itu saya secara sedar atau tidak akan turut sama meyinggung dan menyentuh batang-batang hidung beberapa tokoh politik tertentu dalam usaha untuk menguatkan fakta dan juga menyakinkan apa yang saya perbincangkan. Saya rasa sikap demikian tidak salah, kerana tokoh politik adalah pemain dunia politik itu sendiri yang tidak dapat mengelakkan diri dari segala macam kerenah dan kritikan politik.

Dengan berbuat demikian, saya yakin ia memberi sedikit sebanyak, manfaat melalui gambaran dan juga ramalan yang bersifat subjektif. Apa yang saya lakukan, meskipun terdapat sentuhan secara "berani" kepada tokoh-tokoh berkenaan, bukan kerana ia disengajakan, melainkan kerana demikianlah sikap dan realiti politik mereka.

Bukankah kita wajib memperkatakan sesuatu yang benar, meskipun pahit.

Sebagai manusia, kita tidak mudah untuk mengenali diri kita

sendiri, dan selalu menganggap diri kitalah yang terbaik. Tetapi apabila ada orang lain yang menjadi cermin, menyuluh ke dalam diri kita, masa itu baru kita mengetahui sesuatu yang cacat, pincang dan tidak cukup incin mengenai diri kita.

Justeru itu, saya lebih awal memohon maaf kepada tiga orang tokoh politik kebangsaan kita, yang saya tegur ataupun menyorot diri mereka secara khusus dalam buku ini. Mereka ialah **Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Datuk Seri Sanusi Junid.**

Maafkan saya.

Pertengahan tahun 1991, kira-kira selepas lima bulan Datuk Seri Dr Mahathir Muhamad melakukan rombakan kabinet, tercetus desas desus mengatakan, Mahathir akan melakukan rombakan kabinet sekali lagi. Alasan kali ini untuk mengisi jawatan menteri pendidikan yang diisi buat sementara waktu oleh Dr Sulaiman Daud. Nama Sanusi Junid disebut akan mengambil alih kementerian berkenaan. Khabarnya beliau akan diletak ke situ sebagai proses kenaikan pangkat padanya dan juga satu apresiasi di atas kejayaannya memenangi salah satu tempat dalam Naib Presiden UMNO.

Sementara dalam rombakan itu, kementerian pertanian pula akan diserahkan kepada Muhamed Rahmat. Adapun Dr Sulaiman Daud, akan dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri Sarawak menggantikan Ahmad Zaidi Idrues Mohd. Nor.

Serentak dengan itu juga tersibar cerita mengatakan Encik Ghafar Baba akan berhenti. Entah apa sebab, tidak siapa tahu, tiba-tiba sahaja Encik Ghafar dikatakan hendak berhenti. Katanya

Mahathir telahpun bersiap sedia untuk memanggil Anwar sebagai gantinya. Maka heboh cerita, Anwar akan dilantik menjadi TPM.

Ekoran berita itu menyebabkan semua pemerhati politik, apa lagi mereka yang terlibat dengan rombakan kabinet itu berada dalam keadaan 'tertanya-tanya'. Mereka jadi serba salah, hendak percaya salah, tidak percaya salah. Malahan yang paling melampau lagi, kaki-kaki bodek sudah mula menjinak-jinak diri dengan menteri-menteri berkenaan. Menunggu takut jatuh apa-apa permit ataupun kontrek besar kepada mereka.

Lama juga desas desus itu mengalir. Hinggalah, Mahathir membuat penegasan dalam perhimpunan agung UMNO, bahawa soal memikirkan siapa ganti siapa itu membuang masa. Dan meminta perwakilan dan ahli UMNO seluruhnya menumpukan kepada kerja masing-masing. Seperti biasa kerana kata-kata Mahathir itu keramat, selepas itu soal rombakan kabinet, Ghafar hendak berhenti, Anwar hendak jadi TPM, Sanusi Junid nak jadi menteri pendidikan, jadi senyap sendu.

Hinggalah ke hari ini kita tidak terdengar apa-apa cerita lagi mengenai perkara itu. Waktu ini seolah tidak ada apa yang berlaku dalam UMNO. Seperti semua anggota dan pemimpin UMNO sedang menghayati Wawasan 2020 Mahathir untuk diperjelaskan kepada rakyat.

Soalnya kini apakah kita boleh mempercayai kata-kata Mahathir itu? Atau pun menyakinkan bahawa tidak ada pergolakan dalam UMNO? Apakah dia sendiri mematuhi saranannya itu dan kini tidak berbuat apa-apa atau berfikir untuk merombak dan menukar ahli kabinetnya? Bolehkah kita mempercayai. Dan bolehkah juga Mahathir yakin anggota UMNO benar-benar patuh kepada

permintaannya itu. Dan apakah mereka yang terlibat dengan spekulasi itu akan berdiam diri?

Pada saya kalau seseorang itu bercakap di atas sifat seorang politik, kita tidak boleh mempercayainya. Kata-kata orang politik, bersifat politik semata-mata. Yang di dalamnya ada unsur-unsur muslihat, penipuan, dan penuh hipokrit. Setiap kata-kata orang politik tidak boleh diaminkan begitu sahaja, tanpa melihat reaksi orang yang bercakap, dan memberi masa untuk sesuatu yang diucapkan itu matang sungguh. Sepatah kata orang politik perlu ditafsirkan dengan seribu makna yang prejudis!

Cakap orang politik seperti cakap seorang budak, yang boleh berubah dengan tiba-tiba. Janji orang politik seperti janji, budak yang boleh dimungkari begitu sahaja. Tetapi, tindakan orang politik, kita tidak boleh meraguinya. Dia akan bertindak dalam sekelip mata sahaja.

Bertolak dari falsafah dan juga kenyataan inilah, maka ketenangan yang berlaku dalam UMNO waktu ini, sebenarnya bukan ketenangan yang hakiki. Soal perebutan, lobi melobi, rajuk merajuk dan pujuk memujuk tetap berlaku dalam dunia politik UMNO hari ini, kerana segala kerenah dan sifat itu merupakan asam garam dan urat nadi dalam dunia politik yang tidak dapat disaring dan diasingkan.

Perebutan tetap berlaku, cuma bentuk dan caranya berbeza. Kalau sebelum Mahathir bersuara dulu, ia diheboh secara terang, tetapi hari ia dilakukan secara senyap dan sulit. Masing-masing berusaha dengan hati-hati, bimbang diketahui di antara satu sama lain.

Dari disinilah, maka melalui buku ini saya menyorot kepada permasalahan yang bakal timbul dalam UMNO nanti. Jauh dari itu cuba memecahkan apakah masalah ataupun tindakan-tindakan yang bakal terjadi. Meskipun ia bersifat spekulatif tetapi asas yang saya gunakan adalah sekonkrit yang mungkin dan berpandukan kepada realiti.

Hari ini siapa berani kata, bahawa Encik Ghafar tidak mahu jadi Perdana Menteri. Siapa berani mengatakan Anwar tidak mahu jadi timbalan Mahathir. Dan siapa berani menegaskan bagi pihak Sanusi Junid yang dia tidak ada cita-cita untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri?

Tidak ada siapa berani tampil membela mereka. Kerana apa yang kita rasa dan lihat, kenyataan-kenyataan itu tadi semuanya benar. Semuanya iya. Jadi, kerana melihat kenyataan itu benarlah, mimpi itu benarlah, maka saya memberanikan diri menyorot akan duduk perkara yang sebenarnya. Cuba membuka caturan politik UMNO dan menyimpulkan bagaimana keadaannya nanti akan menimpa UMNO jika diantara tokoh yang disebutkan tadi tidak dapat duduk semeja dan terus merebut 'tulang' dalam UMNO.

Pendedahan ini bukan bermakna saya inginkan mereka bercakaran sesama sendiri, ataupun mempengaruhi rakyat agar berpihak ke mana-mana tokoh, jauh sekali untuk mengharu birukan politik UMNO, tetapi niat saya sekadar mendedahkan sesuatu yang buruk akan berlaku kalau mereka terpaksa menempuh juga jalan-jalan yang diterokai demikian rupa apa lagi kalau bersuluhkan hawa nafsu.

Harapan saya, setiap apa yang saya simpul dan andaikan kalau ianya ada pontesi untuk menjadi kenyataan, semoga ia tidak akan

diteruskan dan carilah jalan penyelesaian yang baik demi bangsa, negara dan agama kita.

Sesungguhnya kita tidak perlu memberi tumpuan kepada perebutan kuasa dalam UMNO, kerana ia tidak dapat membawa perubahan positif kepada politik bangsa Melayu. Yang berlaku dalam UMNO sepertilah kegawatan dalam rumah tangga kita sendiri. Kalau kita mendedahnya, kita tidak mendapat untung, melainkan keburukan dan keaiban.

Hari ini apa yang patut kita tumpukan ialah, ke arah untuk menjamin pengukuhan politik bangsa Melayu dengan bersendikan kepada syariat Islam. Kerana pada masa mendatang kita tidak lagi akan berhadapan dengan suasana dan masalah kekitaan sahaja, tetapi dengan kuasa asing yang setiap saat sedang mencemburui kejayaan dan usaha kita.

Itulah harapan saya melalui penulisan buku ini. Tidak ada tujuan lain daripada itu. Semoga Anwar, Dollah dan Sanusi memberi perhatian serius serta berfikir dua, tiga dan banyak kali untuk mengajak diantara satu sama lain bergasak merebut kuasa dan pangkat.

Sekali lagi kepada Anwar, Dollah, Sanusi, Ghafar Baba dan sesiapa juga tokoh yang saya singgung kalau tidak secocok dan seirama dengan mimpi mereka, maafkan saya. Saya hanya pengamat, penganalisa dan penghuraian permasalahan politik negara.

Tentunya jauhari juga yang mengenal manikam.

"Demi masa, sesungguhnya manusia itu benar-benar berada didalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh dan nasihat menasihati supaya mentaati dan nasihat menasihati menepati kesabaran"

Wassalam.

MOHD SAYUTI OMAR

Wangsa Maju

Kuala Lumpur.

4 Ramadhan 1412

1.

Penantian misteri

**PERSARAAN
MAHATHIR
& SIAPA TPM**

Tidak ada penantian paling istimewa dalam UMNO hari ini, melainkan dua perkara. Pertama menanti bilakah saatnya Mahathir akan mengundurkan diri secara rasmi dari kerusi Perdana Menteri. Dan kedua, menanti siapakah yang bakal menjadi Timbalan Perdana Menteri, kalau takdirnya Encik Ghafar Baba yang menjadi Perdana Menteri.

Itulah dua penantian yang cukup misteri dan penuh tanda tanya dalam Umno. Penantian itu menarik minat bukan sahaja, kalangan anggota UMNO yang kini berjumlah 1.8 juta, sebaliknya kepada seluruh pemerhati politik dan rakyat Malaysia. Malahan, penantian terhadap dua perkara itu sering kali menjadi impi dan igauan orang-orang politik, khususnya kepada mereka yang berkepentingan dengan jawatan itu.

Kenapa kedua perkara itu menjadi demikian menarik dalam senario politik hari ini? Tentu ia mempunyai sebab musabab dan alasan tersendiri? Orang kini seperti tidak sabar lagi menunggu

bilakah Mahathir akan mengucapkan selamat tinggal kepada Jabatan Perdana Menteri (JPM) kemudian berehat tenang di rumah barunya di Country Height di Bangi. Banyak sebab kenapa orang ramai begitu keinginan sekali untuk melihat Mahathir berhenti ataupun mengundurkan diri. Walaupun kita tidak menafikan Mahathir banyak membuat modenisasi dan memperkenalkan negara kepada luar, tetapi keinginan itu merupakan satu hal yang lain.

Sekurang-kurang ada dua faktor utama. Pertama kerana rakyat Malaysia sudah begitu lama berada di bawah pentadbiran Mahathir. Sudah 11 tahun, satu jangka masa yang bukan lama sebenarnya. Tetapi lantaran pelbagai kerenah dan peristiwa yang berlaku sejak beliau menjadi ketua negara dan UMNO, menyebabkan orang ramai merasakan detik itu terlalu lama.

Adalah keterlaluan kalau disenaraikan di sini pelbagai kesilapan dan tragedi yang berlaku dalam negara sejak Mahathir naik tahta pada tahun 1981. Lagipun semua di antara kita sudah tahu. Yang jelas, segala macam kerenah itulah menyebabkan, orang ramai merasakan masa untuknya melepaskan jawatan telah pun cukup.

Faktor kedua ialah, tentang visi politiknya yang makin bercelaru. Walaupun sesetengah dari visi dan polisi Mahathir itu menjadi sanjungan, namun hakikatnya ia banyak merombak tradisi dalam UMNO sendiri dan merubah banyak matlamat asal perjuangan UMNO. Tindakanya yang dikira drastik dan terlalu berani itu juga menyebabkan kenapa beliau tidak seharusnya diberikan masa begitu panjang untuk terus memimpin UMNO.

Sesetengah daripada peristiwa dan juga tragedi yang berlaku sewaktu Mahathir memerintah menyebabkan timbul kebimbangan

kepada orang ramai sesuatu yang tidak diingini akan berlaku. Ini kerana banyak peristiwa atau pembaharuan itu, bertentangan dengan amalan demokrasi dan juga budaya politik orang Melayu sendiri. Dalam hal ini Mahathir benar-benar menyongsong arus dalam pemerintahannya hari ini.

Tindakan terbaru dalam kerajaan Mahathir mengenai pengharaman jemaah Darul Arqam dan Tabligh, Kerajaan Malaysia melalui Pusat Islam telah mengharamkan jemaah Darul Arqam. Segala kegiatan keagamaan, kebudayaan dan ekonomi jemaah itu diharamkan dari bergerak. Kita tidak tahu apakah dosa Arqam dan Ustaẓ Ashaari Muhammad maka ia dilakukan sekejap itu.

Dan tidak cukup dengan pengharaman itu, kini kerajaan negeri Melaka pimpinan "Mufti" Rahim Tamby Chik, pula mengambil tindakan mengharamkan jemaah Tabligh. Kini Tabligh tidak boleh lagi bergerak di Melaka. Kita tidak tahu apakah motif pengharaman itu. Bagaimanapun dari tindakan itu menyebabkan orang ramai beranggapan Rahim Tamby Chik anti Islam.

Kita percaya tindakan kerajaan di bawah naungan Mahathir tidak akan berhenti di situ sahaja. Gerakan dan jemaah Islam akan terus ditekan dan dilanyak. Kemungkinan bila sampai masanya nanti, parti Pas juga akan menerima nasib yang sama dengan Arqam dan Tabligh. Ini adalah tanda-tanda betapa kerajaan di bawah pimpinan Mahathir hari ini sudah mula dirasuk oleh penyakit sakit jiwa.

Adalah dibimbangi, jika beliau berterusan memegang kuasa makin banyak lagi kejadian-kejadian yang kontroversi timbul. Inilah yang digeruni dewasa ini. Pendeknya dalam pelbagai kemajuan yang Mahathir laksanakan itu terdapat juga beberapa

keburukan yang fatal. Krisis pelembangaan tahun 1983, pemecatan Ketua Hakim Negara, pembunuhan orang-orang Pas di Memali, pengharaman UMNO, perselisihan dengan Majlis Peguam adalah beberapa tragedi politik yang cukup mencemaskan kita!

Lain-lain faktor ialah mengenai usianya. Meskipun ia mendakwa ia masih sihat dan fikirannya masih tajam, tetapi dengan usia 67 tahun, ia sudah terlalu tua untuk menjadi ketua kepada orang-orang Melayu di dalam arus kebangkitan Islam hari ini. Kita harus ingat, nabi Muhammad sendiri Tuhan telah mengambil nyawanya dalam usia 63 tahun, padahal ia ketika itu masih sangat diperlukan oleh Islam.

Bila kita berkata begitu, bukan bermakna kita hanya mampu menjadi ketua dalam usia 63 tahun sahaja, tidak. Kita boleh menjadi ketua hatta sewaktu kita berumur 100 tahun pun. Usia tidak menghalang seseorang untuk berbakti kepada negara bangsa dan agamanya. Tetapi kita harus kena ingat dalam usia begitu kita akan banyak melakukan kesilapan daripada kebenaran kerana kita sudah nyanyuk. Hari ini pun kalau diteliti dan dikaji kepada sesetengah polisi dan tindakan politik Mahathir yang tidak jelas matlamat dan kepentingannya kepada orang Melayu, menunjukkan Mahathir sudah pun nyanyuk, walaupun tidak nanar.

Jadi kesimpulannya, walaupun orang suka kepada Mahathir, tetapi saat ini tidak dapat siapa nafikan, orang juga mahu beliau berhenti. Sebab, pengunduran diri Mahathir ketika ini lebih baik daripada dia terus memegang tampuk pemerintahan Malaysia. Arus kebangkitan Islam yang melanda dunia hari ini dan Malaysia diharap akan menjadi salah sebuah tapak kebangkitan itu, tidak memerlukan pemimpin seperti Mahathir yang tidak yakin dan komited pada Islam.

Salah satu contoh tentang kecelaruan dan ketidak tentuan hala dan matlamat Mahathir mengenai Wawasan 2020nya. Apakah motif dan matlamat Wawasan 2020 itu. Kalau kita meneliti dari beberapa perancangan ia terlalu menekan kepada kebendaan. Wawasan tersebut tidak mengambil berat kepada pembangunan rohani. Wawasan Mahathir itu menyebabkan akan lahir generasi yang mementingkan kebendaan pada masa akan datang. Dimana pada waktu itu nanti menyebabkan manusia-manusia di Malaysia ini akan melupai peradaban Melayu, seperti hilang rasa peri kemanusiaan, kerana masing-masing dilingkungi kebendaan sebagai tali pergantungan *survival* mereka.

Selain dari alasan-asalan yang dikemukakan itu, kenapa Mahathir harus meletakkan jawatan dalam keadaan hari ini, semata-mata untuk menyelamatkan dirinya. Saat ini adalah paling baik kalau dia mahu berbuat demikian. Kerana saat ini, beliau berada di kemuncak pelbagai kejayaan politik yang menurut citarasanya Dimana pada waktu orang ramai sedang menilai dan memperkatakan tentang kebaikannya inilah masa paling sesuai untuk beliau mengundurkan diri.

Kita bimbang, kalau Mahathir tidak peka dengan situasi yang berlaku hari ini, dan berdegil tetap mahu mencatatkan rekod sebagai PM paling lama, dia akan tertumus suatu hari kelak. Dia harus faham kegemilangan yang dicapai hari ini sudah mulai menurun. Kalau dia berdegil tidak mustahil dia akan menjadi salah seorang Perdana Menteri yang anti klimek.

Bilakah bermulanya detik kepopulariti Mahathir menurun? Jawabnya tidak syak lagi, sejak berlakunya krisis maha dasyat dalam UMNO dalam tahun 1987, dimana peristiwa pengharaman UMNO sehingga mewujudkan Semangat 46. Benar, kejayaan

Mahathir membentuk UMNO baru dan menyelamatkan keadaan kuasa politik Melayu yang berada di hujung tanduk ketika itu, dijadikan satu azimat untuk menyanjungnya, tetapi realiti politik, apa yang berlaku itu juga titik tolak kepada kegagalan Mahathir dalam mengimbangi dan menyelamatkan politik orang Melayu serta mencetuskan satu perang saudara dalam UMNO.

Biarpun seribu tahun berlalu, peristiwa dan tragedi itu orang akan kenang dan ingat. Orang akan sebut dan sejarah akan catat, perpecahan besar (setakat ini) dalam UMNO berlaku, ketika Mahathir memimpin UMNO. Catatan sejarah ini akan ditafsirkan dengan pelbagai maksud dan andaian oleh generasi akan datang. Orang tetap akan mengaitkan segala peristiwa itu dengan kebijaksanaan dan juga kekejaman politik Mahathir.

Justeru kerana itu, dalam saat orang masih mengenangkan segala jasa-jasanya, adalah elok kalau dia berhenti ataupun mengundurkan diri pada waktu ini. Adalah terlalu rugi lagi bagi Mahathir kalau dia bertindak disaat-saat akhir yang mana waktu orang sudah membencikannya. Dan adalah terlalu rugi kalau dia berhenti kerana bukan di atas kemahuannya, tetapi disebabkan oleh desakan-desakan yang tidak mustahil boleh berlaku.

Kalau takdir beliau terpaksa berhenti dengan cara yang tidak baik, maksudnya bukan diatas kehendaknya, maka sudah pasti generasi akan datang akan mengaitkan kebabilan Mahathir itu dengan peristiwa yang berlaku pada tahun 1987.

Dan bukan saya sahaja yang melihat dan merasakan betapa perlunya Dr M bersara dari sekarang, Syed Hussein Al Attas penulis politik yang selama ini begitu mengkagumi Mahathir juga sudah mula berpijak di atas kebenaran, apabila dalam buku

terbarunya beliau sudah meminta Mahathir bersara. Kata Syed....

"Saudara telah banyak membuat kebaikan tetapi bumi mana yang tak ditimpa hujan seperti lautan mana yang tak begelombang. Setiap orang politik pasti telah melakukan banyak 'dosa-dosa politik' dan saudara yang telah memimpin negara dan parti sepanjang 11 tahun juga tidak terkecuali. Bagaimana ramainya orang yang menyanjung saudara, tak kurang juga mereka yang membenci dan memusuhi saudara kerana mengamalkan sikap *in order be kind you have to be cruel*."

"Di saat-saat saudara sedang di ambang populariti, eloklah saudara renung sejenak dan fikirkan hal ini berulang kali. Ingatlah kepada Newton's Law. Setiap barang yang naik mesti turun. *What goes up must come down* Macam mana deras ia naik begitulah deras ia akan jatuh."

"Saya mendoakan agar saudara dapat menggunakan peluang ini untuk memikirkan sejenak nasihat saya sebelum Newton's Law menimpa saudara. Lee Kuan Yew yang arif tentang Newton's Law, telah memilih untuk bersara sebelum beliau dibersarakan. Sekeras-keras Margaret Thatcher, the Iron Lady, pun kecut juga akhirnya. Dia pun sudah sedar saatnya sudah sampai dan memilih melepaskan jawatan Perdana Menteri Britain kerana sejarah Presiden Sukarno dan Presiden Marcos yang sayang pada kerusi telah mengajar mereka bahawa "No man is indispensable."

Seperti mana saya sebutkan tadi, perkara kedua yang orang tunggu dalam UMNO hari ini, ialah soal siapakah yang akan menjadi Timbalan Perdana Menteri, kalau takdir Encik Ghafar akan menjadi Perdana Menteri. Penantian ini sesuatu yang amat dirindui dan dinantikan. Apa lagi waktu ini ada beberapa gergasi

dalam UMNO yang begitu berambisi sekali untuk menjejak kaki ke tempat itu. Ianya ditambah lagi dengan sikap anggota UMNO hari ini, yang menjadikan kerusi, pangkat, jawatan dan kebendaan sebagai matlamat perjuangan. Maka perebutan kerusi TPM itu dijangka hebat dan bolehlah dianggap satu perang kecil yang akan membuka ruang perang yang lebih besar, daripada perang 1987 kalau tidak kena gaya dan cara mencatumnya.

Apabila kita bercakap mengenai siapa dan bila, secara automatik kita akan terlintas kepada tiga tokoh yang terletak di barisan ketiga dalam hirarki kepimpinan UMNO hari ini. Mereka itu **Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Datuk Seri Sanusi Junid**. Manakala apabila kita bertanya bila, jawabnya tentulah sesudah Encik Ghafar Baba naik menjadi Perdana Menteri.

Memang tidak siapa boleh menolak bahawa ketiga-tiga nama yang disebut tadi merupakan calon paling afdal untuk diangkat menjadi TPM. Baik setelah Encik Ghafar naik ataupun kalau takdir Encik Ghafar mati awal. Encik Ghafar ataupun Mahathir (kalau Ghafar mati) tidak mungkin akan mengambil Tengku Razaleigh Hamzah atau Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri seperti mana yang disebut oleh sesetengah pemerhati politik.

Berdasar kepada tradisi dalam UMNO pun, ketiga merekalah yang bakal memegang tahta dalam masa tiga hingga lima tahun ini. Kerana merekalah merupakan tokoh dibarisan ketiga. Lainlah kalau sesuatu yang diluar dugaan berlaku dalam UMNO, misalnya teori-teori misteri yang digembar-gemburkan itu menjadi kenyataan, ini boleh menyebabkan mereka akan terlepas. Teori-teori misteri yang dimaksudkan itu termasuklah ura-ura untuk

mengundang masuk Tengku Razaleigh dan Musa Hitam ke dalam UMNO.

Bagaimanapun kalau melihat kepada situasi dan kondisi politik hari ini, teori itu tidak mungkin akan berlaku. Ia hanya satu ramalan dan gimik politik semata-mata untuk menyedapkan hati-hati mereka yang telah tiada harapan dalam politik UMNO kini. Apa yang kita rasakan teori itu sengaja diwujudkan untuk menyedap hati mereka yang kehilangan harapan dan juga demi mereda *politiking* dalam UMNO.

Makanya, peluang untuk menduduki kerusi TPM masih terpegang ditangan mereka. Cuma apa yang suspennya, siapakah diantara mereka bertiga itu yang akan bernasib baik dalam hal ini kemudian diangkat menjadi Timbalan Perdana Menteri yang ketujuh.

Inilah yang rumit. Dan inilah yang menyebabkan ahli UMNO hari ini berperang sama sendiri. Mereka berdoa untuk menaikkan tokoh-tokoh pujaan mereka masing-masing. Masing-masing melobi dan melaungkan kepada dunia, serta mempengaruhi kuasa-kuasa yang mungkin dapat campur tangan dalam perlantikan itu supaya memilih calon mereka. Justeru itu tidak hairanlah hari ini, kalau kita mendengar sesetengah orang dengan tanpa segan silu dan optimistik sekali mengatakan tokoh mereka awal-awal lagi sudah direstui dan ditunjuki oleh Mahathir untuk menggantinya.

Apa yang berlaku, kita harus melihat kepada realiti. Realiti tidak boleh membohongi sesiapa. Realiti boleh membunuh seribu angan yang molok-molok. Realiti adalah sebahagian daripada diri kita sendiri. Realiti juga merupakan asas dan bukti paling mutlak dalam kita menilai sesuatu.

Apabila kita berpandukan kepada realiti, ketiga tokoh itu ternyata mempunyai kekurangan dan kelebihan masing-masing. Masing-masing ada keistimewaan untuk dipilih sebagai Timbalan Perdana Menteri. Dan masing-masing ada juga kelemahan sendiri. Itu sudah menjadi lumrah manusia, tidak ada insan yang tidak mempunyai kelemahan. Tidak ada gading yang tak retak!

Kalau diukur daripada jumlah undi dan citarasa perwakilan UMNO dalam tahun 1990, sewaktu berlakunya pemilihan untuk jawatan Naib Presiden UMNO, jelas Anwar Ibrahim terkedepan daripada Sanusi dan Dollah Badawi. Ini berdasarkan kepada jumlah undi yang diperolehi oleh Anwar dalam pemilihan itu sebanyak, 1067 undi berbanding dengan Dollah Badawi sebanyak 953 undi sementara Sanusi Junid hanya 750 undi. Disini juga Dollah Badawi duduk ditangga kedua sementara Sanusi jatuh di tangga ke tiga.

Soalnya kini apakah kedudukan jumlah undi yang diperolehi itu boleh dijadikan satu kriteria yang mutlak? Benarkan UMNO (Baru) akan berasas kepada jumlah sokongan untuk melantik para pemimpinnya? Apakah tidak ada ukuran-ukuran ataupun perkiraan lain yang dibuat? Seandainya jumlah undi itu menjadi ukuran mutlak, ternyata Anwarlah berhak untuk menjadi TPM. Tetapi kalau UMNO mengemukakan asas-asas lain yang lebih relevan, misalnya mengenai visi, sikap, pandangan dan kewibawaan serta ketokohan seseorang itu, untuk dilantik menjadi pemimpin mereka (TPM), maka ia tidak mudah untuk Anwar ataupun orang-orang Anwar mengatakan Anwar patut diberi prioriti dalam hal itu.

Sebab kalau dilihat secara adil berhubung dengan kebolehan, kewibawaan, konteks, dan *style* UMNO mempunyai tokoh yang

lain daripada Anwar. Dalam hal ini, Sanusi Junid boleh diletak ke hadapan kerana beliau mempunyai visi serta idea yang cukup baik untuk menjadi seorang Timbalan Perdana Menteri. Kalau kita meneliti serta mengkaji arah fikiran, semangat dan juga visi dan misi halus Sanusi, dia relatif lebih baik daripada Anwar. Sanusi berkemampuan untuk menjadi pemimpin besar!

Dalam hal ini juga kalau wibawa, semangat berkerja, bentuk pemikiran dan sifat *wasyara* menjadi asas kepada UMNO untuk melantik dan memilih pemimpinnya, ternyata Sanusi berada di tempat paling teratas berbanding dengan Anwar maupun Dollah Badawi.

Tetapi apakah itu yang menjadi asas kepada UMNO? Apakah UMNO akan memperkirakan segala ciri-ciri dan kelebihan Sanusi itu? Demikian juga halnya dengan Dollah Badawi. Pak Dollah juga mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Bercakap mengenai Dollah, melihat kepada hakikat dan personaliti politiknya hari ini, dialah orang paling baik dibanding di antara ketiga itu. Dollah tidak mempunyai masalah seperti Anwar dan Sanusi. Dollah tidak ada 'tanda-tanda hitam' ataupun gelaran seperti Anwar. Dollah tidak lancang bercakap mengenai Islamisasi seperti Anwar yang sehinggakan dirinya tenggelam dalam slogan Islamisasinya itu.

Pak Lah juga sopan santun dan lemah lembut. *Style* politiknya juga tidak rakus dan mulutnya juga tidak secelupar mulut Sanusi Junid. Dollah mempunyai sikap politiknya sendiri. Tindakannya juga penuh dengan diplomasi dan seorang yang suka mendiamkan diri daripada melalak tak tentu pasal sekadar mencari publisiti murah untuk menonjolkan diri.

Jadi jelas, kalau dilihat kepada beberapa faktor dan asas-asas

kemungkinan yang digunakan oleh perwakilan UMNO untuk memilih pemimpin mereka dimasa hadapan, ketiga-tiga Naib Presiden UMNO itu mempunyai harapan dan kelebihan masing-masing. Masing-masing ada aset tersendiri untuk dipilih menjadi Timbalan Perdana Menteri. Masing-masing berkemampuan untuk menjadi pemimpin besar negara. Masing-masing ada visi, misi dan ambisi tersendiri. Paling nyata masing-masing mempunyai peluang luas. Dan masing-masing bolehlah bermimpi untuk memegang jawatan itu.

Antara mereka, Tuhan pilih siapa?



Ramai orang mahu tengok Dr. Mahathir "turun" sambil memberi lambai mesra begini. Bye..bye.. Dr. Mahathir sudah tua. Semoga dia bersara dengan keadaan selamat

2.

Selepas Ghafar

*MAHATIHIR
MAHUKAN
ANWAR*

Meskipun dalam UMNO ada demokrasi, dan demokrasi itulah yang dijadikan sistem atau pun peraturan dalam perjuangan dan pentadbiran UMNO, namun kadang kala asas itu sering kali dilupakan dan tidak diperdulikan. Sejarah perjuangan UMNO banyak membuktikan, bahawa UMNO tidak mengamalkan demokrasi sepenuhnya. Atau dalam erti kata lain, UMNO tidak demokratik dalam tindakannya.

Malahan masalah ketidak demokratikan dalam UMNO inilah yang menjadi isu dalam tahun-tahun 1980an lalu, dimana menyebabkan timbulnya pemberontakan dikalangan UMNO terhadap pemimpinnya masa itu. Kalangan yang tidak senang dengan pucuk pimpinan telah menuduh, Mahathir seorang diktator. Yang banyak menggunakan kuasa veto dalam pentadbirannya.

Punca Datuk Musa Hitam meletak jawatan, dikatakan juga kerana tidak senang dengan sikap ketidak demokratikan Mahathir itu. Dan kemuncak kepada masalah itu, perlawanan satu sama satu antara Tengku Razaleigh Hamzah dengan Mahathir Muhamad.

Sikap demikian bukan sahaja terbatas dalam UMNO. Ia juga turut menular dalam kerajaan Malaysia yang ditulangi oleh UMNO. Sikap tidak demokratik, pilih kasih, dan menggunakan kuasa veto terlalu banyak berlaku dalam kerajaan. Sehingga parti-parti pembangkang merasakan ruang demokrasi kepada mereka dalam negara demokrasi tidak ada langsung.

Hakikat ataupun bukti ini dapat kita lihat bila setiap kali menjelang pilihanraya umum. Kesempatan untuk parti pembangkang berkempen begitu sedikit sekali. Ketidak adilan, berlaku misalnya dengan tidak membenarkan parti-parti pembangkang berkempen secara terbuka. Sedangkan parti kerajaan (UMNO) dengan wewenang dan penuh kebebasan tanpa memperdulikan teguran pihak oposisi menggunakan segala bentuk jentera dan saluran kerajaan untuk kepentingan mereka.

Itulah salah satu sikap ketidak adilan UMNO, ataupun pencabulan UMNO sebagai parti kerajaan terhadap keutuhan sistem demokrasi yang dilaung-laungkan itu.

Jadi berlandaskan kepada hakikat itu, demokrasi amat payah untuk kita temui dalam UMNO. UMNO hanya melaungkan demokrasi sebagai satu sistem, tetapi tidak bersedia untuk mengamalkannya. Keadaan ini juga berlaku dalam percaturan untuk menentukan kepimpinan dalam UMNO. Demokrasi tidak digunakan lagi, sebaliknya para pemimpin UMNO lebih leka dan gemar menggunakan kuasa veto yang dimanfaatkan oleh parti kepada mereka.

Ciri-ciri penggunaan kuasa veto semakin meluas dalam UMNO. Wujudnya sikap tidak amanah, pilih kasih, tidak jujur semakin menyerlah dan menguasai diri UMNO membuktikan penggunaan

kuasa veto begitu meluas. Dan elemen-elemen najis dan *immoral* ini juga sedang berlaku dalam masalah pemilihan pucuk pimpinan UMNO dewasa kini.

Justeru kerana itu, mana-mana tokoh yang rapat dengan pimpinan yang mempunyai kuasa mutlak dan "yang berkuasa," akan mempunyai peluang luas untuk diangkat menjadi penggantinya. Dalam konteks ini, sesiapa yang baik dan mendagui Mahathir, sudah pasti akan diberi perhatian oleh Mahathir untuk mewarisi tahta kerajaan Malaysia pada masa akan datang. Sesiapa yang tidak bersedia menjadi penjilat ludahnya apalagi menentang dan mengkritiknya, tidak akan berpeluang untuk menerima pesaka dalam UMNO, meskipun dia layak dan berhak!

Dalam hal ini satu-satunya tokoh yang kita nampak mendagui Mahathir serta bersedia untuk melakukan apa yang Mahathir cakap, hatta melakukan "ketuk ketapi" kalau Mahathir jadikan syarat untuk naik, ialah Anwar Ibrahim. Walaupun Mahathir cuba menunjukkan sikap demokratiknya dalam hal ini, tetapi umum mengetahui, keadilan yang Mahathir amalkan ialah keadilan pada satu pihak.

Berbanding dengan tokoh-tokoh lain, Anwar memperoleh markah yang tinggi pada Mahathir. Tidak siapa berani menafikan hakikat ini. Cuba kita perhatikan apa yang ditulis oleh penulis bernama J. Victor Morais dalam bukunya Anwar Ibrahim: Cekal dan Tabah, tulisnya:

"Dr. Mahathir yang telah mengenali Anwar sejak beliau di universiti lagi telah menyokong ketua belia ini dengan sepenuhnya. Beliau hendakkan Anwar bersama-samanya dalam Barisan. Perdana Menteri sudah lama menitik beratkan kerja-kerja untuk

kemajuan kebendaan, dalam pada itu menyokong nilai-nilai kerohanian dan kejasmanian. Dengan cara memulihkan kembali ajaran Islam inilah yang membuat Anwar bersetuju dengan Dr. Mahathir." (Lihat muka surat 42-43)

Dari *goatiton* itu jelas menunjukkan bahawa kemasukan Anwar dalam UMNO itu adalah diatas inisiatif dan kehendak Mahathir Muhamad. Mahathir yang inginkan Anwar dan bukannya Anwar yang menjual dirinya.

Mungkin orang tidak dapat mempercayai kenyataan di atas kalau tanpa bukti-bukti lain. Mungkin itu kebetulan dan pengamatan penulis itu sahaja. Tapi...rombak kabinet awal tahun 1991 lalu, boleh dijadikan bukti paling kemas dan sahih. Dalam rombakan itu, Mahathir telah membawa Anwar ke Kementerian Kewangan sebagai pengganti Daim Zainuddin. Padahal, tidak ada kemunasabahan untuk Mahathir berbuat demikian, kerana masih ada calon lain berkecayak. Tetapi kerana ia mahukan kepada Anwar, dia tidak peduli apakah Anwar layak ataupun tidak.

Apakah tujuan Mahathir melantik Anwar menjadi menteri kewangan? Tidak lain dan tidak bukan, selain untuk memberi peluang kepada Anwar menimba pengalaman di situ mengenai seluk beluk kewangan, koprat dan ekonomi.

Kenapa kita berkata demikian? Jawabnya terlalu mudah sekali. Bukankah masih ada orang lain yang berkecayak untuk menjadi menteri kewangan. Yang lebih berwibawa dan berkebolehan daripada Anwar? Tetapi kenapa dia melantik Anwar.

Perlantikan Anwar sebagai menteri kewangan ini selain

daripada ia tidak *relevan*, ia juga menunjukkan sikap tidak adil dan jujur Mahathir. Beliau lebih mementingkan soal kepentingan peribadi daripada mengutamakan soal-soal yang boleh memberi manfaat kepada negara. Melantik Anwar yang tidak mempunyai kelulusan dan kemahiran dalam bidang kewangan, sedikit sebanyak merugikan negara.

Dalam hal ini kalau Mahathir benar-benar jujur, tidak *bias* serta demokratik, ia sepatutnya mengambil contoh daripada Rasulullah. Beliau harus meniru bagaimana Rasulullah dalam membuat sesuatu perantikan (kabinet) Islam. Rasulullah sama sekali tidak mementingkan kepada kedudukan seseorang ataupun kepentingan dirinya. Tetapi Baginda melihat keupayaan dan kelayakan seseorang tanpa melihat prioriti lain.

Diriwayatkan dalam sejarah, orang pertama yang menerima kalimat azan dari Malaikat ialah Abdullah bin Zaid. Dia ini buta. Dialah manusia pertama yang menghafalkan azan, dari mula sampai akhir. Kalau ikut logiknya, Abdullah lah patut menjadi mu'azin, sebab dia yang menerima pengucapan itu.

Tetapi, apabila dia persembahkan kepada Nabi, Nabi tidak melantik dia menjadi tukang azan. Sebaliknya nabi lantik Bilal bin Rabah. Alasan nabi kerana Bilal mempunyai suara merdu, sebaliknya Abdullah tidak.

Dari sejarah ini jelas, Rasulullah telah melantik orang yang sesuai, sepadan dan mempunyai kepandaian dalam sesuatu bidang itu. Ia bukan berpandu kepada perkenan hatinya ataupun ciri-ciri keduniaan yang lain.

Sebagai orang Islam, yang mengucap dua kalimah syahadat,

dan mengaku Muhammad sebagai pesuruh Allah, Mahathir sepatutnya mencontohi nabi. Beliau sepatut tidak berpolitik dalam penyusunan kabinetnya. Beliau harus menilai kelayakan dan kebolehan seseorang untuk mengambilnya sebagai pemimpin. Dengan menyerahkan kepada orang yang layak sahajalah, baru jawatan itu berfungsi dengan baik dan negara pula akan mendapat manfaat dengan perlantikannya.

Tenguk hari ini apa sudah jadi dengan aliran wang dan pertumbuhan ekonomi negara, sejak Anwar menjadi menteri kewangan. Nampaknya Anwar terkapai-kapai dengan jawatan barunya itu. Beliau tidak dapat menggunakan jawatan itu untuk kepentingan negara, kerana beliau tidak arif dan mahir dalam seluk beluk pengurusan dan kewangan. Menurut seorang di kementerian kewangan, Anwar kini baru sahaja tamat mengikuti kursus *book keeping*! Baguslah.

Tetapi kerana Mahathir tidak berpandukan kepada sejarah itu, dia tidak mempersoalkan layak atau tidak, pandai atau tidak, sebaliknya dia berpandukan kepada Anwar sebagai 'orangnya', maka dia lantik juga Anwar Ibrahim menjadi Menteri Kewangan. Mahathir telah membelakang soal-soal kemahiran dan kemampuan seseorang sebaliknya meletakkan soal kepentingan dirinya di hadapan.

Atas alasan itu sahajalah sudah jelas bahawa Mahathir mahukan kepada Anwar. Perlantikan itu sepertilah pendapat para peminat Anwar, sebagai untuk *train* Anwar belajar mengira duit, mengenal not-not dan juga mengetahui seluk-beluk keluar masuk wang sebagai persediaan kearah menjadi pemimpin nombor satu negara.

Jadi hari ini hasil daripada pengamalan sikap tidak adil, tidak

demokratik, dan berpandukan kepada sentimen peribadi, maka kedudukan Anwar begitu istimewa sekali. Dia dilayan begitu rupa oleh Mahathir. Jadi suatu hari nanti kalau takdir Anwar jadi PM, bolehlah kita anggap kedudukan itu atas anugerah Mahathir dan bukannya dari titik peluhnya sendiri.

Dengan perkembangan ini, Sanusi Junid ataupun Pak Dollah Badawi, ataupun juga Ghafar Baba janganlah rasa terkilan kalau tiba-tiba Anwar naik meninggalkan mereka. Mereka kena terima dengan tangan terbuka dan mata yang putih. Sebab dari apa yang berlaku sudah terang menunjukkan Mahathir *interesting* kepada Anwar.

Dalam diam-diam dan penuh diplomasi Mahathir nampaknya berusaha keras untuk memastikan 'orang'nya itu naik menggantikan tempatnya suatu hari kelak.

Maknanya selagi Mahathir terus bermain 'kotor' begitu, maka selama itulah orang-orang yang tidak bernaung dibawah dagu politiknya tidak akan naik. Selama-lamanyalah orang-orang yang tidak bersedia menjadi 'pak kak' pada politiknya akan kecewa, dan menjadi mangsa politik tidak demokratik Mahathir Muhammad.

Hanya satu cara saja, baik bagi Ghafar, Sanusi, Pak Dollah ataupun sekalian ahli UMNO, kalau mereka hendak melihat demokrasi dalam UMNO itu hidup mereka hendaklah berani menegur Mahathir. Mereka tidak harus menjadi syaitan bisu, yang tidak berani tegur tetapi dalam hati menaruh dendam. Mereka perlu berani bertindak, seperti mana Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah lakukan pada Mahathir.


Selagi mereka tidak berani berbuat demikian, maka selama

itulah ketidak demokratikan dan diskriminasi dalam UMNO akan berterusan. Dan selama itulah juga mereka yang jujur, yang ikhlas, yang mati-matian berjuang akan menjadi mangsa dasar politik "*barbarisme*".

Apa membimbangkan kita perkara ini menjadi satu fenomena kini. Percayalah kalau keadaan ini akan berterusan, lambat laun UMNO akan hancur. UMNO akan menuju ke arah kemusnahan. Bila nilai-nilai murni dan adab mulia sudah tidak ada pada diri para pemimpinnya, maka saat itulah nanti orang tidak akan yakin kepada UMNO lagi. Tunggulah kemusnahan dan kehancuran UMNO dari muka bumi ini. Mungkin kerana menyedari menebalnya noda-noda demikianlah, menyebabkan Tengku Razaleigh Hamzah dan konco-konconya berpaling tadah menentang pucuk pimpinan UMNO hari ini.

Bila kita mengkaji dan menyedari keadaan ini, maka barulah kita merasakan tindakan Tengku Razaleigh melawan Mahathir, tindakan Musa letak jawatan, tindakan Ketua Hakim Negara melawan Mahathir, tindakan Ketua Audit Negara melawan Mahathir, tindakan majlis peguam protes Mahathir terasa benar dan tepat.

Berbalik pada sikap Mahathir tadi, nyata dia mahu kepada Anwar. Beliau begitu mengharap Anwar menjadi penggantinya. Sebenarnya tidak salah kalau menunjukkan calon penggantinya. Tapi dalam pada itu, beliau harus menyelidiki dulu, apakah calonnya itu boleh diterima umum atau pun tidak. Kalau Anwar hanya diterima oleh segolongan tertentu sahaja bermakna calon Dr. Mahathir tidak sempurna! Apakah Mahathir mahukan orang yang diangkatnya, akan diturunkan oleh rakyat ?



Nama-nama yang you berikan ini, tidak berapa comel, Anwar. Semuanya nama "orang-orang" you . Lagipun ada yang malas kerja ni. Saya terpaksa sensor dulu, kalau tak, apa pula kata Sanusi dan Dollah Badawi nanti. InsyAllah kalau you ubah sikit saya sedia untuk mempertimbangkannya!

3.

Cita-cita Terakhir Ghafar

BERJAYAKAH JADI PM

Barangkali ramai yang bersetuju kalau saya mengatakan, doa yang paling kerap dibaca oleh Ghafar Baba hari ini, ialah doa agar Tuhan memberikan kesempatan kepadanya untuk menjadi Perdana Menteri walaupun sehari. Tidak ada doa yang paling afdal dan mujarab baginya melainkan doa itu. Mungkin sudah berbillion-billion Ghafar berdoa demikian.

Selain itu Ghafar juga sudah pasti mendoakan kesejahteraan dirinya, memandangkan usianya kini sudah 67 tahun. Biarlah Allah lanjutkan usianya. Kerana dengan usia yang lanjut sahaja yang memungkinkan untuk dia mengapai cita-citanya. Dan dalam pada itu, sudah tentu Encik Ghafar amat berat untuk mendoakan kepada Mahathir, agar Mahathir sihat walafiat. Kerana kalau Mahathir sihat, kuat, gagah, maka tipis dan lambatlah harapannya untuk menjadi PM. Kerana selagi Mahathir sihat, dia tidak akan mengundurkan diri.

Setidak-tidaknya walaupun Encik Ghafar tidak tergamak untuk mendoakan agar Mahathir mati cepat, tetapi patut baginya mendoakan begini: *"Ya Allah biarlah Mahathir berundur cepat*

dari kerusi PM, dan berikanlah aku kesempatan itu."

Mungkin Encik Ghafar marah bila saya menulis begini. Tetapi bolehkah Encik Ghafar menolak hakikatnya. Apakah di sudut hati kecilnya, dia tidak menyimpan niat untuk menjadi PM? Apakah dia tidak mahu merasai betapa lunaknya kerusi PM? Dan apakah dia tidak berkeinginan untuk menjawab kepada malaikat sesudah mati kelak, kerja aku di atas dunia dulu sebagai Perdana Menteri.

Walaupun secara nyata, Ghafar tidak berani untuk menyatakan hasratnya itu, tetapi hakikatnya semua orang tahu. Dalam mengulas hal ini, Ghafar hanya pernah berkata, "samada saya hendak jadi Perdana Menteri ataupun tidak, ini kehendak Allah swt dan saya tidak pernah merancang untuk menjadi Perdana Menteri." Demikian kata Ghafar. Beliau juga memberi alasan, kalau beliau hendak jadi PM, kenapa beliau keluar kabinet dulu?

Sebenarnya itu alasan sahaja. Alasan dangkal. Memanglah sesiapa pun tidak boleh menentukan samada dia naik ataupun tidak. Apa lagi kalau dia melaungkan kepada umum yang ia sedang merancang untuk jadi PM, cara itu bukan cara orang politik. Tetapi daripada tindakan lahiriah dan juga riak risik, orang boleh membayangkan apa yang sedang bersarang dihati Ghafar sebenarnya. Ghafar tidak boleh melindungi hasrat hati kecilnya dengan kata-kata politik yang manis. Dia tetap mahu jadi PM.

Bukankah kesanggupan Ghafar menerima tawaran Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri dulu, sedikit sebanyak bertolak dari keinginan Ghafar sendiri. Apakah waktu ia menerima tawaran itu, tidak terlintas difikirannya, kalau tiba-tiba Mahathir mati, dia akan ambil alih tugas itu?

Ghafar sudah memperhitungkan itu. Maka dia tidak dapat melindungi apa yang dibisik oleh hatinya. Jika ia ikhlas tidak mahu menjadi PM, dia boleh tinggalkan jawatan yang dipegangnya sekarang. Bukankah orang yang kononnya layak dan berhajat sudah ada?

Makanya ucapan mengatakan saya tidak merancang untuk jadi PM itu adalah kata-kata biasa yang telah basi dan berulat. Siapa pun tidak boleh menolak bahawa Ghafar mahukan jawatan PM.

Tidakkah kedudukan itu sama taraf dengan kedudukan khalifah Omar ibni Khattab, Othman Affan, Abu Bakar Siddiq, Ali Abi Thalib dan lain-lain. Bukankah jawatan itu satu jawatan yang mulia! Sekurang-kurangnya Ghafar boleh membuat pahala dengan jawatan itu. Untuk apa Ghafar menyembunyikan niat hatinya untuk jadi PM walaupun sehari itu?

Sebenarnya cerita Encik Ghafar hendak jadi PM sehari ini tidak menjadi rahsia lagi. Ceritanya berlaku ketika dia berjumpa dengan Ku Li dalam tahun 1987 dulu, dalam proses hendak pujuk Ku Li agar jangan cabar Mahathir untuk jawatan presiden parti. Menurut ceritanya Ghafar berharap agar Ku Li batalkan niat itu. "Janganlah cabar Mahathir, sabarlah. I hendak jadi PM sekejap sahaja, lepas tu you ambillah..." kata Ghafar.

Tetapi sayang, pujukan Ghafar itu tidak berhasil. Ku Li tetap juga dengan keputusannya. Dia tetap hendak lawan Mahathir. Ketika itu katanya Ku Li ada tanya Ghafar, apakah kata-kata (janji) you itu Mahathir tahu. Kata Ghafar, itu hanya dia punya *planning*. Mahathir tak tahu. Mendengar itu, Ku Li, menolak pujukan Ghafar.

Begitulah telatah Ghafar dalam usahanya untuk menjadi Perdana Menteri. Jadi dalam soal ini janganlah Encik Ghafar serahkan sahaja kepada Tuhan bulat-bulat ataupun menjadi **fatalis**, nanti kecewa tidak sudah. Terpaksa menangis dibalik dinding pula, malu! Apa lagi kalau orang tua menangis, sungguh buruk sekali.

Sebenarnya kalau Ghafar hendak jadi PM, tidak siapa boleh sekat atau dengki. Adalah wajar kalau Ghafar bercita-cita hendak jadi PM. Dan dia akan kempunan kalau dia tidak sempat menjadi Perdana Menteri. Catatan dan sejarah politiknya tidak akan lengkap kalau dia tidak menjadi PM. Malahan mungkin juga kerana hendak melengkapkan sejarah dan biografi dirinyalah maka ia berusaha keras untuk menjadi PM. Pada Ghafar kalau dia tidak sempat menjadi PM, mungkin dia mati dalam keadaan mata yang terbuka.

Soalnya kini bolehkah Encik Ghafar menjadi PM? Dalam situasi dan gelora politik hari ini, bolehkah Encik Ghafar mencapai ciat-cita politiknya yang terakhir itu. Apakah dia juga akan kecewa seperti Tunku Abdul Rahman yang mati sebelum dapat melihat cita-citanya tercapai. Arwah Tunku sebelum mati tak sempat melihat Mahathir jatuh. Apakah Ghafar juga akan mati sebelum sempat menjadi PM.

Cuma apabila kita menyebut mengenai cita-cita besar Encik Ghafar Baba, kita sering kali terdengar cakap-cakap tentang ketidak mampuannya untuk menjadi Perdana Menteri. Orang sering kali mempertuturkan soal wibawanya, kelulusannya dan juga sikap yang ada kepada Ghafar Baba. Ramai orang mengatakan, Encik Ghafar sudah terlalu lewat untuk menjadi PM Malaysia yang serba maju ini. Ramai beranggapan Encik Ghafar tidak

sesuai lagi pada waktu ini. Sudah *expire*!

Penulis Zakry Abadi dalam bukunya **Kualiti Kepimpinan** telah menyebut tentang ketidak mampuan Ghafar ini. Beliau menghuraikan ada tiga faktor kenapa Encik Ghafar tidak layak menjadi Perdana Menteri. Katanya; *kesulitan Encik Ghafar menjadi Perdana Menteri, berpunca dari tiga faktor. Pertama faktor masa. Kedua faktor kelayakan akademik dan ketiga faktor pemilihan parti. (Lihat muka surat 55)*

Dari ketiga faktor itu menurut Zakry, faktor kelulusannyalah yang menyulitkan Encik Ghafar Baba, kerana walaupun faktor itu bukan merupakan syarat utama, tetapi ia penting kerana jawatan yang tertinggi dalam perancangan dan pentadbiran politik negara seperti ini, memerlukan bukan sahaja pentadbiran yang luas dan sifat-sifat intelektualisme tetapi mempunyai kelayakan akademik yang munasabah bagi seseorang pemimpin yang diangkat menjadi Perdana Menteri.

Walaupun ramai yang bersetuju dengan kata-kata Zakry itu, tetapi saya tidak menyetujuinya 100%. Saya setuju kelulusan akademik itu penting, tetapi ia bukan menjadi syarat mutlak, ataupun hujah untuk kita menolak Encik Ghafar daripada menjadi PM. Kalau soal kelulusan hendak diperkirakan, Mahathir juga tidak mempunyai kelulusan yang tinggi dalam bidang politik dan pentadbiran. Mahathir hanya lulus ilmu perubatan sahaja.

Tetapi hari ini jelas, dengan hanya kelulusan itu Mahathir berjaya menjadi seorang pentadbir dan perancang politik yang disegani. Siapa pun tidak boleh menafikan ini. Perubahan yang berlaku ke atas negara, membuktikan akan kemampuan Mahathir. Demikian juga dengan kestabilan politik Melayu dewasa ini,

sedikit sebanyak disebabkan kecekapan perancangan politiknya.

Demikian juga halnya dengan Ustaz Ashaari Muhammad. Beliau tidak mempunyai kelulusan akademik atau memiliki mana-mana ijazah. Tetapi ternyata beliau mampu memimpin sebuah jemaah sehingga berjaya dan digeruni oleh kerajaan. Kejayaan Ashaari itu membuktikan, bahawa kelulusan tidak menjadi syarat untuk seseorang itu muncul sebagai seorang pemimpin, berkualiti dan disegani.

Jadi dalam soal ini, Encik Ghafar tidak perlu merasa terkilan dengan pendapat yang demikian. Ukuran yang paling utama pada seseorang itu, samada layak ataupun tidak untuk menjadi pemimpin, bukan sahaja tertakluk kepada kelulusan lahiriahnya. Tetapi ia bergantung kepada pengalaman dan juga ciri-ciri kepimpinan semula jadi yang ada dalam diri seseorang itu.

Dalam falsafah bernegara dan kepimpinan yang sejati, kita bukan sahaja memerlukan seorang pemimpin berkemampuan untuk mentadbir negara dengan baik sehingga negara menjadi maju dan rakyatnya kaya tetapi juga yang boleh menjamin kedamaian sejagat dalam erti kata keamanan untuk dunia dan akhirat. Ini asas yang penting saya rasakan perlu diutamakan daripada mempertikaikan tentang kelulusan seseorang itu.

Pada saya kalau Encik Ghafar Baba dapat mengkombinasikan pengalaman dan juga kepakarannya dalam politik, dia boleh juga muncul sebagai seorang Perdana Menteri yang baik pada masa akan datang, meskipun dia tidak mempunyai kelulusan akademik tinggi yang sering menjadi ukuran manusia dewasa ini. Sekurang-kurangnya kalau Encik Ghafar tidak menjadi seterkenal Mahathir, paling tidak dia akan dipandang setanding dengan

4.

Apakah Pak Dollah akan jadi...

**'PAK LAH
TAKDIR'**

Manusia hanya boleh merancang, tetapi Allah yang akan menentukan. Bagaimana rapi dan telitinya perancangan manusia, tetapi kalau Allah tidak merestuinnya, ia tidak akan terjadi. Keupayaan manusia hanya setakat itu sahaja. Lantaran itu tidak ada siapa dapat memastikan kedudukan dirinya sendiri, apa yang mampu hanya berikhtiar kemudian serah kepada Allah.

Demikian juga halnya dengan keadaan dalam UMNO, terutama kepada tokoh-tokoh yang begitu ghairah untuk naik menjadi pemimpin Malaysia. Mereka semua, hanya boleh membuat berbagai taktik dan strategi untuk memastikan diri masing-masing naik, tetapi hakikat sebenar dan keputusan muktamadnya terenggam dalam tangan Tuhan.

Apapun begitu, kalau kita perhatikan kepada percaturan politik dalam UMNO, khasnya dalam usaha untuk menerajui kepimpinan parti di masa akan datang, kedudukan Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi agak tersendiri sedikit. Beliau kelihatan terkeluar dari medan percaturan yang sedang berlaku sekarang ini. Seimbab

pandang Pak Dollah Badawi seolah-olah tidak sama ikut berlumba untuk merebut sesuatu yang istimewa dalam UMNO, meskipun beliau juga mempunyai syarat-syarat yang cukup! Benarkah begitu ?

Kalau diperhatikan kepada formula yang telah disebutkan dalam bab sebelum ini, Pak Lah agak kesepian malahan terasing. Beliau seakan tidak mempunyai cita-cita untuk sama merebut haknya itu. Dollah lebih banyak menyepi diri daripada mendominasi dirinya untuk mengaut pengaruh.

Apakah beliau mengaku kalah sebelum bertarung, ataupun bersikap menyerahkan nasib kepada Tuhan? Kalau beliau bersikap demikian, Pak Lah akan kerugian dan kecewa besar. Sebab kalau dia mengharap yang bulat datang menggolek dan yang pipih datang melayang, ia tidak akan memperolehinya dengan senang. Sebab yang bulat dari Mahathir sudah pasti akan datang ke sisi Anwar, sementara yang pipih dari Ghafar kemungkinan besar melayang kepada Sanusi.

Diperhatikan kepada realiti politik hari ini, nama Dollah tidak tercatat dalam kepala Mahathir. Mustahil Mahathir akan menukarkan Dollah dengan Anwar. Mahathir tidak akan sesekali membuka ruang dan lorong untuk Dollah kerana dia sudah ada anak emas, Anwar Ibrahim.

Barangkali kita tidak perlu menyebutkan apakah sebab musababnya. Umum sudah mengetahui akan kedudukan ini. Mahathir sedikit terkilan terhadap Pak Lah, ekoran Pak Lah pernah berpaling tadah sekejap dulu, menyertai team B. Bersekongkol dengan Tengku Razaleigh dan Musa Hitam untuk menghancurkan Mahathir.

Jadi kalau Pak Lah termimpi untuk mengharapkan sesuatu yang lebih dari Mahathir, dia tidak akan memperolehi apa-apa lagi, melain perlantikannya semula oleh Mahathir dalam kabinet awal tahun 1991 lalu. Itu pun Dollah harus sedar, Mahathir bukan ikhlas berbuat begitu, melainkan kerana desakan secara simbolik perwakilan UMNO melalui pemilihan Dollah sebagai salah seorang Naib Presiden.

Pun demikian juga pada Ghafar. Kalau Pak Lah ada niat untuk mengharapkan belas kesian daripada Ghafar terhadap masa depan politiknya, ia merupakan sesuatu yang sia-sia, umpamalah mengharapkan hujan di tengah kemarau yang terik. Meskipun Pak Lah tidak pernah melakukan dosa-dosa besar kepada Ghafar, dan Ghafar tidak pernah mempunyai dendam politik kepadanya, Pak Lah tidak boleh menaruh apa-apa harapan. Ini kerana Ghafar juga dikatakan mempunyai pilihannya sendiri, iaitu Sanusi Junid.

Walhasilnya hari ini, Pak Lah tidak ada pengharapan dalam politik UMNO. Atau beliau tidak ada taukeh dalam politik UMNO hari ini yang akan bertindak sebagai pemberi pesaka kepadanya. Beliau tidak mempunyai junjung untuk dia berpaut seperti mana Anwar dan Sanusi Junid. Jadi hendak tak hendak, Pak Lah akan berusaha sendiri, tanpa mengharapkan bantuan orang lain.

Beliau terpaksa menggunakan segala kemahiran, pengalaman politik dan juga caranya sendiri untuk naik. Beliau tidak ada ilmu bantu ataupun *godfather* yang diharap akan dapat membantunya. Beliau harus pergunakan taktik dan strategi sewaktu beliau bertanding untuk mempertahankan jawatan Naib Presiden dahulu untuk memastikan dia terus selamat.

Dan sikap *low profail* serta apa yang beliau lakukan hari ini adalah yang paling baik. Beliau harus kuat berkerja, untuk membuktikan kemampuannya. Dan jangan sesekali melatah dan cuba bercakap tidak tentu pasal semata-mata untuk menonjolkan diri kerana silap-silap teknik ia boleh menyebabkan orang benci.

Dalam keadaan hari ini Pak Dollah harus buktikan kemampuannya. Beliau kena tunjuk dan tonjolkan kepada rakyat, bahawa dia mempunyai idea dan wibawa sendiri. Bahawa dia boleh berdiri tanpa mana-mana batang atau sokong sebagai sandaran. Beliau harus tunjukkan karisma sebagai seorang pemimpin terkemuka negara.

Kalau boleh Dollah janganlah semata-mata berbuat apa yang Mahathir suruh sahaja. Kemukakanlah idea dan pandangan sendiri. Janganlah setakat menjadi '*boy*' Mahathir ataupun '*broker*' politik Mahathir peringkat antarabangsa. Perjuangkanlah aspirasi dan cita-cita rakyat, bukannya aspirasi dan cita-cita peribadi Mahathir sahaja, kerana aspirasi rakyat lebih afdal daripada aspirasi Mahathir.

Yang patut Pak Lah lakukan kini membina imej politiknya semampu yang boleh. Dalam hal ini alangkah baiknya kalau Pak Lah menggunakan kedudukannya sebagai menteri luar itu, bukan sahaja setakat memastikan negara luar tertarik dengan kemajuan ekonomi Malaysia, sebaliknya pergunakan kedudukan itu untuk menyakinkan negara-negara Islam khususnya, bahawa Malaysia akan menjadi salah sebuah negeri yang menjadi tapak kedaulatan Islam pada masa akan datang.

Atau kalau Pak Lah lebih pandai lagi, berfikir macam mana agar negara-negara Islam luar sujud kepada kekuatan Islam di Malaysia, dan seterusnya menuntut mereka agar menerima

semangat Islamisme Melayu dalam usaha mereka membangunkan Islam di era akhir zaman ini.

Kita percaya kalau Pak Dollah setakat menjadi tukang menyambung lidah Mahathir yang kadang-kadang begitu kontradik dengan kehendak dan naluri bangsa Melayu, sebagai orang Islam, Dollah tidak akan popular. Dollah tidak dapat menonjolkan diri sebagai salah seorang pemimpin yang berkualiti dan dinamik. Dan paling sedih lagi Dollah akan dicopkan sebagai pemimpin *rubber stamp* Mahathir.

Kalau Pak Dollah berjaya membawa Malaysia ke mata dunia sebagai sebuah negara bukan sahaja membangun di segi sosio-ekonomi dan politik, sebaliknya sebagai negara Islam nombor satu, kita percaya imej dan ketokohan Dollah akan naik mendadak. Saat itulah nanti, dia akan dikenang sebagai pejuang kedaulatan Islam antarabangsa.

Bertolak dari hakikat di atas tadi kita nampak jalan untuk Pak Dollah naik ke atas adalah agak sukar. Ini kerana tidak ada sesiapa yang merintis jalan kepadanya. Lantaran itulah beliau terpaksa berusaha sendiri. Kalau Dollah tidak berusaha dari sekarang, membina imej politiknya, menonjolkan kemampuannya dan menggarap wawasan politiknya maka peluang Dollah tipis sekali.

Cuma buat masa ini apa kita dapat gambarkan tentang Pak Lah, takdir sahaja yang boleh membawa beliau ke mercu tersebut. Kalau berdasarkan kepada hakikat lahiriah harapan beliau begitu pudar sekali. Tidak ada asas kukuh untuk kita mengatakan Dollah boleh mara dengan senang. Justeru itu kalau suatu hari nanti Dollah menjadi TPM, adalah di atas kehendak takdir Allah dan bukan di atas usaha ataupun lowongan orang lain. Ketika inilah kita boleh

panggil Pak Lah dengan nama 'Pak Lah Takdir'.

Keadaan Pak Lah dalam UMNO hari ini boleh lah dianggap seperti anak yatim piatu. Pak Dollah tidak mempunyai "bapa dan mak politik" dalam UMNO tempat dia bermanja dan meminta. Dia tidak bemasib seperti Anwar yang mempunyai bapa angkat Dr. Mahathir Muhamad ataupun seperti Sanusi yang dikatakan "berbapakan" Ghafar Baba. Diri Pak Dollah dalam UMNO persis sehelai daun ditengah arus sungai.

Kalau dulu dia ada abang bernama Musa Hitam, tempat dia merujuk dan meminta pendapat tetapi kini segala-galanya dia kena usaha sendiri. Kalau adapun kini hanya 'kawan-kawan' sahaja, itu pun mereka yang bertenggek mahu menumpang tuahnya. Hari ini Pak Lah betul-betul *lone ranger*

Justeru itulah kita nampak, tidak ada siapa merancang untuk kenaikan Pak Lah melainkan dirinya sendiri. Beliau sendirilah kena kerja keras untuk memastikan cita-citanya tercapai untuk membolehkan beliau berkhidmat kepada bangsa dan negara.

Dalam hal ini, antara jalan yang kita nampak yang akan mentakdirkan Pak Lah naik ialah sekiranya perebutan kuasa di antara Anwar dengan Sanusi tidak dapat dielakkan. Jika kompromi diantara kedua puak itu gagal dicapai, saat inilah Pak Lah akan muncul sebagai 'dewa penyelamat'.

Tidak mustahil kalau perebutan antara Anwar - Sanusi memuncak di waktu Ghafar jadi PM nanti. Ghafar akan mengambil Pak Dollah menjadi timbalannya sebagai jalan tengah. Kita percaya jika Pak Lah yang dipilih diantara Anwar dan Sanusi, "perang" dalam akan reda dan ketegangan juga akan mengendur..

Itulah diantara jalan-jalan takdir yang mungkin berlaku ke atas Pak Dollah Badawi. Dalam erti kata lain, peperangan antara Anwar - Sanusi nanti menguntungkan Pak Lah Badawi! Sekiranya takdir ini benar-benar berlaku, maka tepatlah pepatah yang berbunyi, **manusia hanya bisa merancang, tetapi Tuhan yang mentakdirkan!**



Pak Dollah Badawi terlewat angkat sumpah sebab dia terlepas 'bas' Mahathir, dalam tahun 1987. Tetapi syukurlah berkat sabar, gigih dan rasional dalam perjuangan dia dapat juga berkhidmat kepada rakyat sekali lagi apabila dilantik menjadi Menteri Luar. Pak Lah kena berterima kasih banyak pada Mahathir.

5.

Kalau Mahathir Wafat

**ANWAR
TERLEPAS
PESAKA**

Takdir kalau tiba-tiba Mahathir jadi seperti Tun Razak, mati di luar negeri (London) ketika dia masih lagi memegang jawatan Perdana Menteri, agaknya apa yang akan jadi kepada politik UMNO dan negara? Atau paling tepatnya siapa yang akan mengganti beliau? Apakah Encik Ghafar Baba secara automatik akan terus memenuhi kekosongan yang ditinggalkan itu? Ataupun orang lain yang akan mengambil alihnya?

Semasa Tun Razak meninggal dunia dulu, kekosongan tempatnya diganti oleh timbalannya Hussein Onn ketika itu baru menggantikan Tun Dr Ismail yang baru meninggal dunia. Hussein dilantik menjadi pemangku Perdana Menteri. Perlantikannya itu secara automatik, kerana kedudukannya ketika itu. Dia sendiri tidak menyangka takdir itu. Rasanya ramai orang masih ingat macam mana Tun Hussein menangis terisak-isak di televisyen sewaktu mengumumkan kematian Tun Razak 18 tahun lalu.

Tun Hussein Onn tidak menyangka dalam waktu singkat beliau menjadi penolong birasnya itu, tiba-tiba dia terpaksa pula

mengambil tempat Tun Razak. Barangkali kerana itulah Hussein Onn terlalu terkilan dan amat sedih lalu menangis macam budak sewaktu mengumumkan kematian Tun Razak dikaca televisyen.

Apakah peristiwa yang sama akan berlaku, sekiranya Mahathir mati ketika beliau masih lagi menjadi PM? Apakah Ghafar Baba akan menangis juga ketika mengumumkan Mahathir wafat nanti, seperti mana Hussein Onn menangis ketika mengumumkan kematian Tun Razak dulu. Begitukah nanti kalau takdir itu berlaku demikian?

Sebagai seorang pembantu, Encik Ghafar Baba sudah pasti akan sedih. Kehilangan Mahathir sesuatu yang akan ditangisi. Tapi dalam pada itu dia juga tentu akan gembira. Kerana kematian itu membolehkan dia mencapai cita-cita untuk memegang tampok pemerintahan Malaysia. Sudah tentu dalam keadaan kritikal begitu ia memberi peluang yang cukup luas untuk Ghafar Baba mengambil alih jawatan PM. Kerana kalau Mahathir terus hidup, nasib Ghafar Baba masih belum tentu samada sempat ataupun tidak menjadi PM.

Meskipun Mahathir pernah melafazkan janji, selepas dia Ghafar, tetapi lafaz itu tidak boleh dipegang. Janji dalam politik suatu perkara yang bercabang-cabang dan tidak tetap. Ia boleh berubah mengikut iklim dan *mood* politik. Janji politik bukan seperti hukum dalam Islam, yang *rigid* dan akan kekal seperti dilafazkan.

Datuk Musa pernah berfalsafah tentang janji. Katanya semua janji yang dibuat oleh orang-orang politik pada orang politik lain, semua tidak membawa makna apa-apa, sekiranya tidak diperkenankan Allah. Jangan percaya kepada janji, janji menjanji

tidak wujud dalam politik.

Saya percaya falsafah Musa itu menjadi pegangan sebahagian besar orang politik. Janganlah sesiapa menagih janji orang politik. Janji orang politik, tak ubah seperti fatamorgana, yang kelihatan seperti air (benar), tetapi rupanya wap saja (palsu).

Dan Mahathir sendiri juga pernah memungkir janjinya. Katanya beliau pernah berjanji selepas dia ialah Tengku Razaleigh Hamzah. Ku Li dan Mahathir sendiri barang kali masih ingat dengan apa yang dilafaz dan didengar ini. Tetapi ternyata selepas 'dia' (Ku Li) itu orang lain, iaitu Musa Hitam dan Ghafar.

Berdasarkan kepada hakikat ini, apakah Encik Ghafar boleh yakin kepada pengucapan Mahathir itu? Apakah dia optimis, bahawa selepas Mahathir, dia? Encik Ghafar barang kali ada jawaban tersendiri dalam hal ini.

Bagaimana pun dalam bab ini apa yang hendak kita perkirakan ialah tentang nasib dan masa hadapan politik orang yang bergantung nyawa kepada seseorang yang lain. Politik orang yang menumpang nyawa dengan tokoh politik lain. Dalam konteks ini orang yang hidup bersambungkan nyawa dengan Mahathir.

Kita akan cuba menganalisa, dan meramalkan apakah yang akan terjadi kepada mereka yang hidup seperti pohon dedalu ini. Bagaimana nasib mereka setelah nyawa politik mereka terputus kelak. Apakah mereka masih dapat menguak nafas sendiri, ataupun turut sama kojol dalam sungai politik UMNO yang maha luas dan dalam itu apabila 'tuan' mereka tiada kelak!

Terlalu ramai tokoh-tokoh politik dalam UMNO yang

bergantung hidup kepada seseorang yang lain. Yang hidup mereka seperti pohon dedalu (parasit). Menumpang kasih dan tuah orang lain. Keadaan ini wujud bukan sahaja di zaman Mahathir ini, tetapi pada zaman Tun Razak lagi. Kerana wujudnya fenomena inilah, maka soal ampu mengampu, *yes man* dan turut secara membabi buta berlaku dalam UMNO. Orang yang jadi tuan nyawa selalunya dipuja dan diampu demikian rupa. Fenomena inilah juga menyebabkan politik UMNO tidak sihat dan kaku. Tidak agresif dan jadi *stereotype*.

Apa tidaknya, mereka yang menumpang nyawa itu sama sekali tidak akan mengkritik tuanya itu walaupun tuannya ternyata melakukan kesilapan. Bagaimana kotor atau silap sekalipun mereka akan pertahankan juga, perlindungan juga agar ia kelihatan baik.

Tenguk contoh apa jadi dengan Mahathir. Apakah selama lebih 11 tahun Mahathir menjadi PM dia tidak melakukan kesilapan. Atau semua kerja, dasar, polisi dan tindakannya benar? Bolehkah kita menjamin demikian? Tidak boleh? Tetapi adakah mana-mana anggota UMNO mengkritik Mahathir? Adakah?

Tidak ada siapa yang berani mengkritik Mahathir. Semuanya yes..yes dan angguk apa sahaja yang Mahathir buat. Semuanya diam membisu. Semuanya jadi seperti pak kak (chameleon). Tidak berani bersuara dan diam seribu bahasa. Barangkali benarlah kata Musa Hitam bahawa UMNO zaman Mahathir telah dihinggap oleh sindrom bisu.

Jangan diharap hendak kritik Mahathir, sebaliknya makin dipuja. Diangkat dan disokong Mahathir demikian rupa. Apa sahaja yang Mahathir buat, semuanya baik. Semuanya elok, semuanya cantik. Kononnya semuanya untuk bangsa, negara dan

agama. Mahathir cakap pandang ke timur, semua pandang ke timur. Sampai ada yang hendak ubah kiblat sembahyang. Mahathir cakap, teknologi tinggi, semua cakap teknologi tinggi. Mahathir cakap penerapan nilai Islam, semua angguk. Dan kini Mahathir cakap Wawasan 2020, semua canang dan jaja Wawasan 2020.

Semua puji Mahathir berpandangan jauh, dinamik dan canggih. Semua ikut, laung 2020..2020 siang malam. Tak seorang berani kritik. Mereka laung seperti burung tiong, walaupun mereka tidak tahu apakah binatangnya Wawasan 2020 itu. Kadang-kadang mereka sedikitpun tidak mengerti apa yang hendak dikemukakan dalam Wawasan 2020, tetapi mereka menjulangnya seperti sudah masak dengan Wawasan 2020.

Demikianlah cara hidup dan budaya hidup orang politik yang bersambungan nyawa dengan orang lain. Mereka adalah *politician* yang sangat dayus dan tidak bermaruah. Mereka jadi seperti budak-budak dikir barat yang menurut dan mengikut sahaja, apa yang dikarutkan oleh tok juaranya.

Siapakah yang bersambung nyawa dengan Mahathir hari ini?

Sebenarnya ramai bersambungan nyawa dengan Mahathir. Yang menganggap Mahathirlah tok guru dan dewa. Dimana jika tok guru atau dewa ini padam, nasib mereka juga turut terbakar. Mereka ini tidak punya nyawa dan keyakinan sendiri. Mereka ini tidak tumbuh dari benih asal mereka. Mereka ini adalah ayam daging yang dikacukkan benih keturunannya. Ataupun pokok yang dicantumkan dengan pokok lain. Sebab itu dia lemah, tidak bertenaga dan pengecut!

Salah seorang dari mereka ialah, sang Joki kita, Anwar Ibrahim.

(Saya panggil Joki kerana dia bersungguh benar belajar menunggang kuda hari ini. Sudah dua kali dia jatuh. Jatuh yang pertama terseliuh bahu kanannya, jatuh yang kedua terseliuh pula urat tengkuk. Jatuh yang ketiga entah macam mana pula jadinya).

Barangkali ada orang tidak bersetuju, ataupun marah kepada saya bila saya mengatakan Anwar bersambungan nyawa dengan Mahathir. Mereka yang mencintai dan mengkagumi Anwar akan menolak hakikat ini. Tentu mereka akan mengatakan Anwar berdiri dengan kemampuan dan wibawanya sendiri? Benar saya bersetuju dengan kata-kata itu.

Tetapi dalam hakikat dan senario politik UMNO hari ini, tidak siapa yang dapat menafikan bahawa Anwar hidup sihat dalam UMNO kerana Mahathir. Kerana ada restu dan juga penepung tawar dari Mahathir. Kalau Mahathir tidak menepung tawar dan memberi kesempatan yang luas, Anwar tidak mudah berada di tempatnya hari ini. Walaupun dia popular, tetapi kepopularitiannya itu tidak mudah untuk membawa dirinya naik dalam UMNO. Kita harus faham dan mengerti.

Mahathir sudahpun mula *train* Anwar hari ini. Perlantikan Anwar sebagai Menteri kewangan walaupun kawan itu tidak mempunyai pengalaman dalam hal ehwal kewangan menunjukkan Mahathir sedang memproses Anwar supaya mengetahui seluk beluk pentadbiran sebelum naik menjadi Perdana Menteri.

Apa sebab Dr M begitu sayang kepada Anwar kita tidak tahu kenapa? Tetapi yang jelasnya Mahathir beriya-iya sangat mahukan Anwar mengganti tempatnya. Mungkin ada rahsia yang tersembunyi di sebalik perkara ini. Mungkin juga kepada Mahathir Anwar sahajalah yang boleh melindungi dirinya selepas dia tidak

punya kuku nanti. Mungkin juga pada telekan Mahathir, Anwarlah yang boleh meneruskan segala cita-citanya, kerana Anwar ini manusia yang mudah goyah dan tidak mempunyai prinsip.

Keseriusan Mahathir untuk memastikan Anwar mengambil alih tempatnya tidak menjadi rahsia lagi. Cerita macam mana Mahathir tidak mahu mengundurkan diri selagi Encik Ghafar Baba berada di tempatnya sekarang ini sudah tersebar luas. Ia menjadi cerita yang meniti dari mulut ke mulut. Mahathir punya *planning* sendiri kenapa dia harus bertahan sampai Ghafar mengundurkan diri dulu sebelum dia bersara. Dalam perkiraan Mahathir kalau dia berhenti sebelum Anwar naik, bermakna Anwar akan teraniaya.

Justeru untuk mempertahankan kedudukan Anwar, Mahathir terpaksa juga mengagahkan diri terus memegang jawatan PM meskipun terpaksa berhadapan dengan pancaroba.

Kesungguhan Mahathir boleh dilihat pada sikapnya yang selalu sahaja membela Anwar. Pantang ada kesilapan yang Anwar lakukan dia akan membela Anwar. Pembelaan terbaru mengenai soal tender TEN yang dikatakan berlaku pilih kasih.

Begitu juga sewaktu rombakan kabinet dahulu Mahathir memilih Anwar untuk mengganti Daim Zainuddin? Kenapa? Kenapa Mahathir tidak mengambil orang yang lebih relevan dan layak untuk jawatan itu? Kenapa? Bukankah pengambilan Anwar itu, yang tidak tahu mengenai seluk beluk kewangan, sebagai bukti yang Mahathir berkenan kepada Anwar? Bukankah cara Mahathir itu untuk memberi tahu kepada mana-mana tokoh yang dia rasakan dia layak, sebenarnya tidak disukai oleh Mahathir?

Dari segala peristiwa dan hakikat ini, jelaslah kepada umum bahawa Anwar bersambungan nyawa dengan Dr Mahathir. Tokoh yang hidup kerana menumpang tuah ataupun nafas orang lain. Anwar telah menjadi Mahathir sebagai orang yang boleh menentukan nasib dan masa depan politiknya dalam UMNO. Bagi Anwar, Mahathir adalah bateri untuk hidupnya.

Persoalan kini apakah akan jadi kepada sang Joki itu kalau Mahathir mati ataupun tiada lagi? Sudah pasti nasibnya akan mengalami berbagai-bagai kepayahan. Nasib politiknya akan jadi gelap dan suram. Nasib politiknya akan mendung dan kelabu. Anwar akan berhadapan dengan jalan seribu liku untuk sampai ke atas.

Satu perkara yang jelas hari ini kita nampak, jika Mahathir mati awal atau terpaksa berhenti tanpa sempat melaksanakan teorinya, Anwar tidak mungkin akan dipilih menjadi Timbalan Perdana Menteri. Kalau Encik Ghafar naik, Encik Ghafar tidak akan ambil Anwar.

Ketika inilah nanti, baru Anwar mengerti akan nasib dirinya yang sebenarnya. Selepas terlepas tali tempat bergayut, baru Anwar akan tahu langit tinggi rendah. Nasibnya akan terumbang ambing, seperti buih ditengah lautan. Jalan untuknya naik dalam UMNO adalah amat sukar sekali. Lebih sukar daripada jalan hendak naik ke kemuncak Batu Caves sebelum ada tangga.

Ketika itulah nanti baru Anwar akan sedar betapa bahayanya seseorang yang menumpang nyawa orang lain. Baru dia merasakan betapa rugi tindakannya selama ini yang begitu bergantung kepada kekuasaan Mahathir. Apa tidak, disaat orang sudah hendak mati, kita mahu hidup lagi. Keadaannya sungguh menyulitkan. Dan

pada masa ini, orang yang naik di atas usaha sendiri, akan merasa nikmat. Akan merasa bahagia.

Nasib Anwar ketika itu tidak ada siapa hendak bela lagi. Hendak tak hendak dia terpaksa berusaha sendiri. Terpaksa melawan setiap halangan dan musuh-musuhnya dengan kudrat dan iradatnya sendiri. Masa itu tidak ada siapa yang boleh menolongnya lagi. Keadaan beliau akan rumit dan kronik. Apa lagi, Anwar mempunyai ramai musuh-musuh yang beliau enggan menghulurkan tangan persahabatan. Anwar seorang yang banyak mencipta musuh daripada mencipta kawan.

Ramai tokoh yang hanya boleh senyum dengan Anwar di depan sahaja, tetapi mencacinya di belakang. Veteran UMNO ataupun mereka yang sudah sedarah sedaging dengan UMNO tidak dapat menerima Anwar. Mereka menganggap Anwar masih muda, dan tidak *pure* dalam UMNO. Anwar mereka anggap sebagai anak kacukan dalam UMNO yang tidak layak menerima pesaka UMNO.

Bukan itu sahaja, tokoh-tokoh veteran dalam UMNO juga cemburu dengan kejayaan Anwar. Kerana Anwar naik terlalu drastik. Mereka merasa irihati dengan kejayaan Anwar dan kurang senang dengan sikap ramah dan *happy go lucky* yang menonjolkan diri seperti ego dan menyombong diri.

Hakikat ini menyebabkan mereka semakin berdendam dengan Anwar. Mereka menganggap apa yang berlaku ke atas Anwar telah mendahului mereka dan melanggar tradisi parti.

Kalau ini menjadi kenyataan, maka dari sinilah nanti akan memberi pengajaran kepada kita, bagaimana kegemilangan

seseorang politik yang menumpang tuah orang lain itu, tidak menyinar terlalu jauh. Ianya bersinar sekejap sahaja, sementara bayangan yang melindunginya itu wujud. Mereka tidak akan dapat bertahan lama. Seperti embun diujung rumput, terbit sinar, lenyaplah ia.

Anwar akan terperangkap dalam jerat keegoisan dan kegembiraannya selama ini. Lainlah kalau Anwar telah mempunyai pengaruh yang besar dalam UMNO. Tetapi keadaan ini nampaknya tidak menyakinkan. Anwar masih belum dapat membina empayar pengaruhnya dalam UMNO.

Beliau kini baru dalam peringkat mengakar rambutan pengaruhnya. Lainlah kalau beliau diberi masa, lima tahun lagi, atau selepas perhimpunan 1993, mungkin waktu itu pengaruhnya sudah terlalu kuat dan beliau tidak perlu bimbang lagi sekiranya Mahathir sudah tiada.

Apapun waktu ini kalau Mahathir tiba-tiba pergi dulu, maka nasib politik Anwar akan gelap zulmat. Kehilangan Mahathir dari politik UMNO pada Anwar seperti kehilangan sinar. Maka itulah kalau hari ini tiba-tiba Mahathir tiada, Anwarlah orang yang paling kecewa.

Dari apa yang diuraikan itu, telah menampakkan kepada kita akan implikasi dan risiko yang menimpa Anwar jika Mahathir tidak ada nanti. Dia akan bersendirian meneruskan perjuangannya dalam UMNO. Dia akan berjuang sendirian untuk mencapai cita-citanya. Anwar tidak ada sesiapa lagi dalam UMNO. Dia akan bertempur dengan kekuatan dirinya sendiri. Dengan kepopularitinya sendiri. Tidak ada sesiapa lagi yang boleh membantunya, kecuali beberapa orang budak-budak UMNO yang

menuruti buntutnya hari ini. Ternyata saat itu Anwar sebatang kara dalam UMNO.

Anwar ketika itu benar-benar akan terjepit dan resah. Ini kerana beliau mempunyai ramai musuh dalam UMNO. Nama-nama seperti Sanusi Junid, Tamrin Ghafar, Rafidah Aziz, Yusuf Noor, Megat Junid dan ramai lagi, adalah tergolong dalam senarai musuh-musuh Anwar.

Pengharaman surat khabar Mingguan Waktu oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) baru-baru ini, dikatakan ada kaitan politik dengan Anwar. Mingguan waktu yang diurus niagakan oleh Intisari Bersekutu, khabar perमितnya milik orang kuat Anwar Ibrahim. Jadi secara tidak langsung akhbar itu menjadi akhbar Anwar. Atas alasan itu, maka orang kedua yang berkuasa dalam hal ehwal perमित dikatakan sudah bertindak mengharamkan akhbar itu tanpa sebab yang konkrit.

Bagaimanapun masa belum terlambat untuk Anwar memperbetulkan keadaan. Kalau dia insaf akan kedudukannya serta mengetahui apa yang akan terjadi selepas Mahathir tidak ada nanti, beliau boleh bertindak dari sekarang. Beliau janganlah terlalu egois dan *over confident* sangat. Beliau hendaklah sedarhana dalam tindakan dan jangan begitu taksub kepada kemampuan diri sendiri. Kita hendaklah menghormati kawan-kawan lain yang lebih tua dan matang daripada kita.

Anwar sepatutnya sedar akan kelemahan diri sendiri. Janganlah terus menerus mencipta musuh dan mengamalkan sifat-sifat yang dibenci orang seperti egois, banyak cakap, hipokrit dan suka mengadakan.

Menurut cerita, Sanusi Junid yang dikatakan tidak baik dengannya dan pernah membuat pengakuan untuk kembali bersahabat dengan sesiapa, pernah menghulur "tangan" persahabatan kepada Anwar. Sanusi ikhlas, tetapi Anwar nampaknya layan tidak layan huluran persahabatan Sanusi itu. Kalau benar peristiwa ini berlaku, ternyata langkah Anwar itu merugikan masa depan politiknya sendiri dan menunjukkan betapa egonya *brother* kita ini, mentang-mentang dia disayangi oleh Dr. Mahathir.

Kesimpulannya, kalau sesudah Mahathir tidak ada dan Encik Ghafar yang naik, dan Anwar masih juga dengan sikap egois dan terlalu berkeyakinan seperti hari ini, jawabnya nafas Anwar dalam UMNO tidak panjang. Nampaknya dia terpaksa mati muda dalam UMNO. Dan apa yang malangnya lagi Anwar akan menjadi tokoh popular yang anti klimek seperti Musa Hitam, Sharir Samad dan lain-lain.

Brother kita itu juga kena ingat, sekali dia terjatuh dalam UMNO dia tidak akan bangun-bangun lagi. Jatuh dalam UMNO tidak seperti jatuh dari belakang kuda. Jatuh dari kuda kita boleh bangkit dan lompat lagi, kemudian lompat lagi dan lompat lagi sehingga selagi kita berdaya. Jatuh dalam UMNO, terus akan dimasukkan orang dalam "liang lahad." Beliau kena ingat ramai yang sedang menggali kubur untuknya dalam UMNO.



*Inilah gaya dan lagak bakal Perdana Menteri kita (Anwar Ibrahim)
Penuhstyle, quality, excellence, ah macam iklan rokok pula bunyinya!
Beranikah orang kampung mendekatinya*

6.

Seandai Ghafar Mati

***SANUSI
PALING
MERANA?***

Bagaimana pula keadaan politik UMNO kalau tiba-tiba Ghafar Baba yang meninggal dunia ataupun berhenti, bukannya Mahathir Muhamad. Macam manakah dengan kedudukan hirarki kepimpinan dalam UMNO. Apakah Anwar Ibrahim terus akan memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri? Dan bagaimana pula nasib orang yang bergantung nyawa dengan Ghafar Baba? Bagaimana dengan Sanusi Junid?

Sudah barang tentu kehilangan Ghafar dalam percaturan UMNO hari ini, bagi Sanusi seperti terpadamnya matahari dilangit siang atau jatuhnya bulan di malam hari. Wajah politiknya akan suram dan gelap gulita kalau tiba-tiba sesuatu yang tidak diingini terjadi kepada Ghafar.

Sanusi tidak bergantung harap kepada sesiapa dalam UMNO, kecuali kepada Ghafar Baba. Beliau tidak pernah termimpi mengharap Mahathir mengasihaninya seperti orang lain mengharap simpati dan menagih ehsan dari Mahathir. Sanusi tidak rapat dengan Datin Siti Hasmah, isteri Mahathir untuk dia mengadu

apa-apa keinginannya. Walaupun tidak renggang dengan keluarga Mahathir, tetapi Sanusi selalu liat untuk hadir ke Seri Perdana, kalau ada apa-apa majlis di residensi PM itu.

Kenapa begitu sikap Sanusi, kita tidak tahu. Dia berlainan dengan menteri lain. Orang lain berlumba untuk ke rumah PM, bercakap-cakap, makan dan bernesra, tetapi dia tidak. Mungkin sifatnya yang tidak suka berfoya, bodek dan ampu, menyebabkan dia jarang kelihatan bernesra dengan PM dan keluarganya.

Orang jenis Sanusi ini, orang yang tidak yakin orang lain boleh membantu dirinya. Dia tidak percaya nasib seseorang itu boleh diubah oleh manusia. Dia yakin kepada dirinya sendiri dan Allah. Diri sendirilah yang boleh membantu dirinya.

Pun begitu, realiti dan rasional politik hari ini menampakkan dia kelihatan agak rapat dengan Ghafar Baba. Seperti diantaranya mempunyai sesuatu yang amat rahsia. Dan keintiman inilah juga menyebabkan orang mendakwa dia menjadi pilihan Ghafar, sekiranya Ghafar naik nanti.

Kita tidak tahu apakah keduanya ada 'sesuatu' pakatan? Tetapi kalau melihat kepada sejarah hidup mereka yang hampir sama, menyebabkan kita akan tahu kenapa mereka agak rapat, akrab dan senonim dalam banyak hal.

Barangkali persamaan sejarah hidup mereka berdua sewaktu kecillah yang memesrakan mereka. Yang menyebabkan mereka tanpa banyak meluahkan janji atau bersumpah, mereka dapat memahami hati masing-masing. Mereka sama-sama menjadi anak yatim sedari kecil lagi, ketika berusia 12 tahun. Masing-masing kehilangan kasih sayang ayah dan mengalami pahit maung dalam

kehidupan sejak dari kecil lagi.

Sanusi seperti juga Ghafar, terpaksa berkerja dari kecil lagi untuk diri sendiri dan membantu keluarga. Sanusi pernah berkerja membasuh pinggan mangkuk di sebuah restoran, dan menjual songkok di Pekan Yan, dan seterusnya menjadi *caddy* (pemungut bola golf). Demikian juga Ghafar Baba, juga terpaksa berjuang untuk hidup sedari kecil lagi. Ghafar terpaksa menjual nasi lemak, ais skrim dan kayu api untuk perbelanjaan sekolahannya. Ghafar juga jadi budak pemungut bola golf.

Demikian juga rona-rona perjuangan mereka dalam UMNO. Keduanya naik bukan kerana diangkat oleh sesiapa, tetapi diatas usaha sendiri. Mereka berjaya ke tempat seperti hari ini, diatas usaha gigih mereka. Tidak ada sesiapa yang mengendong mereka masuk ke dalam rumah UMNO kemudian diletakkan di atas mana-mana kerusi antik sepertimana yang berlaku pada Anwar dan Dollah Badawi. Mereka naik dari bawah. Jadi tidak hairanlah kalau kita lihat, komitmen, wawasan dan juga penekanan perjuangan mereka berdua, mengutamakan soal-soal kepentingan rakyat bawahan dari soal-soal *global* yang lunak.

Mungkin keadaan dan persamaan itulah, menyebabkan kedua tokoh UMNO ini nampak seperti akrab dan intim. Dan lebih serius lagi menyebabkan orang ramai beranggapan diantara mereka seperti ada satu ikatan janji yang tersimpul mati untuk saling berkerjasama dan tolong menolong antara satu sama lain demi bangsa dan negara.

Begitulah yang orang nampak. Tetapi apakah hakikat begitu? Kita tidak mengetahui sejauh mana keintiman dan kalaupun ada kerjasama, sehingga mana mereka akan berkerja sama? Cuma,

kalau berpandukan kepada kulit luar, memang diantara keduanya terdapat bartyak persamaan, persefahaman dan keserupaan dalam cita-cita perjuangan.

Sungguhpun begitu dari beberapa tindakan politik yang Ghafar lakukan ada menunjukkan dia ngam dengan Sanusi. Sewaktu berlakunya pertandingan untuk merebut jawatan Naib Presiden UMNO 1990, Ghafar Baba dikatakan telah menyokong Sanusi dari jauh. Beliau dikatakan telah mengarah orang-orangnya agar memastikan kemenangan Sanusi Junid. Dan satu tindakan serius Ghafar dalam hal ini, dengan kuasa yang ada kepadanya sebagai Timbalan Presiden parti beliau telah melarang pegawai tingkat A melibatkan diri dalam politik.

Ramai orang beranggapan arahan Encik Ghafar itu sebagai hendak menolong Sanusi, dan mengurangkan undi Anwar. Kerana kebanyakan pegawai tingkat A yang terlibat dalam politik terdiri daripada guru sekolah. Sementara guru sekolah pula sudah tentu akan mengundi Anwar Ibrahim.

Bukan setakat itu sahaja untuk menjamin kemenangan Sanusi, katanya beliau setiap saat menghubungi Sanusi untuk mengetahui kedudukan dan peluang Sanusi dalam pertandingan itu.

Mungkin dari sinilah orang bertambah yakin bahawa keduanya begitu erat dan saling bantu membantu. Dan keamatan itu menyebabkan ada yang beranggapan bahawa kalau Encik Ghafar naik menjadi Perdana Menteri dia akan mengambil Sanusi sebagai timbalannya.

Kalau benar segala andaian dan telahan itu, maka hari ini jelas kepada kita, sekiranya Encik Ghafar Baba mati ataupun terpaksa

dengan dakwaan dan fitnah itu.

Bermula di sinilah menyebabkan Anwar tidak mempercayai Sanusi. Dia terkilan dengan sikap Sanusi. Dan api sengketa ini semakin hari semakin marak dan menyala bila kedua-dua pihak hari ini saling mengatasi dan berlumba diantara satu sama lain untuk berkuasa sejak dari dalam Abim lagi.

Pihak Sanusi Junid katanya ada balada tersendiri kenapa ia terkilan dengan Anwar. Cerita ini telah acap kali didendangkan. Dalam buku **Anwar Ibrahim: Mimpi & Realiti** pun saya telah dendangkan.

Kesimpulannya, orang antara kedua ini payah untuk berbaik. Walaupun mereka menjadi khazanah negara kata Zakry Abadi yang sangat berguna, namun khazanah ini tidak akan dapat berkerjasama diantara satu sama lain. Masing-masing tetap akan berdendam dan saling curiga mencurigai diantara satu sama lain. Lainlah kalau Mahathir tegas dan sanggup untuk memanggil keduanya agar berbaik dan kerjasama, mungkin dapat. Yang saya nampak ialah Mahathir patut serahkan jawatan PM dan TPM kepada mereka. Pastikan hanya merekalah yang akan mewarisi tahta kekuasaan UMNO pada masa akan datang!

Selagi mereka tidak didamaikan, maka selama itulah mereka akan berbalah. Dan perbalahan mereka boleh menimbulkan kesan yang tidak baik dalam UMNO. Perbalahan mereka boleh menyebabkan UMNO huru-hara. Kerana masing-masing ada bala tentera yang sanggup berkorban nyawa.

Misalnya selepas Ghafar Baba, Anwar naik, Sanusi sama sekali tidak akan duduk diam. Dia akan bertindak dan melakukan

sesuatu. Satu-satu cara dengan membina kekuatan melawan Anwar dalam perhimpunan Agung UMNO. Takdir Anwar jadi TPM pada tahun ini, dalam tahun 1993 sudah pasti Sanusi akan tentang Anwar.

Dia akan mencari regunya untuk menggoncangkan kedudukan Anwar. Kalau Dollah tidak mahu ikut bersamanya, sesuatu yang diluar dugaan boleh dilakukan oleh Sanusi. Dia ni terkenal dengan tokoh yang serba boleh dan radikal. Dia boleh melakukan apa yang orang tidak fikir, ataupun mentiadakan apa yang orang sedang fikir.

Sanusi boleh sahaja memanggil Tengku Razaleigh Hamzah untuk bersamanya. Perkara ini tidak mustahil dalam politik. Dia berpakat dengan Ku Li. Untuk itu dia terlebih dahulu akan usahakan agar Ku Li masuk UMNO. Ataupun jika Ku Li enggan masuk kerana Mahathir masih ada ataupun kerana sebab-sebab lain, Sanusi boleh minta orang-orang Ku Li dalam UMNO menyebelahnya dengan syarat-syarat tertentu.

Rasanya kalau idea dan *planning* ini dikemukakan Ku Li tidak keberatan untuk menerimanya. Ku Li juga pasti mahu melihat karier politik Anwar musnah. Ku Li tentu ada alasan sendiri nanti kenapa dia harus sokong Sanusi, walaupun secara moral.

Ku Li boleh menolong Sanusi. Dia boleh menggunakan pengaruhnya untuk mempengaruhi golongan veteran dalam UMNO supaya berpihak kepada Sanusi Junid. Peratus golongan veteran, yang seangkatan dengan Tengku Razaleigh masih ramai dalam UMNO,

Kalau ini berlaku kedudukan Anwar boleh goyah. Kalaupun

dia tidak terus kalah, tentulah undi yang akan diperolehi nanti tidaklah sebanyak jumlah undi-undi sebelum ini.

Takdirilah bayangan ini menjadi kenyataan, pertarungan Sanusi Anwar, maka inilah pertandingan terakhir bagi Sanusi. Pertandingan bagi menentukan nasib hidup dan matinya dalam politik UMNO. Seandainya dia kalah, dia akan menjadi debu yang akan berterbangan. Sebaliknya, kalau dia menang dia akan menjadi arang, yang hanya menanti masa juga untuk patah dan hancur. Lainlah kalau kemenangannya itu dapat diterima oleh Anwar?

Demikian, kemungkinan yang akan berlaku sekiranya Encik Ghafar tiada dalam UMNO nanti. Nasib Sanusi menjadi begitu buruk sekali. Dalam erti kata lain, ketiadaan Encik Ghafar Baba, akan mengerhanakan masa depan politik Sanusi Junid, yang tempiasnya juga akan turut mengelabukan perjalanan politik. Yusuf Nor, Muhamed Rahmat, Dollah Badawi, Rafidah Aziz dan beberapa orang lagi termasuknya anaknya sendiri Tamrin bin Ghafar.

Dan ketiadaan Ghafar juga nanti akan membuktikan apakah Sanusi seorang politikus tulen ataupun tidak. Sekiranya selepas Ghafar dia masih wujud seperti hari ini, terus menaburkan bakti kepada nusa dan bangsa tanpa memperdulikan apa orang tohmah kepadanya, maka terbuktilah bahawa Sanusi Junid adalah "Pejuang Rakyat" yang unik, dan bukan gila kuasa untuk menyenangkan diri dan kaum keluarganya!



Sama-sama ketawa dan berjalan kehadapan. Sanusi dan Ghafar Baba pasangan sejoli. Apa agaknya yang sedang mereka fikirkan? Mungkin tentang nasib politik mereka masa datang. Ghafar ; dapatkah jadi PM. Sanusi; dapatkah jadi TPM ?

7.

Perdana Menteri Abad 21

**RAKYAT
PILIH
SIAPA**

Iya ...rakyat mahu kepada siapa. Siapakah diantara tiga orang tokoh pemimpin pelapis dalam UMNO hari ini yang menjadi pilihan rakyat. Siapakah diantara mereka yang didoakan oleh rakyat agar menjadi pemimpin mereka. Siapakah diantara mereka berada dihati rakyat? Yang boleh menjadi pemimpin Malaysia. Yang sesuai menjadi ketua negara pada era kebangkitan Islam ini. Siapakah?

Siapakah diantara tiga orang tokoh yang kita kira layak untuk muncul sebagai pemimpin pada masa akan datang, antara Anwar Ibrahim, Dollah Badawi dan Sanusi Junid yang mempelapisi kepimpinan UMNO hari ini.

Tidak syak lagi kalau berpandukan kepada hati budi anggota UMNO yang didakwa seramai 1.8 juta, mereka telah membuat pemilihan kepada Anwar Ibrahim. Ini berpandukan kepada perhimpunan agung yang lepas, dimana Anwar merupakan calon *favourite* anggota UMNO. Berdasarkan undi jelas Anwar menjadi

pilihan mereka. Dalam pemilihan tahun 1990, Anwar mendapat 1067 undi dengan 108 Bahagian UMNO yang mencalonkannya. Berbanding dengan Pak Dollah Badawi yang mendapat 953 undi dengan 25 Bahagian UMNO yang mencalonkannya. Dan tempat ketiga jatuh kepada Sanusi Junid yang mendapat 750 undi dengan 44 Bahagian mencalonkannya.

Sementara tiga calon lagi yang turut dicalonkan sebagai pemimpin pelapis Rahim Tamby Chik, Muhyiddin Yassin dan Wan Mukhtar Ahmad masing-masing mendapat undi dibawah 735 undi. Wan Mukhtar yang mempertahankan jawatan ternyata sudah tidak berkeupayaan lagi untuk berlumba dengan tokoh-tokoh pelapis yang lebih *handsome* dan berwibawa darinya.

Jadi berpandukan kepada jumlah undi dan citarasa perwakilan UMNO itu, jelas mereka mahu kepada Anwar menjadi pemimpin UMNO pada tahun-tahun akan datang. Anwar nampaknya lebih popular berbanding dengan dua orang lagi kawannya itu. Pencalonan yang dibuat oleh Bahagian UMNO itu menunjukkan UMNO menaruh harapan besar kepada Anwar Ibrahim.

Tetapi apabila kita bercakap, mengenai **pemimpin rakyat**, bermakna pemimpin seluruh ummat manusia Malaysia, bolehkah kita mengambil kira petunjuk dari perwakilan UMNO itu sebagai aspirasi rakyat Malaysia seluruhnya? Apakah pemilihan itu sudah menepati cita-rasa rakyat Malaysia yang berbagai kaum atau layakkah Anwar menjadi pemimpin rakyat ?

Jawabnya sudah tentulah tidak. Pemilihan yang dilakukan oleh perwakilan UMNO itu, hanya bagi pihak mereka sahaja. Perwakilan UMNO juga tidak berhak untuk menjadi *on behalf* rakyat Malaysia sepenuhnya dalam menentukan pemimpin negara ini.

Dalam erti kata lain, pemimpin yang ditunjukkan oleh UMNO itu tidak mencerminkan pemimpin yang dikehendaki oleh rakyat seluruhnya. Ia kerana pemilihan itu dikalangan dan lingkungan UMNO sahaja. UMNO sahaja yang berkenan dengan seseorang tokoh itu. Rakyat ramai belum tentu lagi bersetuju ataupun mempunyai citarasa yang sama dengan orang-orang UMNO.

Lagipun undi perwakilan UMNO tidak boleh dianggap sebagai undi rakyat yang bersih. Kerana pengundian dan pemilihan pemimpin itu tidak berpandukan kepada asas-asas utama dan juga berpandukan kepada kebolehan seseorang itu. Pemilihan pemimpin dalam UMNO kadang-kadang dibuat tidak berdasarkan kepada asas-asas sepatutnya.

Para perwakilan kadang-kadang mengundi, bukan diatas kehendak hati, ataupun kerana mengukur kebolehan seseorang itu. Mereka mengundi kadang-kadang kerana disogok, diupah diugut dan ditekan. Lantaran itu keputusan undi dalam UMNO tidak diatas kehendak hati pemilih yang sebenarnya. Tetapi pemimpin itu dipilih diatas paksaan ataupun kerana diupah. Ertinya pemimpin yang terpilih oleh UMNO, pemimpin palsu yang tidak mempunyai asas-asas atau ciri-ciri kepimpinan sejati.

Disini kita merasakan pemimpin yang ada hari ini, kalau dilihat dari prospektif kita sebagai rakyat ianya begitu kontras sekali. Ada sesetengah yang tidak sempurna untuk berdiri sebagai pemimpin tiba-tiba mendapat undi terbanyak. Padahal kalau diukur dengan rakan mereka terdekat, si rakan itu lebih berkemampuan dan berwibawa. Namun, kerana adanya permainan kotor tadi, menyebabkan keadaan ini berlaku.

Barangkali disinilah cacatnya pemilihan pemimpin melalui

proses demokrasi. Ia tidak mencerminkan pemilihan yang tepat dan sebenarnya. Ia lebih mirip kepada satu penipuan. Dan sampai bilapun, rakyat tidak akan memperolehi seorang pemimpin yang benar-benar bertepatan dengan kehendak hati mereka yang digarisi dan ditunjuki ajaran agama! Dalam erti kata lain selamanya mereka tidak akan memperolehi pemimpin yang sejati dan suci murni selagi pemimpin diangkat melalui proses demokrasi.

Kepincangan ini jelas. Melalui sistem demokrasi, pemilihan pemimpin dibuat bukan berasas kepada ciri-ciri yang dikehendaki atau telah ditetapkan oleh Islam. Ia dipilih megikut hawa nafsu dan melalui pelbagai tipu muslihat. Disini bolehlah kita menganggap pemimpin-pemimpin yang naik melalui sistem demokrasi melulu, adalah pemimpin yang tidak menurut syariat (*extrovert*).

Betapa tidak kita boleh membandingkan ini. Islam telah mengariskan ciri-ciri seorang pemimpin yang baik. Pada Islam, ia lebih mengutamakan, keimanan dan ketakwaan seseorang. Seperti seorang yang taat kepada Allah, taat melaksanakan pemerintahan Nya dan yang tegas melawan kemungkaran. Ciri-ciri itu diutamakan, disamping Islam menilai perwatakan, personaliti dan juga kesempurnaan tubuh badannya.

Kalau kita berpaling kepada UMNO, maka jelas ia memilih pemimpin menurut lunas-lunas dan ciri-ciri yang bertentangan dengan Islam. Jadi tidak hairanlah kalau mereka yang dipilih melalui sistem itu tidak mempunyai komitmen yang jitu dengan Islam. Mereka pula tidak dapat berdiri sebagai seorang pemimpin yang adil, saksama, tegas dan bertanggungjawab. Dan juga sering kali melakukan tindak tanduk yang buruk dari sisi Islam seperti pecah amanah, rasuah dan sebagainya.

Hal ini bukan rakyat tidak sedar, sedar! Tetapi kerana rakyat telah begitu lama dihidang dengan juadah demokrasi, maka menyebabkan sesetengahnya beranggapan cara pemilihan yang berjalan sekarang inilah yang ditunjuki Islam. Dan malang lagi apabila tidak ada pula yang berani cuba merombak sistem yang ada kini untuk diganti dengan sistem yang sebenarnya.

Rasanya baik kalau kita cuba melihat bagaimanakah cara Islam memilih pemimpin. Pemilihan pemimpin dalam Islam dibuat bukan berteraskan kepada peraturan demokrasi yang bebas, *liberal* dan tidak terkawal secara sopan, sebaliknya lebih mengutamakan syura (pemaufakatan). Islam tidak menerima demokrasi sebagai satu sistem dalam pentadbiran dan perjuangan. Kerana dalam demokrasi itu wujudnya unsur-unsur nihil, seperti penipuan, paksaan, bujukan dan juga menjual beli undi (*trade power*).

Islam juga menolak keadilan dan kebenaran majoriti dalam demokrasi itu sebagai benar atau yang berhak. Kerana bagi Islam, banyak bukan bermakna benar, sedikit bukan pula bermakna salah. Kebenaran tetap ditegakkan meskipun ia mendapat tentangan secara berkumpulan.

Dalam syura, ia lebih mengutamakan kepada perbincangan secara ikhlas, dengan berpanduan kepada kelayakan seseorang calon pemimpin dan mengambil kira pendapat semua orang (pihak) secara terbuka. Ia bukannya diundi mengikut sesuatu ketetapan ataupun kriteria tertentu.

Bagaimanapun sama-samalah kita cuba membuat analisa secara kasar, diantara pemimpin yang ada dalam UMNO hari ini, siapakah yang paling layak kalau mengikut kaedah pemilihan cara Islam

yang mengutamakan ciri-ciri yang lain daripada yang diamalkan dalam sistem demokrasi.

Sebelum itu elok kalau kita mengariskan antara ciri-ciri dan sifat-sifat yang harus ada kepada seseorang yang hendak menjadi pemimpin. Garisan ini bukan dibuat oleh manusia sebaliknya disebut secara mutlak dan kekal oleh Allah dalam Quran.

Antara sifat-sifat dan ciri-ciri yang telah digariskan oleh Islam ialah:

1. Mereka yang beriman kepada Allah.
2. Bersedia menegakkan hukum Allah.
3. Dapat diterima oleh semua kaum.
4. Tegas dan bertanggungjawab.
5. Bersedia berkorban dan menolak kepentingan diri.

Disini jelas Islam menekan kepada keimanan dan ketakwaan seseorang. Islam tidak menekan kepada soal ketampanan atau kekayaan, atau asas-asas keduniaan lain. Dalam erti kata lain, seseorang yang mempunyai semangat, cita-cita, azam dan matlamat Islam iaitu menegakkan hukum hakam Allah, itu lebih wajar diangkat menjadi pemimpin daripada mereka yang pandai bercakap dan terang-terang tidak mempunyai syariat Islam.

Sudah pasti kalau kita angkat mereka yang mempunyai jiwa dan roh Islam sebagai pemimpin, dia akan berusaha untuk membangunkan Islam. Dia akan membela dan perjuangkan Islam setakat dia berdaya. Dia sama sekali tidak akan bersikap anti dan dingin kepada kemajuan Islam. Dia sama sekali tidak akan mempersenda-sendakan Islam, ataupun bercakap sesuatu yang kontradik dengan ajaran Islam.

Jadi berbalik kepada tiga calon yang telah kita bariskan itu siapakah yang dikira hampir dengan ciri-ciri berkenaan? Atau siapakah yang boleh kita harap akan memperjuangkan Islam dalam tanah air kita hari ini?

Kalau dilihat dari luar, (*exterior*) jelas ketiga-tiga orang pemimpin yang kita kemukakan itu tidak mempunyai banyak masalah. Masing-masing mempunyai peribadi dan perwatakan yang baik. Walaupun tidak sama, tetapi kebetulan, perwatakan mereka itu, tidak termasuk dalam perwatakan yang dibenci oleh Islam.

Dari sudut peribadi masing-masing, ada persamaan mengenai kebaikan ini. Anwar Ibrahim misalnya, begitu terkenal sebagai pemimpin yang bercakap diatas landasan Islam. Walaupun beliau masih banyak tidak melaksanakan tuntutan Islam, tetapi sekurang-kurangnya semangat (*sloganisme*) yang ada padanya itu menjadikan dirinya lebih baik daripada calon-calon sekularisme yang lain seperti Rahim Tamby Chik, Najib Tun Razak, Annuar Musa dan lain-lain yang mana jelas akan keburukan keperibadian mereka.

Demikian juga dengan Dollah Badawi. Sikap *low profil* itu, banyak kerja dari bercakap juga merupakan salah satu ciri-ciri sifat kepimpinan dalam Islam. Islam tidak mahu kepada orang yang pandai bercakap tetapi tidak tahu berbuat. Malahan orang yang tawaduk dan zuhud serta warak, sangat digalakkan oleh Islam.

Sikap itu nampaknya ada kepada Dollah Badawi. Mungkin perwatakan dan sifat bapanya yang merupakan seorang ulama melekat kepada Dollah. Walaupun Dollah tidak memperagakan

dirinya sebagai anak seorang ulama, lantaran tidak mahu mengeksploitasi latar belakang keluarganya tetapi, perwatakan dan gaya hidup yang sederhana mempamirkan kepada umum tentang peribadinya sebenar yang lahir dari keluarga ulama yang memiliki sifat-sifat sabar dan tidak suka adu-domba.

Begitu juga dengan Sanusi Junid. Sikap tidak hipokrit, berterus terang, tegas dan berkerja keras untuk bangsa, negara dan agamanya juga, sangat disukai oleh Islam. Malahan Islam sangat mengutamakan agar umatnya kerja kuat. Nabi Muhammad saw dalam sebuah hadith, menggesa umatnya berkerja keras menyebut; "berkerjalah kamu seolah kamu akan hidup seribu tahun lagi, dan beramallah seakan kamu akan mati esok hari.."

Sanusi sangat menepati seruan Nabi ini. Beliau sanggup mengabaikan kesihatan tubuh badannya sendiri demi untuk kesejahteraan rakyat. Biar pun dalam terlantar sakit beliau masih berfikir bagaimana untuk memajukan bangsa Melayu. Beliau juga dikatakan banyak mengorbankan masa tidurnya untuk negara. Dan sikap tegas, tanggungjawab yang menjadi milik peribadinya itu, adalah diantara ciri-ciri utama yang harus ada pada seseorang pemimpin. Dengan memiliki sikap demikian juga Sanusi tidak akan mudah menggadai prinsip, bangsa dan juga agama untuk kepentingan diri sendiri.

Kalau kita jadikan peribadi itu sebagai ciri atau kriteria utama, mereka bertiga sudah mempunyai *basic* untuk menjadi pemimpin. Bagaimanapun *basic* itu hanya sebahagian daripada ciri-ciri dan sifat-sifat yang digariskan oleh Islam. Apa yang lebih penting dan besar dari itu sejauh manakah komitmen mereka terhadap Islam.

Sementara itu kalau diukur kepada ciri-ciri kepopulariti yang

sering menjadi kriteria untuk memilih pemimpin dalam sistem demokrasi, dimana jauh sekali dengan kehendak Islam, ternyata Anwar Ibrahim telah mendahului dari Sanusi Junid dan Pak Lah Badawi.

Anwar ternyata lebih popular dan menjadi sanjungan ramai. Keterkenalan Anwar bukan sahaja di Malaysia, tetapi mencakupi rantau Asia Pasifik dan Timur Tengah. *Aser* ini beliau perolehi sewaktu penglibatannya dalam gerakan Islam antarabangsa sewaktu dalam Abim dulu.

Dalam hal ini Sanusi Junid dan Pak Dollah Badawi terkebelakang. Lebih-lebih kepada Sanusi. Baik pada mata dunia barat atau negara Islam, beliau masih tidak mempunyai imej dan konteks internasional seperti Anwar. Dalam hal ini Pak Dollah lebih baik sedikit kerana melalui jawatan yang disandangnya kini, beliau berkesempatan untuk berkenalan dengan pemimpin dunia dalam usaha membina imej dirinya diperingkat antarabangsa sekira ia cekap!

Tetapi kalau rakyat mengukur ketiga mereka itu daripada jasa, bakti, sikap kepimpinan dan juga kegigihan dalam perjuangan, ternyata Sanusi lebih menonjol. Sanusi menteri yang kreatif banyak meninggalkan jasa kepada negara. Kalau meneliti biografi hidupnya serta *profil* perjuangannya, dia seorang gigih. Matlamat perjuangannya jelas untuk membela rakyat. Beliau pejuang rakyat miskin.

Walaupun beliau tidak bercakap menggunakan label Islam, namun usaha yang beliau lakukan itu jelas satu perjuangan suci. Beliau berjuang membela rakyat miskin, Kaum petani dan nelayan dan rakyat bawahan. Beliau seorang yang benci kepada kapitalisme,

yang mengaut keuntungan. Dan berazam membebaskan orang miskin dari cengkaman kaum kaya, dan cuba melemahkan penguasaan kaum kaya ke atas orang miskin.

Usahanya menubuhkan koperasi Shamelin, jelas menunjukkan aspirasi dan kesungguhannya untuk membela rakyat miskin dan memecahkan pemonopolian ekonomi oleh kapitalisme. Shamelin menjadi lambang kesucian dan kegigihan Sanusi dalam perjuangannya untuk menegakkan yang hak dan membahagikan keadilan. Soal Shamelin kini lingkup, itu bukan salahnya.

Walaupun beliau tidak banyak bercakap menggunakan istilah Islam, tetapi kalau dilihat dengan jujur, apa yang beliau buat itu adalah dituntut oleh Islam dan menepati kehendak-kehendak ajaran agama.

Dalam hal ini Anwar dan Dollah tersisih ke bawah. Meskipun Anwar kuat bercakap, tetapi perealisasikan slogan-slogan lunaknya itu masih belum wujud sebagai kenyataan yang boleh membantu rakyat. Apa lagi Dollah Badawi, kalau jasanya ditulis di atas kertas kecilpun tidak penuh.

Anwar bukan tidak berbuat langsung, buat. Universiti Islam, Bank Islam dan institusi insuran Islam (Takaful) adalah ideanya. Tetapi sayang idea yang *global* itu hanya setakat menjadi syiar sahaja, yang tidak dapat digunakan oleh rakyat untuk mengubah hidup dan kehidupan. Jasa dan bakti Anwar hanya indah untuk disebut, tetapi pedih untuk merasai nikmat-nikmatnya.

Anwar lebih banyak bercakap daripada berbuat. Ideanya harus dipecahkan untuk mendapat hasilnya. Apa yang Anwar lakukan, umpama orang yang menunjukkan dalam hutan itu ada balak.

Tetapi kepakaran untuk mempergunakan balak itu tidak ada kepada Anwar. Dia seorang idealis Islam. Tokoh pemikir, dimana pemikirannya itu diveduk dan diadun dengan pemikir-pemikir gerakan Islam silam.

Kalau kita bandingkan dengan rasional, diantara jasa Anwar dan Sanusi, kita akan menemui perbezaannya. Sanusi megemukakan pelbagai formula dan memperkenalkan pelbagai sistem dalam setiap kementerian yang pernah dijabatnya. Misalnya melalui Kementerian Pertanian, hari ini Sanusi berjaya mengkomersilkan bidang pertanian menjadi sumber ekonomi utama negara dan seluruh rakyat petani dapat menikmati hasil kerjanya itu.

Anwar pula telah memperjuangkan sesuatu yang besar berkaitan Islam, tetapi sayang hanya menjadi lambang sahaja, sedang cara hidup, sistem hidup di bawahnya masih juga dengan cara dan sistem hidup jahil, dimana natijah yang dikehendaknya tidak mungkin akan tercapai. Ini menjadikan setiap wawasan Anwar seperti khayalan semata-mata.

Dalam perjuangannya Anwar banyak berfalsafah dan memecahkan idea-idea yang *global* dan kronik, tetapi tidak cuba memeralatkan ideanya itu untuk kepentingan ummah dan negara. Disini kita nampak segala teori dan falsafah Anwar itu hanya untuk menyedapkan hati sahaja. Ia berbeza dengan apa yang dikemukakan oleh Sanusi yang terus mempraktikan ideanya itu ke tengah masyarakat.

Cuma apa yang menyebabkan segala kerja-kerja Sanusi dilihat bukan bersifat Islam, kerana beliau tidak mengeksploitasikan segala idea itu dengan Islam. Beliau tidak mengemukakan sesuatu

ideanya berlandaskan dengan ayat-ayat Quran. Beliau tidak menyulam syarahan-syarahannya dengan falsafah-falsafah Islam seperti mana yang dilakukan oleh reformis Islam, Hassan al-Banna, Muhammad Abduh, Al Maududi dan lain-lain yang diciplak oleh Anwar.

Mungkin tidak mahu berselindung disebalik falsafah inilah menyebabkan orang nampak tindak tanduk Sanusi tidak Islamik berbanding dengan Anwar.

Demikian juga kalau dinilai dari sudut ketegasan dan sikap terus terang, Sanusi seorang manusia yang tidak pandai berdolok dalih dan tegas dengan apa-apa keputusan yang dibuatnya. Setiap keputusan tidak boleh dirubah-rubah lagi meskipun didesak ataupun dirayu. Beliau juga tidak pandai hipokrit, kalau sesuatu itu dia kata tidak boleh, maka tidak bolehlah.

Kalau diperhatikan sikapnya dalam sepanjang beliau menjadi pemimpin beliau tidak pernah berdolok dalih dengan apa-apa keputusannya. Beliau tidak pernah menarik ataupun membatalkan sesuatu yang diputuskan semata-mata di atas desakan politik ataupun mereka yang berkepentingan dengannya.

Lantaran sikapnya yang dikira keras dan tegas inilah menjadi salah satu sebab kenapa beliau tidak popular dan tidak berapa digemari oleh anggota UMNO yang suka hidup di atas belas kasihan orang lain dan mencari makan dengan budaya ampu dan bodek.

Ternyata sikap ini berbeza sekali dengan Anwar Ibrahim dan Pak Dollah Badawi. Sanusi juga seorang yang setia dengan parti dan pemimpin. Beliau tidak pernah melakukan kesilapan yang

fatal baik kepada parti atau pun masyarakat umum. Dia tidak seperti Anwar dan Dollah yang sudah ada satu kesalahan setiap seorang, baik kepada rakyat ataupun dikalangan ahli UMNO sendiri.

Misalnya Anwar Ibrahim, pernah bercakap tak serupa bikin berhubung dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti. Dimana semasa menjadi Menteri Pendidikan beliau pernah berjanji untuk memansuhkan akta berkenaan demi memberi kebebasan bersuara kepada mahasiwa. Tetapi apa kesudahannya, janjinya itu tidak pernah menjadi kenyataan hingga kini, menyebabkan golongan siswa tidak mempercayainya lagi.

Jadi berpandukan kepada apa yang diperkatakan di atas, kita boleh menilai, siapa yang sebenarnya yang patut menjadi pilihan rakyat dan berhak untuk diusung menjadi pemimpin. Kalau kita memahami bahawa budaya Melayu itu memang suka kepada sesuatu yang indah, kepada idea-idea dan teori-teori molok dan khayal maka jelas kita nampak siapa yang menjadi pilihan rakyat.

Tetapi kalau bangsa Melayu bersedia memecahkan tambolok kebodohnya, dan menggunakan akal budi dan mengambil realiti sebagai perbandingan dan tidak hanya terpesona dengan bermacam-macam gagasan dan wawasan khayalan, maka kita nampak siapa pula yang paling layak dan relevan untuk diangkat oleh rakyat menjadi pemimpin Malaysia dalam masa tiga atau lima tahun lagi.



Semua angkat jempol, kecuali Sanusi Junid, Sanusi tidak mudah setuju dengan sesuatu perkara yang samar (ampu). Jempol Rafidah betul ke tu atau belut. Kadang-kadang kita nampak betul padahal ia belut. Ingat tak masa Ku Li lawan Musa dalam tahun 82. Mula Rafidah sokong Ku Li, lepas tu, berpatah pada Musa bila Ku Li kalah.

8.

Anwar Ibrahim

***PENCETUS
PERANG
SAUDARA***

Kerana Anwar Ibrahim merupakan seorang tokoh idola dengan Islam, maka kemunculannya di dalam UMNO amat dinanti dan diharapkan. Umat Islam Malaysia menanti apakah kira-kiranya Anwar lakukan, jika beliau menjadi Perdana Menteri kelak? Penantian yang sangat ditunggu daripada Anwar, apakah beliau berjaya untuk mendaaulahkan Islam? Kebetulan ini zaman kebangkitan Islam dan Anwar pula seorang pemuda jihad Islam, maka secara tidak langsung orang ramai mengharap beliau berbuat sesuatu pada Islam? Apakah beliau berhasil?

Kita boleh memperkirakan apakah yang akan dilakukan oleh Anwar. Dengan berpandukan kepada kecemerlangan dan kepakaran yang beliau miliki, kita dapat membayangkan hal-hal yang mungkin terjadi, dan akan dilakukan oleh Anwar.

Apabila Anwar berada di atas dia akan mempunyai kuasa politik sepenuhnya. Beliau bebas dari belenggu pemikiran dan tindakan politik bapa angkatnya, Mahathir Muhamad. Sudah

pasti, kedudukan itu akan memberi kesempatan untuk beliau bertindak mengikut halacara dan idelogi politiknya sendiri.

Saat itulah nanti beliau tidak ada masalah lagi untuk tidak mempraktikan apa yang dilaungkan selama ini. Kalau kini dia sering menjawab pada kawan-kawanya, beliau belum ada kuasa mutlak untuk melaksanakan azam perjuangannya, tetapi sesudah ia memperolchi kuasa nanti, dia tidak dapat berdolak dalih begitu lagi.

Kalau sesudah dia naik, dia tetap juga bersikap dingin seperti hari ini, ternyata Anwar hanya berpura-pura dan sengaja mencari seribu alasan untuk tidak melaksanakan apa yang dilaungkan 10 tahun dahulu. Kalau itu terjadi, jelaslah Anwar seorang munafik dalam politik!

Sesungguhnya kenaikan Anwar nanti amat dinanti. Satu perkembangan baru dijangka akan wujud dalam politik UMNO. UMNO akan terhala kepada satu dimensi baru yang lebih menyakinkan menurut konsepsi Anwar sendiri. Kalau Mahathir pada zamannya mencipta sejarah untuk dirinya, Anwar juga pada zamannya akan mencipta sejarah untuk dirinya juga. Apa yang diharapkan sejarah itu biarlah bersifat sejagat dan bertunjang kepada akidah muslim.

Perubahan yang kita harapkan itu, tentulah ke arah lebih baik daripada apa yang ada kini. Dan dalam konteks ini tentulah perubahan ke arah kemerdekaan Islam dan bangsa Melayu. Ke arah pendaulatan Islam yang lebih luas dan berani lagi. Kalau Anwar tidak melaku dan memperjuangkan dua hal itu maka Anwar telah munafik dengan sumpahnya dulu.

Tetapi kerana Anwar berada dalam lingkungan politik, maksudnya gelanggang politik sekular, meskipun Anwar akan berusaha melakukan itu, kita meragui apakah dia mampu untuk melaksanakannya itu. Kerana parti yang didokong itu kita percaya tidak bersedia untuk melakukan apa yang hati kecil Anwar kehendaki.

Lainlah kalau Anwar bersedia untuk berhadapan dengan risiko, merombakkan konsep dan dasar UMNO untuk diganti dengan asas-asas perjuangannya yang berslogankan kepada Islam, mungkin cita-cita Anwar melalui UMNO akan jadi kenyataan.

Kita dapat merasakan, setiap perubahan yang Anwar hendak lakukan itu, tidak semua akan dipersetujui oleh pemimpin UMNO lain. Mereka akan melihat perubahan Anwar sebagai satu pencabulan kepada dasar perjuangan UMNO selama ini. Dan kalau benar Anwar akan merombak semula konsep perjuangan UMNO dan menggantikan dengan Islam, sudah pasti Anwar akan berhadapan dengan bahaya besar.

Golongan sekular dalam Islam, yang mati-matian memperjuangkan konsep nasionalisme sempit yang telah sekian lama diperjuangkan oleh UMNO, akan menentang Anwar. Mereka tidak akan membiarkan begitu sahaja, Anwar menyalin pakaian UMNO mengikut citarasa dan nalurnya.

Delima inilah nanti akan menjadi masalah utama kepada Anwar. Perbezaan iktikad dan ideologi ini juga, akan dijadikan alasan oleh orang yang memusuhinya dalam UMNO untuk menentangnya. Bagaimanapun jika Anwar sedia untuk munafik dengan sumpahnya selama ini, beliau boleh sahaja terselamat. Beliau boleh menurut arus UMNO. Dan kalau ini terjadi pula,

bermakna Anwar gagal total, dalam mengitizamkan perjuangannya selama ini.

Pun demikian, Anwar harus juga berfikir, jalan yang beliau ambil itu belum tentu juga selamat. Sekalipun dia rela dan bersedia untuk menggadai prinsip dirinya (Islam), beliau tetap juga akan berhadapan dengan pelbagai masalah dan delima.

Musuh-musuh Anwar ketika itu tidak lagi, memikirkan soal itu sebaliknya mereka akan terus mengejar dan memburu Anwar kerana cita-cita politik mereka. Sikap musuh dalam politik, sama juga dengan musuh di luar kehidupan lain. Musuh akan terus mengejar sasarannya selagi dendamnya tidak terbalas.

Yang paling jelas misalnya, apakah Ghafar dan orang-orang yang bergantung harap kepadanya bersedia untuk membantu Anwar, sedangkan harapan mereka terlepas? Inilah yang tidak mungkin. Orang-orang inilah kelak akan berhadapan dengan Anwar, yang akan menjadi duri dalam daging, ataupun gunting dalam lipatan. Anwar tidak boleh memerintah dengan selesa dan penuh bergaya.

Kesimpulannya UMNO akan bergolak, bila Anwar memegangnya nanti. Apa lagi kalau ia berkuasa dalam keadaan kekuasaannya tidak penuh, dengan mudah orang akan menentangnya. Penentangan itu akan menimbulkan beberapa implikasi dan risiko lainnya.

Pergolakan yang akan berlaku nanti, bukan sahaja setakat perebutan jawatan, pangkat serta kedudukan, tetapi ia akan membawa kepada satu perebutan yang boleh membawa kepada

berulangnya peristiwa tahun 1987. UMNO akan mencatat satu lagi sejarah yang penuh dengan tragedi.

Apa yang dapat dibayangkan kenaikan Anwar nanti, menyebabkan UMNO mungkin akan terbahagi kepada dua kumpulan lagi. Satu kumpulan **ultra nasionalis** yang lebih mirip kepada Islam, dan satu lagi kumpulan yang menentang ultra itu yang terdiri daripada veteran UMNO menjadikan semangat nasionalisme tulen sebagai akidah, sebagai alasan untuk menentang Anwar.

Kesimpulannya kejayaan Anwar merebut tempat dalam UMNO nanti, akan menjadi pencetus kepada satu perang hebat dalam UMNO. Peperangan yang berlaku ini sudah tentu orang akan salahkan Anwar ataupun setidak-tidaknya orang akan beranggapan Anwarlah yang menjadi penyebabnya.

Kita tidak berani untuk meramalkan siapa yang akan mengetuai golongan satu lagi. Tetapi apa yang dapat dikesan, ialah konflik itu akan memuncak, sehingga akan berlaku sejarah perebutan kuasa seperti mana Ku Li dan Mahathir. Pemilihan tahun 1993 ataupun tahun 1996, akan mencatatkan satu lagi sejarah kemusnahan dalam UMNO. Peperangan kali ini, akan menentukan diantara yang hak dan yang batil.

Meneliti kepada kesungguhan golongan yang bakal menentang Anwar kelak, menyebabkan kita merasakan Anwar tidak akan bertahan lama dalam UMNO. Beliau akan dihipit dengan berbagai masalah kerana beliau tidak mempunyai teras dan akar tunjang yang ampuh untuk membolehkan beliau tegak berkuasa dalam UMNO.

Beliau sudah tentu nanti akan ditekan, ditindas dan diserang habis-habisan. Pengakhiran kepada "pertempuran" itu kelak, akan menentukan samada Anwar terus menguasai UMNO ataupun akan tersingkir.

Ada dua kemungkinan yang akan berlaku kepada Anwar jika ia tewas dalam pertempuran itu nanti. Pertama dia mungkin akan keluar dari UMNO, membawa para penyokongnya untuk bersatu dengan jemaah ataupun harakah politik lain yang lebih sealign dengan pemikirannya. Kedua, beliau mungkin akan surut ke belakang, berpatah balik kepada perjuangan gerakan Islam seperti tahun-tahun 1970an dulu.

Dalam hal ini sekiranya Anwar mahu meneruskan perjuangan menerusi politik kita nampak beliau hanya ada satu pilihan sahaja, iaitu dengan menyertai parti Pas. Pas dikira dapat menerima Anwar memandangkan perjuangan Anwar sinonim dengannya, meskipun uslub dan tekniknya berlainan.

Meskipun pada masa ini sesetengah pemimpin Pas, cuak dan bencikan kepada Anwar kerana sikap dan kemungkiran Anwar dulu tidak jadi menyertai Pas, tetapi perasaan itu akan terhindar. Mereka akan simpati dan akan berjabat tangan kemas dengan Anwar. Adalah tidak logik untuk mereka tidak mahu menerima Anwar, sedangkan bekas beberapa penganut sosialis, seperti Suhaimi Said, Cikgu Musa Salleh, Pas bersedia menerimanya.

Penerimaan Pas terhadap Anwar waktu itu walaupun sudah tempang, tetapi sedikit sebanyak akan membawa imej kepada parti itu. Anwar tetap akan menjadi aset utama dalam perjuangan Islam, lebih-lebih lagi apabila orang mengenang beberapa kerat jasanya dulu.

Ataupun jika Anwar tidak tergamak untuk masuk begitu sahaja dalam Pas, ia mungkin menubuhkan parti politiknya sendiri, kemudian bergabung dengan Pas. Memandangkan Abim masih lagi sayang kepadanya, tidak mustahil kalau Anwar terjempit dia akan *memodifiedkan* Abim sebagai badan politik untuk menjadi wadah baru perjuangannya.

Dengan ini, Anwar akan merasakan lebih selamat dan lebih bermaruah. Secara tidak langsung dia boleh membuktikan kepada dunia bahawa dia masih disayangi oleh Abim dan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap gerakan Islam itu.

Apakah yang akan berlaku jika Anwar berjaya naik dengan selamat? Tidak mustahil juga satu perubahan yang menakjubkan kepada senario politik orang Melayu akan berlaku. Satu-satu yang kita nampak, dengan karisma dan ketokohan yang ada kepada Anwar dia boleh menyatu padukan politik orang Melayu, khasnya yang berlandaskan Islam duduk dalam satu saf perjuangan.

Apa lagi kalau beliau berjaya mengubah perjuangan UMNO lebih cenderung kepada Islam, sudah tentu parti-parti Islam seperti Pas, Hamim, Berjasa akan tertarik untuk berkerjasama dengannya. Sebenarnya untuk melakukan ini Anwar tidak mempunyai apa-apa masalah kerana sesetengah pemimpin utama dalam parti-parti berkenaan adalah sahabat seperjuangannya sebelum ini yang sedang menanti gamitan Anwar saja.

Persefahaman, sikap pengertian dan persamaan cita-cita mereka selama ini boleh digembelingkan untuk mencapainya cita-cita yang satu. Bukan orang tidak tahu siapa Fadzil Noor kepada Anwar? Mereka adalah dua sahabat baik yang telahpun berjanji untuk memperjuangkan Islam dalam dimensi dan wadah masing-

masing.

Tidak mustahil, selepas Anwar menguasai UMNO, Pas akan kembali kepada UMNO semula, ataupun UMNO akan bergabung dengan Pas. Atau dalam bahasa lain ummah Melayu akan berada dalam satu firkah untuk mencapai satu kegemilangan dalam Islam.

Selain dari itu kemunculan Anwar juga bukan sahaja dapat merubahkan suasana politik bangsa Melayu, tetapi dia juga kemungkinan akan turut merubah sistem pemerintah negara ini. Tidak mustahil dengan sikap egois dan *over confident* yang ada kepadanya, dia boleh merealisasikan hasrat bapa angkatnya Dr Mahathir Muhamad untuk merubah sistem pemerintah negara ini, khasnya meruntuhkan institusi raja berperlembagaan.

Yang jelas gejala ini sudah mula kelihatan. Pendedahan tindakan Sultan Kelantan membawa keluar kereta Lamborghini secara terang dan meluas, menunjukkan perang terhadap kedudukan raja dan sultan sudah bermula. Kita tahu walaupun Anwar hanya menjalankan perintah, tetapi serangan itu akan berterusan. Tidak mustahil dia akan lanjutkan apabila dia berkuasa kelak.

Kita percaya tindakan Anwar mendedahkan kes sultan itu tidak semua orang menyebelahnya. Walaupun kita tidak suka kepada pembaziran dan kemewahan, namun kerana isu itu sudah dijadikan isu politik, menyebabkan orang akan musykil tindakan Anwar itu. Dalam soal ini orang akan pertikaikan sejauh manakah kejujuran Anwar dan juga sejauh manakah nanti dia akan berlaku adil dalam isu-isu seumpama itu?

Memang tidak menjadi masalah kalau Anwar berhajat untuk menghapuskan raja pada masa akan datang. Kerana UMNO

dibawah pimpinan Mahathir hari ini, mempunyai cita-cita untuk menghapuskan raja. Jadi tindakan Anwar itu lebih senang lagi memandangkan dalam UMNO hari ini sudah ada beberapa orang penderhaka. Nama-nama seperti Annuar Musa, Muhammad Taib, Nazri Aziz dan beberapa kerat lagi, adalah golongan bernaflu besar yang menjadi penjilat buntut Mahathir.

Tetapi apa yang kita hendak tanya, apakah Anwar sudah berfikir panjang apa yang beliau lakukan itu. Untungkah bangsa Melayu apabila ada bangsa Melayu sendiri mempertikaikan kedudukan raja? Mempersoalkan lambang kekuasaan Melayu? Untuk politik jangka panjang, Sdr. Anwar harus mengkaji masalah ini dengan saksama dan perasaan yang sejuk.

Di sini kita merasakan tindakan Anwar itu bukan ikhlas sangat. Beliau kelihatan sengaja menimbulkan soal itu, untuk mempopularkan dirinya. Sengaja untuk menunjukkan dirinya sebagai juara. Ini tidak hairan kerana cara ini sudah menjadi *style* dan budaya politik Anwar sejak dulu.

Berhubung dengan isu kereta Lomborghini juga kita nampak ia sengaja ditimbulkan dengan niat tertentu. Yang jelas isu Lomborghini ini seperti mahu melagakan Anwar dengan sultan. Seperti ada orang tertentu dalam UMNO yang menyucuk Anwar dengan mendedahkan perkara itu. Nampaknya, bukan semua tokoh-tokoh UMNO turut sama mengkritik sultan bersama Anwar.

Dalam pada itu kalau Anwar ikhlas dengan tindakannya itu kita harap dia tidak akan bertindak memilih bulu. Dia janganlah cuma *attack* sultan Kelantan, yang merupakan sultan termuda memerintah ketika ini. Anwar juga harus berani, peka, sensitif, prihatin, bertindak mendedahkan penyelewengan dan kemewahan yang dikecapi

oleh sultan dan raja-raja lain.

Kalau Anwar ikhlas, dia akan segerakan hal ini. Dia akan senaraikan harta sultan Pahang, sultan Johor, sultan Kedah, Yang Dipertuan Negeri Sembilan, sultan Perak, sultan Terengganu, raja Perlis, malahan harta dan kemewahan Yang Dipertuan Agung sendiri. Biar kita hamba rakyat tahu.

Tetapi beranikan Anwar berbuat begitu? Sanggupkah? Kalau tidak sanggup, tak payahlah Anwar menyacang ekor, mendedahkan keburukan sultan Kelantan. Kalau dia hanya bertindak kepada satu pihak sahaja, orang akan nampak, tindakan itu hanya tindakan politik. Tindakan untuk mempopularkan diri dan cari makan melalui isu itu.

Sebenarnya kita meragui segala keikhlasan yang Anwar laungkan. Kita tidak percaya bahawa dia jujur dan berkorban untuk rakyat, negara dan agama. Malahan kita tidak nampak lagi jasa-jasa dan bakti Anwar secara konkrit terhadap perkembangan agama Islam di Malaysia.

Sehingga kini apa yang Anwar telah lakukan ekoran pengharaman gerakan Islam Arqam dan Tabligh. Kita tidak mendengar sepatah pun komen Anwar mengenai perkara ini, apa lagi bangun membela dengan suara lantang.

Kenapa Anwar membisu seribu bahasa bila Tabligh diharamkan. Mana suara lantang Anwar. Mana pembelaan Anwar terhadap gerakan Islam. Apakah Anwar tidak peka lagi kepada masalah itu kini. Sudah pekak dan tulikah telinga Anwar hari ini.

Malu, sungguh memalukan dan sungguh menyesalkan. Anwar

melepaskan begitu sahaja isu itu. Dia membiarkan sahaja Zainal Abidin Kadir, Hamid Othman meratah Darul Arqam. Anwar membiarkan begitu sahaja Ustaz Rahim Tamby Chik melanyak Tabligh. Apakah Anwar seiya sekata dengan tindakan mereka itu?

Kalau benar begitu alangkah kesalnya kita kepada Anwar. Alangkan sedihnya kita dengan sikap Anwar. Jadi benarlah kalau kita menuduh Anwar sudah bersalin bulu dan bertukar hati hari ini. Maka benarlah sejak masuk UMNO dan dapat duduk diatas kerusi berpusing dan naik kuda Anwar sudah berubah 100%.

Akan malanglah kita kalau perubahan ini akan berterusan kepada diri Anwar. Kita akan berhadapan dengan zaman gelap kalau Anwar naik kelak. Kita akan menjadi hina dalam negeri sendiri. Kenaikan Anwar nanti, ternyata lebih banyak buruk daripada baik. Kalau dengan *half power* yang dia miliki sekarang dia sudah berlagak, apa lagi bila sudah punya kuasa penuh nanti, tambah menjadi-jadilah lagaknya.

Berpandukan kepada sikap dan tindak tanduknya hari ini, tidak mustahil bila Anwar jadi PM kelak, dia akan mengheret rakyat berperang dengan raja dan sultan. Masa itulah nanti kita akan terjempit. Rakyat akan menjadi serba salah. Mereka yang setia kepada raja akan berada disatu pihak. Dan mereka yang sekepala dengan Anwar disatu pihak lain.

Waktu inilah nanti perang saudara akan berlaku. Perang sesama Melayu. Satu pihak melayu moden dan satu lagi melayu pramitif yang mentaati tatasusila kemelayuan. Sama-samalah kita tunggu apakah tragedi yang memecahkan itu menjadi kenyataan ataupun tidak.

Suasana dan iklim politik negara juga, mungkin akan panas jika Anwar menjadi pemimpin negara ini. Melihat kepada hubungan baik Anwar dengan beberapa orang pemimpin radikal Islam dunia, ia mungkin boleh mempengaruhi *style* dan tindakan politik Anwar Ibrahim. Umum mengetahui walaupun tidak nyata, Anwar sangat baik dengan Muammar Ghadafi, pemimpin Libya, dan beberapa pemimpin Iran.

Apakah Anwar akan mengimport sistem pemerintahan dan *style* tindakan tokoh pemimpin negara berkenaan. Seandainya Anwar berbuat demikian, maka sama-samalah kita saksikan, pembentukan negara Islam ala Anwar, yang sudah tentu akan ditentang oleh kaum lain dan veteran nasionalis dalam UMNO.

Demikian apa yang dapat dilihat disekitar kenaikan Anwar nanti. Ianya ternyata penuh trajis dan menyayatkan hati. Mudah-mudahan sahaja akan berlaku sesuatu yang baik. Berdoalah sekalian rakyat!



Anwar: Najib sudah cerai isteri pertamanya Tengku Puteri Zainah dan kahwin dengan Rosmah Mansor. Kisah rumah tangganya tidak jadi gempar sangat sebab buku 'Skandal Najib Tun Razak' tidak sempat diedar. Hemmm....

Najib: Dia ingat orang tak tahu ? Tetapi masakan pokok bergoyang tanpa angin. Kalau diperhatikan pada lagaknya yang nak jadi cowboy, mungkin ! Biarkan... aku malas nak bagi tahu betapa sengitnya perang rumah tangga. Biar dia rasa. Aku cuma nak tumpang tuah dia sahaja!

9.

Sanusi Junid

**MAMPUKAH
KOMERSILKAN
MALAYSIA**

Sebelum seseorang itu naik ke atas atau memperoleh kuasa penuh, amat sukar untuk kita membayangkan bagaimanakah dia akan menggunakan kuasa itu. Perkara ini subjektif, tidak dapat kita mengiranya dengan tepat. Apa yang boleh diperhitungkan hanyalah berpandu kepada peribadi dan juga tindak tanduknya sebelum ini.

Kadang-kadang kita mengira seseorang itu kalau dia diberi kuasa dia boleh merugikan rakyat, tetapi lain pula jadinya. Dia tiba-tiba sahaja muncul sebagai pembela rakyat umum. Sebaliknya, ada yang kita duga dia akan dapat membawa perubahan dan membela rakyat bawahan apabila dia berkuasa, tetapi ternyata apa yang kita bayangkan itu jauh sangka daripada jangka. Sebaliknya dia melakukan perkara-perkara yang merugikan bangsa dan negara.

Misalnya Dr Mahathir Muhamad, sebelum ini orang tidak

pernah mengagak dia akan bertindak seperti apa yang dilakukan kini, terutamanya mengenai pentadbiran dan sikapnya dalam parti UMNO. Kerana kalau berpandukan kepada kritikkannya kepada Tunku Abdul Rahman semasa kawan itu jadi PM, tidak mungkin dia akan mentadbirkan secara diktator.

Ramai orang beranggapan dia akan melaksanakan apa yang ditulis dalam buku Malay Delima. Tetapi apa jadinya, dia mengamal pula apa yang dia tidak suka, yang dia kritik Tunku dulu. Seolah dia menjadi kata dulang paku yang serpih, berkata Tunku dia yang lebih.

Yang paling nyata mengenai kebebasan akhbar, *freedom of press*. Mahathir sebelum ini mengecam Tunku kerana tidak mengamalkan *freedom of press*. Begitu juga dengan langkah Mahathir yang menggunakan akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menahan orang-orang tertentu. Tunggu hari ini apa sudah jadi. Sudah berapa buah akhbar di zaman Mahathir ini yang telah digantung permitnya dan ada yang diharam terus tanpa memberi apa-apa *warning*.

Dan begitu juga dengan Akta Rahsia Rasmi (OSA). Akta yang bertujuan menyekar kebebasan akhbar ini tidak wujud pada zaman Tunku atau lain-lain Perdana Menteri.

Dan juga sama-sama kita kira sudah berapa ramai orang tertentu di tahan dan disekat kebebasan mereka di bawah akta Keselamatan Dalam Negeri. Berbagai operasi dijalankan seperti oprasi lalang dan kenari dan berapa ramai yang menjadi mangsa dikurung tanpa dibicarakan.

Dimanakah logiknya perjuangan dan kritikan Mahathir

sebelum ini kepada PM yang lalu sedangkan dia bertindak lebih melampau daripada Tunku Abdul Rahman.

Sebaliknya tindakan Mahathir dirasakan lebih kejam lagi daripada Tunku. Sekejap-kejap Tunku, Almarhum tidak sampai mengharamkan parti yang diasasnya iaitu UMNO, tetapi Mahathir melakukan itu. Beliau bukan sahaja mengharamkan akhbar, sebaliknya turut sama mengharamkan UMNO.

Saya tidak mahu menyebut pasal pengharaman Mingguan Waktu, tetapi hendak sentuh sedikit pasal pengharaman Mingguan Islam. Pengharaman Mingguan Islam adalah sesuatu yang paling kejam. Ini kerana pengharaman itu dibuat secara drastik dimana tuan punya permit tidak diberi apa-apa notis seperti kebiasaan dilakukan kepada akhbar lain sebelum ianya diambil tindakan.

Biasanya kalau sesebuah akhbar itu ada membuat kesilapan, ia terlebih dahulu diberikan notis atau warning, tetapi tidak bagi Mingguan Islam. Tiba-tiba sahaja pihak KDN menghantar surat penarikan permit serta merta secara *by hand*.

Pengharaman itu juga bertentangan dengan dasar kerajaan Mahathir yang menjalankan penerapan nilai-nilai Islam. Beliau melaungkan penerapan nilai-nilai Islam, tetapi dalam masa yang sama menjadi anti kepada media-massa Islam. Mingguan Islamlah satu-satunya akhbar yang mengetengahkan isu-isu Islam secara meluas dan berani.

Mungkin orang semua ingat bagaimana peranan Mingguan Islam memainkan isu Kristian yang cuba hendak mempengaruhi orang Melayu. Kalau tidak Mingguan Islam yang mendedahkan isu itu, pasti masalah Kristinisasi masih berleluasa. Kalau diharap

kepada akhbar kebangsaan, ia sama sekali tidak mendedahnya kerana isu itu sensitif baginya.

Begitu kontras sekali sikap Mahathir semasa dia tidak mempunyai kuasa selepas dia mempunyai kuasa.

Bercakap mengenai hal ini, mungkin kita masih ingat tentang spekulasi dan cakap-cakap lunak sebelum Sultan Azlan Shah menjadi Yang Dipertua Agong dulu. Ketika itu ramai orang menanti-nanti perlantikan Azlan kerana dengan perlantikan itu ia boleh membantu memperbetulkan beberapa kesilapan yang dilakukan oleh pihak kerajaan.

Orang beranggapan demikian kerana maklumlah Azlan dikira seorang Agong yang cerdik pernah dilantik. Beliau kelulusan undang-undang, pernah menjadi Ketua Hakim Negara, sudah tentu tahu akan seluk beluk perundangan dan juga pentadbiran.

Kebetulan diwaktu beliau hendak dilantik menjadi Agong, pihak kerajaan termasuk PM sendiri banyak bertindak tidak mengikut prosedur undang-undang, malahan sesetengah tindakkannya jelas bertentangan dengan undang-undang.

Justeru dihitung kelulusan akademik dan juga dengan pengalaman yang ada pada Azlan dikira beliau akan dapat menasihati serta menegur kerajaan di atas sesuatu yang bercanggah dengan undang-undang. Dengan keadaan itu perjalanan kerajaan semasa beliau menjadi Ketua Negera akan berlaku dengan baik dan teratur.

Itu adalah harapan rakyat kepada Sultan Azlan Shah.

Tetapi apa yang berlaku selepas itu? Ternyata beliau tidak dapat berbuat apa-apa. Pengalaman dan juga kedudukan yang ada kepadanya, tidak digunakan sepenuhnya. Beliau seakan tidak pernah menggunakan kekuasaannya itu untuk menasihati pihak kerajaan agar bertindak dengan betul tanpa memasukkan unsur-unsur sentimen kepartian dan juga peribadi.

Lantaran itu Mahathir terus sahaja bertindak sesuka hatinya. Beberapa tindakan dan salah laku yang belum berlaku dalam negara sebelum ini, seperti pemecatan Ketua Odit Negara, Ketua Hakim Negara, berlaku lepas satu demi satu.

Jadi berpanduan kepada hakikat ini, jelas apa yang dibayangkan dan diharapkan kepada seseorang itu, meleset. Harapan yang kita berikan kepada seseorang apabila dia sudah berkuasa, tidak menjadi. Mereka nampaknya pandai berjanji sahaja, tetapi tidak bersedia untuk menunaikannya. Apa yang mereka lebih pentingkan mengukuhkan kedudukan daripada menyuarakan kepentingan dan hak rakyat.

Iya kalau kita dengar, betapa lunaknya janji dan luahan rasa orang politik. Macam-macam janji dan sumpah yang mereka hemburkan untuk mendapat kuasa. Keadaan ini boleh perhatikan bila menjelang pilihanraya. Apa yang tidak mereka janjikan, semua mereka janji. Kononnya hendak bela rakyat, hendak bawa pembangunan, hendak daulahkan Islam dan sebagainya.

Tetapi bila mereka sudah menang, sudah memperolehi kedudukan dan kuasa semua janji mereka lupa. Mereka tidak ingat kepada apa yang mereka ucapkan. Mereka lupa kepada apa yang mereka sebutkan di hadapan rakyat. Mereka seolah seperti tidak pernah berbuat apa-apa janji.

Demikianlah gelagat orang politik. Lain yang kita harapkan, lain pula yang dilakukan. Misalnya dulu orang ramai berharap kepada Anwar, akan membela Islam apabila ia dilantik menjadi menteri. Tetapi hari ini setelah mendapat dengan kedudukan itu, dia nampaknya terkial-kial. Mana janji-janji yang dilaungkan dulu hendak bela Islam. Orang mengharamkan gerakan Islam pun beliau diam sahaja. Tenguk Hamid Othman bantai Arqam habis-habisan, Anwar diam seribu bahasa. Rahim Tamby Chik pukul dan haramkan Tabligh, Anwar juga diam. Anwar seperti kalah dengan keulamaan Rahim Tamby Chik dan Hamid Othman!

Jadi kerana soal ramalan dan pengharapan ini sukar untuk dinilai dengan tepat, maka sulit untuk kita menilai prestasi seseorang itu. Payah bagi kita untuk membayangkan dari sekarang apakah yang akan dilakukan oleh seseorang tokoh pemimpin apabila beliau menginjak naik!

Bagaimanapun adalah elok dalam hal ini kalau kita cuba meneliti apakah yang akan berlaku jika Sanusi Junid ditakdirkan menjadi TPM atau PM nanti. Apakah yang boleh kita harapkan kepada beliau dan juga apakah yang dirasakan mampu untuk beliau lakukan nanti.

Dengan berpanduan kepada sifat tegas, berani, kreatif dan juga terus terang yang ada kepada dirinya itu, apakah dia mampu untuk melaksanakan cita-cita rakyat. Bolehkah beliau melakukan sesuatu ke atas Malaysia, mengikut citarasa dan visinya.

Sebelum itu baik rasanya kalau saya memetik sepatah kata kawan saya tentang Sanusi. Kata kawan saya bila ditanya pendapatnya macam mana kalau Sanusi menjadi PM, Jawabnya

"kita (Malaysia) akan berperang dengan Thailand."

"Kenapa begitu?" tanya saya sedikit terkejut.

Kawan saya tidak menjawab. Pada saya kata-kata kawan saya itu terlalu personal dan keterlaluan. Namun saya dapat menyelami kenapa ia berkata begitu.

Kita tahu sejak Sanusi menjadi Menteri Pertanian pencerobohan laut kita oleh nelayan Thai agak berkurang. Ini kerana ketegasan dan keberanian Sanusi. Mana-mana nelayan yang ceroboh masuk ke laut kita, ditangkap dan botnya ditahan.

Tidak ada apa-apa kompromi. Salah tetap salah. Sanusi benar-benar *strict* dalam hal ini. Dia tidak bertolak ansur. Padanya hasil negara patut dimiliki oleh rakyat negara. Dia tidak mahu hasil negara dirompak begitu sahaja. Tindakan terbarunya menaikkan caj perkhidmatan ikan yang diimpot. Tujuan beliau berbuat demikian untuk memastikan pendaratan ikan oleh nelayan tidak dilakukan dinegara lain. Dengan tegas beliau mengingatkan, jika para nelayan enggan mematuhi arahan itu pihaknya tidak teragak-agak akan menarik lesen pengimport.

Jadi kerana sikap dan ketegasan itulah kenapa kawan saya tadi beranggapan demikian. Konon menurutnya Sanusi tidak disenangi oleh golongan nelayan di Thailand, kerana rezeki haram mereka tersekat. Pada saya tindakan itu cukup baik. Ia bukan sahaja menunjukkan sikap tegas Sanusi, tetapi satu langkah untuk menjamin harta negara tidak mengalir ke dalam kerongkong orang lain.

Sebenarnya sikap dan pendirian Sanusi bukan sahaja dalam

soal nelayan asing sahaja. Dalam hal-hal lain juga termasuk soal parti, beliau begitu tegas dan lurus. Jadi berdasar kepada prinsip itulah kita nampak kalau dia menjadi pemimpin Malaysia, beliau boleh memperbetulkan segala macam kepincangan yang telah membudayakan UMNO dan kerajaan hari ini.

Selain itu sudah pasti juga, Sanusi yang terkenal sebagai seorang menteri yang kreatif dan kaya dengan idea akan dapat membangunkan membela rakyat dengan keunikan dan kecanggihan segala perancangan bakal dikemukakan nanti. Dan sifatnya yang tidak hipokrit itu pula akan mendidik warga negara ini menjadi berani kerana benar dan takut kerana salah.

Dia boleh menjadi seorang pemimpin teladan, kerana Sanusi berbuat (praktik) dulu sebelum dia menyuruh orang lain berbuat. Jika sesuatu yang dia praktikkan itu tidak berjaya, dia tidak akan menyogokkan kepada orang lain agar berbuat.

Kita percaya masih banyak lagi idea yang sedang berkembang dalam fikirannya dan tidak dapat dilaksanakan kerana keterbatasan kuasa. Misalnya kalau beliau menjadi Menteri Pendidikan sekejap, banyak perubahan yang akan dilakukan. Dia juga dirasakan tidak akan meneruskan apa-apa polisi yang boleh melemahkan fikiran dan menyekat kebebasan pelajar.

Misalnya akta universiti dan kolej, yang kini menjadi satu lagenda, akan terhapus kalau Sanusi Junid menjadi menteri pendidikan. Sebagai seorang yang tegas tetapi berterus terang, dia tidak harus merasakan takut kepada mana-mana pihak. Orang yang berfikiran terbuka seperti Sanusi Junid akan jujur menerima kritikan dan teguran kepadanya.

Demikian juga sikap beliau terhadap gerakan Islam. Meskipun beliau seorang yang radikal, dan boleh melakukan sesuatu diluar pengetahuan orang lain, rasa Sanusi tidak akan tergamak untuk menyekat kegiatan agama oleh jemaah Islam seperti Tabligh dan Arqam, apa lagi mengharamkannya!

Kerana orang yang berjiwa rakyat, dan menjunjung tinggi syariat Islam dan semangat bangsa tidak akan mudah mengadai prinsip untuk dipuja oleh orang lain yang belum tentu ikhlas terhadap bangsa Melayu.

Menilai sikap berani, simple dan juga ketegasan Sanusi dia boleh menjadikan bangsa Melayu bukan sahaja dihormati kerana keintelektualannya tetapi juga akan ditakuti kerana keberanian dan keutuhan semangat orang Melayu. Sanusi boleh menjadi jurulatih rakyat, untuk melahirkan rakyat Malaysia yang dinamik dan inovatif.


Hanya satu sahaja yang merugikan kita kalau Sanusi menguasai UMNO nanti. Sudah barang tentu hubungan UMNO dengan Pas akan jadi bertambah renggang. Harapan bangsa Melayu untuk melihat kedua parti itu bergabung akan sia-sia. Sanusi yang terkenal dengan semangat nasionalisme itu tidak mungkin bersetuju untuk berbaik dengan fundamentalis Pas.

Sanusi begitu pesimis kepada Pas. Tenguk macam mana sikap dan juga penerimaan beliau terhadap kerajaan Kelantan. Sebaik sahaja Kelantan jatuh ke tangan Angkatan, Sanusi serta merta menarik balik subsidi baja kepada petani. Seolah baja itu menjadi hak mak bapak UMNO.

Berpandu kepada tindakan itu, sukar untuk kita merasakan

Sanusi boleh mengamankan politik orang Melayu kalau beliau menjadi pemimpin kelak, tapi kita tidak menolak dia boleh menjadikan bangsa Melayu lebih kebal dan cerdik dari bangsa-bangsa kelas tiga lain.

Demikian secara umum yang kita dapat lihat dari diri Sanusi. Kelainan sikap yang ada padanya jelas berbanding dengan menteri lain. Dan sifat jenaka yang menjadi perhiasan dirinya itu, selain menunjukkan ia seorang periang, tetapi juga menyiratkan kerahsiaannya seorang manusia yang serius dalam segala hal. Dengan inilah kita yakin sekiranya beliau mempunyai kesempatan untuk berkuasa, beliau boleh membawa semangat dan simbol baru kepada bangsa dan negara.



Amanah pada bangsa, disiplin dalam parti, rajin berkerja untuk negara, berani kerana benar dan setia kepada pemimpin, itulah prinsip hidup Sanusi Junid.



Inilah wajah sebenar Sanusi Junid, periang dan peramah. Wajah ini hanya dapat dilihat bagi mereka yang mendekati dan bergaul dengannya saja. Alangkah eloknya kalau wajah Sanusi menjadikan wajah ini sebagai politician face

10.

Pak Dollah Badawi

**PENYELAMAT
MARUAH
BANGSA**

Apabila orang memperhitungkan soal populariti untuk memungkinan seseorang itu naik, maka nama Dollah Badawi tercicir ke belakang. Ini kerana Pak Dollah Badawi, kelihatan tidak popular buat masa ini. Beliau seperti orang yang merendah diri dalam politik UMNO. Beliau seakan sang tokoh yang merajuk! Ataupun orang yang tidak mahu terlibat dengan sebarang percaturan politik kontroversi. Dia nampaknya benar-benar mahu kerja sahaja tanpa memperdulikan sesuatu yang berlaku di sekitarnya.

Kenapakah terjadi demikian?

Apakah Pak Dollah masih merasakan dirinya berdosa, atau bersalah. Apakah dia masih dihipit oleh batu-batu dosa kepada UMNO, khasnya kepada Mahathir. Kerana tindakannya dulu yang berpihak kepada team B, bersekongkol dengan Ku Li dan Musa Hitam untuk memusnahkan politik Mahathir. Apakah begitu? Sehingga dia mendiamkan diri?

Atau apakah kerana kementerian yang dipegangnya itu tidak termasuk dalam kementerian yang *glamour*. Kementerian yang boleh membantunya naik ke atas? Begitukah?

Padahal, kalau diukur kepada senioriti, kelamaan dalam UMNO serta pengaruh (berpandukan kepada pemilihan 1990) Pak Dollah bukan sembarangan orang. Dollah punya potensi untuk memperluaskan pengaruhnya dalam UMNO. Beliau masih mempunyai penyokong tersendiri dalam parti Melayu itu. Pak Dollah lebih awal menyertai UMNO berbanding dengan Anwar. Dollah menyertai UMNO dalam tahun 1965 ketika beliau menjadi Pengarah Kementerian Belia, sedang Anwar memasuki UMNO 15 tahun kemudian.

Apa lagi Pak Dollah merupakan salah seorang tokoh yang disiap sediakan dari dulu lagi untuk menjadi tokoh penting, tidak munasabah kalau dia mendiamkan diri. Apakah dia kecewa sehinggakan tidak mahu berusaha untuk kemajuan dirinya sendiri! Padahal dengan kedudukannya sebagai salah seorang Naib Presiden, dia boleh melakukan sesuatu, sebab dia ada penyokong dan pengikut tersendiri.

Sewaktu Musa Hitam menjadi orang nombor dua dalam UMNO, nama Pak Dollah disebut akan naik selepas Musa Hitam. Pak Dollah dikira anak didikan Musa Hitam. Hingga kinipun ada orang menyebut Dollah menjadi *proxy* kepada Musa Hitam. Sesetengah pendapat mengatakan kemenangan Pak Dollah sebagai Naib Presiden itu, juga kemenangan Musa Hitam.

Pada suatu waktu dulu Pak Dollah memang begitu intim dengan Datuk Musa. Keintiman itu menyebabkan orang payah untuk pisahkan dia dari Musa. Mahathir sendiri, tidak berjaya

untuk merenggang keduanya. Buktinya apabila Musa Hitam protes Mahathir dan berpihak pada team B, Pak Dollah ikut bersama Musa. Justeru keakraban itulah Pak Dollah dibayangkan akan menjadi orang nombor dua selepas Musa.

Tetapi, tuduhan dan anggapan itu tiba-tiba menghilang dari dirinya, apabila Musa Hitam telah tewas kepada Ghafar Baba dalam pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO 1987 yang kemudian membawanya kepada pengumuman, "bersara" dari politik. Sejak itu Dollah seakan sudah tidak punya masa depan lagi, kerana 'dahan' yang menjadi pergantungan harapannya telah tiada. Ataupun sekurang-kurangnya teman untuk dia berbincang dan merancang telah terasing dari UMNO.

Kemerosotan popularitinya menjadi-jadi lagi, apabila dia digugurkan dari kabinet Mahathir sesudah *planning* team B tidak menghasilkan buah. Bermula pada situlah, politik Dollah menyebam, dan ramai orang menduga dia akan berkubur begitu sahaja. Yusuff Haron dalam bukunya yang menyenaraikan pemimpin-pemimpin UMNO selepas Mahathir, langsung tidak menyebut nama Pak Dollah. Itu menunjukkan pada Yusof betapa karier Dollah sudah berakhir.

Selama dua tahun setengah Pak Dollah merana, makan hati berulam jantung. Dan menjadi seorang rakyat biasa yang tidak punya apa-apa jawatan. Pemah sekali sewaktu saya menghadiri majlis di DBP, (1988) saya tenguk dia hanya berada dibarisan belakang bersama dengan para calon-calon sasterawan. Dia keseorangan. Tidak ada siapa yang mengunjunginya lagi. Dia seperti terhilang dari kamus, politik UMNO.

Ketika inilah juga Pak Dollah terpaksa membuka 'pejabat'

persendiriannya dibangunan KUWASA di Jalan Raja Laut. Pembukaan pejabat ini semata-mata khas untuk membolehkan dia berurusan dengan para penyokongnya berhubung dengan masalah politik.

Begitulah hina dan tersisihnya seseorang politik bila sudah tidak ada kuasa. Dia tidak akan dipedulikan oleh sesiapa lagi. Mengenangkan ini, teringat saya kepada Muhammad Yaacob di Kelantan. Beliau kini terperap di rumahnya bersendirian. Tidak ada siapa menyanjung dan mengunjunginya lagi. Khabarnya kalau sesekali dia keluar ke bandar Kota Bharu, tidak ada siapa yang mendekatinya.

Demikianlah pemimpin politik yang dipilih melalui sistem demokrasi. Ia berlainan dengan pemimpin yang dipilih secara Islam. Pemimpin Islam tidak mengalami nasib seperti orang politik. Kerana dia akan berguna sepanjang masa. Kerana pemimpin Islam dipilih bukan kerana kekayaan, ataupun kepintarannya dalam sesuatu ilmu dunia. Tetapi orang memilihnya berpandukan kepada keimanan dan ketakwaannya kepada Allah. Kerana itulah pemimpin Islam akan *ever green* sepanjang masa.

Dalam hal ini Ustaz Nik Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan mungkin boleh dijadikan contoh. Kita percaya, walaupun suatu hari nanti Nik Aziz telah berhenti dari menjadi MB Kelantan, dia akan dipuja dan disanjung. Ini kerana orang sanjung dia, bukan kerana pangkatnya sebagai MB tetapi kerana ketokohan dan ciri-ciri kepimpinan yang disebut Islam ada padanya.

Sehinggalah tiba tahun 1990, tahun yang membawa tuah kepada Pak Dollah Haji Badawi. Tahun yang menjulang kembali imej dan martabat politiknya. Dimana pada tahun 1990, dia

membuktikan bahawa, sikap politik sedarhana, kesetiaannya kepada parti dan doa kecilnya masih mendapat perhatian dan perkenan Tuhan, kerana dia tiba-tiba berjaya mempertahankan jawatan Naib Presiden yang sebelum itu sungguh mencemaskannya. Sesungguhnya dia sendiri tidak begitu yakin boleh mempertahankan jawatan itu kerana ia tidak mempunyai apa-apa kedudukan dan kekuasaan dalam kerjaan.

Pengekalan jawatan itu jelas menunjukkan bahawa dia tidak boleh diketepikan begitu sahaja dan masih diperlukan dalam UMNO. Mereka yang mengundi Dollah Badawi adalah orang yang komited dengan sikap, *style* dan kesedarhanaan perjuangannya serta mereka yang minat kepada pemimpin yang mempunyai ciri-ciri Islam.

Kemenangan Pak Dollah itu, ramai yang tidak menduga. Ini termasuklah Datuk Musa Hitam sendiri, dalam telegram kepada Dollah, Musa menyebut, "*I tidak percaya you boleh menang.*"

Ramai orang menduga Dollah akan kalah. Pemilihan itu satu bencana kepada Dollah. Pemerhati berpendapat, riwayat politik Dollah akan berakhir di situ. Apa lagi yang berhadapan dengannya ketika itu terdiri dari tokoh muda yang punyai pontensi besar seperti Muhyiddin Yassin dan Rahim Tamby Chik disamping dicabar hebat oleh Sanusi Junid.

Apabila kita menganalisis tentang kemenangan Pak Dollah dengan undi kedua terbanyak, maka jelas ia masih lagi seorang yang popular. Ia masih mengatasi Sanusi Junid, yang seorang menteri kabinet. Dari latar belakang inilah, kehadiran Dollah dalam politik UMNO, tidak boleh diperkecilkan atau dipandang remeh.

Kalaupun ada pendapat mengatakan, kemenangan itu disebabkan undi simpati, itu bukan satu alasan untuk menolak kepopularitinya pada masa ini. Itu satu hal dan hakikat yang lain. Hakikat hari ini, beliau juga berhak untuk membariskan namanya di bawah Ghafar Baba, setanding dengan pengghairah-pengghairah seperti Anwar Ibrahim dan Sanusi Junid.

Yang menjadi tanda tanya dalam percaturan hari ini, Dollah yang dalam keadaan seperti *inferiority complex* itu, bolehkah beliau melonjak ke atas. Mampukah dia mengejar kesungguhan Anwar yang berlumba hebat untuk naik itu? Atau sememangnya Pak Dollah sudah berpuas hati dengan kedudukannya hari ini dan tidak lagi memasang cita-cita untuk lebih jauh dari itu. Apakah dia telah mengaku kalah kerana tidak ada regu intim yang setia untuk berlawan!

Hanya Dollah boleh memberi jawapan. Kita hanya meramalkan.

Kalau berpandukan kepada falsafah kebanyakan tokoh politik sekular, "pengakhiran perjuangan politik dengan memiliki kuasa penuh" maka tidak logik Dollah hanya berbahagia dengan kedudukan hari ini. Beliau juga sudah pasti mempunyai angan-angan untuk naik ke atas. Sudah pasti beliau juga mempunyai perkiraan sendiri bagaimana hendak naik.

Di sini apa yang hendak kita perhitungkan, bukan soal berjaya ataupun tidak Dollah melawan dua saingannya itu. Tetapi kita akan cuba mengkaji, apakah implikasi dan risiko yang akan wujud kalau tiba-tiba Pak Dollah Badawi yang menjadi Timbalan Perdana Menteri. Apakah keadaan dan kondisinya sama jika Sanusi atau Anwar yang naik, di mana UMNO diramalkan akan

mengalami satu lagi krisis yang membawa kepada perpecahan?

Apakah keadaan UMNO juga akan parah? Apakah dengan kuasa yang bakal dikuasainya nanti menyebabkan ia mengambil kesempatan untuk mencantas mana-mana tokoh politik yang tidak sejiwa dengannya atau yang menjadi saingannya selama ini! Begitukah. Dan dalam hal ini, sudah pastilah mangsa pertama Dollah nanti ialah Anwar Ibrahim. Tidak siapa nafikan, Dollah ada dendam dengan Anwar. Walaupun beliau pernah tolak tentang pendapat saya dalam buku **Merdeka Kedua** dulu.

Dalam buku itu saya ada menulis, musuh nombor satu Pak Dollah ialah Anwar. Dollah begitu berdendam dengan Anwar kerana Anwar telah merampas kedudukannya di Penang. Tetapi khabarnya Dollah menafikan, dia marah bila saya tulis begitu. Katanya dia tidak berdendam dengan Anwar. Hal itu sengaja diungkitkan oleh "budak tu" (maksudnya saya).

Dalam dunia politik sekular yang tidak ada istilah setia, jujur, baik, amanah dan ikhlās, adalah sangat bodoh bagi Pak Dollah kalau dia tidak menggunakan kesempatan yang ada padanya nanti untuk melakukan apa-apa ke atas Anwar. Sesiapa pun dalam politik, kalau ia mempunyai kuasa, dia akan memusnahkan masa depan politik kawannya. Atau setidak-tidaknya dia akan memondankan atau membangkutkan benih politik para saingannya.

Justeru demikian falsafah dan pengertian politik anutan UMNO, maka wajar kalau Dollah bertindak ke atas Anwar. Tindakan itu bukan sesuatu yang kejam, tetapi dihalalkan oleh maha guru politik sekular Machiavelli. Bertolak dari sinilah maka, kita merasakan Dollah tidak akan membiarkan Anwar


negara suatu hari nanti, bukan sahaja setakat mampu untuk mendamaikan politik UMNO dan meredakan politik politik Melayu. Dia juga dirasakan dapat membawa sesuatu yang lebih bermakna dalam perkembangan Islam. Sebagai seorang anak ulama, Pak Dollah sedikit sebanyak akan peka kepada kepentingan agama Islam pada masa akan datang.

Beliau akan melakukan sesuatu yang memberangsangkan nanti. Kelahiran dalam lingkungan keluarga ulama dan dengan didikan Islam yang diterima sejak dari kecil, sedikit sebanyak akan mendorongnya untuk membangun Islam. Pada masa inilah nanti, nasionalis melayu yang kukuh pengangan kepada Islam, boleh memperlakukan Pak Dollah untuk kemajuan Islam.

Kesimpulannya seandainya Pak Dollah ditakdirkan menguasai UMNO suatu hari nanti, dia bukan sahaja akan dapat mendamaikan UMNO, mengerat baikan hubungan dengan *politician* parti lain, sebaliknya yang paling penting dalam konteks hari ini, dia juga akan menjadi penawar untuk mengelak pertempuran hebat diantara 'kerabu jantan' dalam UMNO, Anwar dan Sanusi.

Dan lebih harmonis dari itu, kesempatan Pak Dollah menjadi ketua nanti juga kita boleh menyaksikan bagaimana kesuburan politik rantau sebelah sini amnya dan intergrasi politik Malaysia khususnya antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak dan juga intergrasi UMNO pusat dengan Kelantan.

Sesungguhnya pemimpin yang dapat melaksanakan segala agenda itulah yang kita mahukan dalam saat rakyat negara ini sedang dikejutkan sindrom gilakan kepada kemajuan material melalui wawasan 2020.



Satu pos istimewa dari Dollah. Wajah ceria, optimistik, tenang dan sedarhana. Inilah wajah orang Melayu sebenarnya, tidak egois sangat dan tidak serius sangat!

11.

Kalau 'perang 'meletus

**GIMANA
KESUDAHAN
UMNO ?**

Adalah sukar untuk diramalkan apa akan berlaku kepada UMNO jika pertarungan merebut kuasa melibatkan tiga tokoh utama itu benar-benar berlaku. Apakah dengan "peperangan" itu akan menyebabkan UMNO akan hancur lebur? Kita tidak dapat pastikan. Tetapi apa yang dapat kita rasakan di sini, kalau "peperangan" itu benar berlaku, ia akan merubahkan bukan sahaja rupa dan konsep perjuangan UMNO, tetapi turut merubahkan sesio politik dan budaya bangsa Melayu.

Kita kena sedar, perbalahan dalam UMNO, ia bukan sahaja merupakan perbalahan dalam sebuah parti. Tetapi ia melambangkan perbalahan bangsa Melayu keseluruhannya. Kerana UMNO itu adalah parti Melayu terbesar. Justeru itu, kalau pada masa akan datang berlaku sekali lagi perbalahan, ia bukan calang-calang perbalahan, tetapi merupakan satu *world war*, yang akan boleh memusnahkan banyak kepentingan-kepentingan bangsa Melayu.

Kesan dari perebutan kuasa dalam UMNO tahun 1987 boleh diambil sebagai iktibar. Ekoran "peperangan" diantara Mahathir

Ku Li, menyebabkan UMNO hancur dan tidak wujud dalam dunia lagi. Secara *legal*nya UMNO sudah lenyap dalam dunia ini. Yang paling bahaya natijah dari itu menyebabkan Melayu hilang kuasa politik ke atas negara dan bangsanya selama satu hari, apabila Pengerusi BN di serahkan kepada Ling Liong Sik.

Selama satu hari orang Melayu (UMNO) tidak berparti. Tidak mempunyai kerajaan. Tetapi hakikat ini tidak disedari oleh ramai orang Melayu khususnya yang memandang cincai kepada politik! Tetapi peristiwa itu tidak boleh ditimbus begitu saja, ia telah dirakam dalam lipatan sejarah.

Jadi perbalahan dalam UMNO sudah pasti akan menerbitkan satu akibat dan musibah yang besar. Namunpun begitu, bagai tokoh-tokoh yang berambisi, mereka tidak memperhitungkan itu. Mereka tidak mengira, apa yang akan berlaku ke atas kuasa politik Melayu, dan ke atas negara ekoran pertarungan mereka. Yang mereka utamakan, kepentingan dan nafsu besar mereka.

Mahathir tidak memperhitungkan itu. Tengku Razaleigh juga tidak mengira segala itu. Yang penting mereka mengutamakan maruah dan kuasa mereka. Soal negara dan bangsa, duduk di nombor 14.

Keadaan yang sama juga akan berlaku ke atas Anwar, Sanusi ataupun Dollah. Mereka tidak akan memperdulikan apa yang akan berlaku pada negara dan bangsa mereka. Apa yang mereka nampak, ialah maruah dan cita-cita besar mereka harus diperjuangkan untuk mencapainya. Apa hendak jadi, pada nusa dan bangsa tidak perlu peduli, yang penting, mereka dapat memenuhi kehendak naluri mereka.

Sebenarnya kita tidak perlu merasa hairan kenapa "peperangan" harus berlaku, dan para pemimpin bersikap lebih mementingkan diri dan nafsu dari kepentingan-kepentingan lain. Ini kerana

mereka memang dididik begitu. Mereka diasuh begitu dalam sekolah politik sekular yang penuh kemungkaran dan kepalsuan itu.

Mereka diajar hidup mesti berkuasa. Mereka diajar bagaimana cara-cara untuk mendapatkan kuasa. Mereka diajar macam mana hendak naik. Mereka diajar, menggunakan pelbagai tipu helah dan muslihat. Malahan mereka juga diajar perlu bunuh membunuh diantara satu sama lain jika keadaan memaksa.

Itulah dunia dan sekolah politik yang para pemimpin UMNO anuti sekarang ini. Mereka bersedia melakukan apa jua perbuatan diluar batas kesopanan dan susila manusia, demi kuasa. Mereka tidak mempedulikan apakah implikasinya. Mereka tidak lagi memperhitungkan apakah perbuatan mereka itu halal ataupun tidak.

Hakikat kesadisan dan kejahatan politik sekular seperti UMNO hari ini tidak dapat siapa nafikan. Kejadian-kejadian yang sebelum ini gerun untuk kita bayangkan kerana ia bertentangan dengan nilai peradaban manusia dan agama telah banyak berlaku. Peristiwa pembunuhan Datuk Taha Aziz di Gemencih Negeri Sembilan dalam tahun (1982) dan pembunuhan ahli parlimen Rantau Panjang Samad Gol Ahmad tahun 1967, adalah contoh-contoh kesadisan politik UMNO. Peristiwa menyerang penduduk Memali di Kedah dalam tahun 1985, membuktikan bahawa kerajaan dokongan UMNO dengan sewenangnyanya bertindak ke atas manusia yang belum pasti bersalah ataupun tidak.

Selain peristiwa itu masih banyak lagi kesadisan dan kejahatan yang dilakukan oleh pemain-pemain politik demokrasi ala UMNO. Jadi berpandukan kepada hakikat dan sejarah yang pernah berlaku inilah, maka kita tidak akan merasa mustahil kalau kejadian-kejadian lebih buruk daripada yang telah berlaku akan berlaku pada masa akan datang.

Jadi apabila kita memperhitungkan kepada kemungkinan akan berlaku "perang" sekali lagi dalam UMNO, maka kita tidak akan terlepas dari diganggu oleh bayangan-bayangan ajal tadi. Pertama mengenai bagaimana rona-rona politik orang Melayu (UMNO), pada masa akan datang. Kedua bagaimana kesudahan politik orang Melayu dibawah naungan UMNO.

Kalau kita melihat kepada perwatakan dan akidah mereka yang bakal terlibat dalam pertarungan merebut kuasa nanti, tidak mungkin mereka akan sampai melakukan sesuatu yang lebih jauh daripada apa yang kita ramalkan sebab ketiganya penganut Islam. Tetapi, disebabkan mereka telah diasuh demikian rupa, dengan pelbagai teori, tindakan dan juga formula politik sistem demokrasi, menyebabkan, kita merasakan tidak mustahil mereka boleh bertindak diluar garis-garis kemanusiaan.

Apakah tidak mungkin mereka tidak menggunakan segala teori yang mereka mempelajari selama ini untuk membantu memuaskan nafsu mereka? Apakah mereka sepakat untuk tidak mengamalkan amalan-amalan dan perbuatan yang diluar kebenaran manusia? Bolehkah mereka berjanji dan dipercayai diantara satu sama lain?

Jawabnya tidak ada siapa yang dapat memastikan itu. Sebaliknya sebagai sentri politik sekular yang mengajar mereka melakukan apa sahaja demi kuasa, mereka akan pergunakan itu. Mereka akan lakukan apa sahaja demi kepentingan diri mereka. Nah..bertolak dari keadaan inilah maka kita meramalkan, "perang" yang akan meletus dalam UMNO tahun 1993 atau tahun-tahun akan datang, akan menjadi satu perang yang paling hebat. Yang bukan sahaja mencederakan UMNO tetapi turut mencacatkan politik Melayu keseluruhannya.

Diperhatikan pada situasi hari ini nampaknya "perang" itu tidak dapat dielak lagi. Masing-masing yang dijangka terlibat

sudah mempersiapkan diri. Baik Anwar, Dollah maupun Sanusi Junid masing-masing sudah membentuk pasukan penggempur. Yang paling ketara ialah dalam jabatan dan agensi yang dikuasai oleh mereka. Masing-masing sudah menggerakkan pasukan masing-masing bagi memulakan kempen "perang" 1993. Masing-masing bertekad bukan sahaja setakat hendak mengecewakan tapi menghancurkan karier politik di antara satu sama lain.

Dalam hal ini, saya menyifatkan ketiga mereka ini umpama tiga buah kuasa besar dunia. Yang mempunyai *style* politik yang berbeza dan tindakan berlainan, tetapi mempunyai natijah dan tujuan sama iaitu untuk menaluki dunia. Kuasa-kuasa itu ialah, Amerika, Jepun dan Iraq.

Anwar Ibrahim umpama Amerika Syarikat, Sanusi Junid umpama Iraq dan Dollah Badawi pula umpama Jepun.

Kita boleh bayangkan dari sekarang ini, apakah terjadi kepada dunia kalau ketiga kuasa besar itu bertempur diantara satu sama lain. Sudah tentu negeri-negeri kecil, seperti Malaysia ini akan hancur dan menjadi mangsa. Sudah tentu kita akan turut sama terheret dengan peperangan itu, samada secara langsung ataupun tidak.

Amerika akan tetap menggempur dunia demi untuk kekuasaannya. Negara yang tidak ada peri kemanusiaan itu akan terus mengganyang, asalkan cita-citanya tercapai. Nah begitu juga dengan Anwar, Anwar bersedia melakukan apa sahaja, demi mencapai cita-citanya, tanpa memperdulikan lagi kepada kesejahteraan UMNO. Apa lagi dia menyedari bahawa Sanusi, selaku Iraq itu pasti tidak diamkan diri akan berusaha untuk menyerang Amerika.

Demikian juga halnya, Dollah yang umpama Jepun, yang diam, tetapi sedang berusaha untuk memperolehi kuasa. Keperitan

beliau kalah dalam perang dunia kedua, atau kalah dalam team B membuatkan dia diam-diam mengumpulkan kuasa untuk menjadi *super power* sekali lagi. Bila dapat kuasa itu dia akan letupkan dunia secukupnya untuk memastikan dia akan jadi maharaja "Dollah Hito."

Pun begitu dengan Sanusi Junid yang umpama Iraq, yang menang dalam kalah dengan Amerika baru-baru ini. Dia juga sedang mempersiapkan diri untuk menawan UMNO dan menghancurkan Anwar dengan semangat juang yang kental yang bersendikan kepada semangat *fi sabillah*. Dalam hal ini Sanusi melihat Anwar, sepertilah Iraq melihat Amerika. Selama-lamanya Iraq tidak akan dapat duduk berdekatan dengan Amerika di PBB!

Alangkah gawatnya, kalau mereka berperang diatas perasaan dan desakan nafsu demikian. UMNO bukan sahaja akan gegar dengan bom, tetapi UMNO boleh menjadi hancur sama sekali. Hakikat demikian tidak boleh dielakkan lagi, kerana mereka diajar dan sedang mempelajari untuk melakukan demikian melalui sekolah politik sekular yang membelakangkan soal-soal maruah, perasaan, keadilan dan musyawarah.

Itulah hakikat dan keadaan yang wujud hari ini. Ketiga tokoh yang siap mengasah lembing untuk berperang itu, umpama tiga buah negara itu yang sudah lama mempersiapkan senjata canggih, termasuk nuklear untuk bertempur diantara satu sama lain. Hanya masa, keadaan serta penyebab sahaja lagi belum tiba untuk membolehkan mereka bergasak!

Adalah terlalu ngeri untuk dibayangkan apa akan terjadi selepas itu. Kalau perpecahan dalam tahun 1987 boleh dianggap sebagai "pra perang" saudara, maka sudah pastilah perebutan kuasa pada tahun mendatang sebagai "perang saudara" yang sebenarnya. Perang tahun 1993, merupakan *World War* dalam UMNO yang boleh menghancurkan UMNO. UMNO akan menjadi

porak peranda dan lebur. Kemungkinan ini janganlah kita merasa aneh ataupun menganggap mustahil.

Dalam tahun 1987 tidak siapa meramalkan UMNO akan terbelah dua dan diharamkan akibat daripada peperangan antara puak Ku Li dengan Mahathir. Meskipun orang hanya meramalkan UMNO akan berpecah, tetapi tidak ada yang menduga sama sekali, UMNO akan menjadi arang (diharamkan). Pada *legalnya* UMNO sudah tidak wujud lagi selepas pertarungan sengit, Ku Li - Mahathir.

Jadi kalau berlaku sekali lagi peperangan dalam UMNO, ia lebih dasyat dari itu. Kesan dan natijahnya juga mungkin lebih buruk. Kerana peperangan diantara ketiga tokoh itu kelak, atau selepas ini menjadi dua kumpulan sahaja, bukan sahaja merebut tempat dalam UMNO, tetapi peperangan untuk menentukan yang hak dan yang bathil, dengan menggunakan kaedah-kaedah dan teori-teori politik sekularisme.

Peperangan ini, adalah peperangan *survival* masa depan politik UMNO dan negara. Peperangan dua ideologi politik. Satu Islam moden dan satu lagi nasionalisme Islam. Peperangan diantara, orang yang menggunakan Islam sebagai topeng untuk merebut kuasa, dengan orang yang memperjuangkan kepentingan Melayu Islam sejagat secara agresif.

Seperti dinyatakan terdahulu tadi peperangan yang berlaku dalam UMNO kali ini akan melarat dan meluas. Peperangan itu juga akan turut sama berjangkit ke dalam parti-parti politik lain. Kerana sifat perang itu sejagat, ia sudah pasti akan turut dirasakan oleh parti-parti orang Melayu lain.

Perang itu juga nanti akan merubah sosio-budaya, ekonomi dan politik orang Melayu. Peperangan itu akan menyebabkan orang Melayu akan mula berfikir secara serius tentang perjuangan UMNO itu sendiri. Ini menyebabkan orang Melayu akan

memperhitungkan akan keuntungan parti UMNO kepada bangsa, negara dan agama.

Saat inilah nanti, akan tumbuh dikepala orang Melayu bahawa perjuangan UMNO itu nihil. Kosong. Ia tidak mempunyai apa-apa erti selain daripada berebut kuasa, berebut pangkat dan juga dijadikan saluran untuk mengejar kekayaan.

Hakikat ini sudah dapat dirasakan hari ini. Kebanyakan **pemuka** Melayu yang menyertai UMNO bukan lagi membawa satu tekad untuk membangun bangsa, negara dan agama. Sebaliknya masuk UMNO dengan satu nawaitu dan hajat untuk menjadi kaya. Kenapa mereka membawa niat ini kerana itulah yang diajar oleh UMNO selama ini.

Hari ini cuba kita selidiki, sesiapa yang masuk UMNO dan berjaya pula menduduki jawatan tinggi, dia akan kaya. Dia akan mula hidup mewah. Kalau sebelum menyertai UMNO dia hanya ada sebuah gubuk buruk, tetapi setelah menyertai UMNO dia akan punya bukan sebuah banglow, tetapi sekurang-kurangnya tiga buah banglow. Kalau sebelum menyertai UMNO dia mempunyai sebuah basikal buruk, tetapi setelah menyertai UMNO dia akan memiliki sekurang-kurang tiga buah Mercedes.

Kalau sebelum menyertai UMNO, dia hanya ada seekar tanah pemberian orang tua, tetapi selepas menyertai UMNO dia akan memiliki berpuluh hektar kawasan balak, lombong dan sebagainya. Kalau sebelum menyertai UMNO dia tidak ada satu jenis permit pun, tetapi setelah menyertai UMNO dia akan mempunyai ratusan dan berbagai jenis permit, lori, laut dalam, import eksport AP dan berbagai lagi.

Mereka ini tidak bodoh untuk bemiaga di atas nama mereka sendiri, sebaliknya menggunakan nama-nama keluarga ataupun isteri masing-masing daripada dikesan oleh pihak berkuasa.

Apabila mereka sudah berhenti menjadi ketua UMNO, ketika itulah baru mereka pindahkan segala macam bentuk peniagaan itu pada nama mereka sendiri. Mereka ini memang manusia bijak menipu rakyat.

Demikianlah hakikat yang berlaku dalam UMNO hari ini. Malahan sesiapa yang menjadi ketua dalam UMNO kalau tidak mempunyai itu semua, dia adalah seorang ketua yang bodoh. Yang tidak pandai mengambil kesempatan melalui kuasa itu.

Justeru itulah, maka kalangan pemuka UMNO hari ini beriya-iyanya sangat untuk menjadi ketua sehinggakan ada yang terpaksa menggunakan pistol dan tembak menembak. Semuanya mahu mengejar kekayaan dan kemewahan. Mereka masuk UMNO bukan lagi dengan tujuan dan dasar untuk membantu rakyat. Soal rakyat, itu soal nombor 44. Yang penting mereka perlu kaya raya dahulu.

Justeru demikian terpesong dan menyeleweng jauh dari asas perjuangan asallah maka kita mempunyai pandangan nasib UMNO akan malang sedikit waktu lagi. Kalau para pemimpin UMNO tidak memperbetulkan kesilapan ini, orang tidak akan yakin kepada UMNO lagi. Bangsa Melayu tidak akan memberi sokongan kepada UMNO lagi.

Dan tidak mustahil, kalau suatu hari nanti UMNO akan hancur dan lenyap dari muka bumi ini.

Dan sesuatu yang menguntungkan, bila keadaan ini wujud, pada masa inilah nanti orang Melayu akan berpaling muka mencari satu wadah baru untuk perjuangan mereka. Dan desakkan arus kebangkitan Islam yang semakin panas, menyebabkan mereka akan terfikir untuk mendekati diri kepada Islam.

Diwaktu inilah nanti harakah Islam, parti politik Islam yang

dipersendakan oleh orang-orang UMNO sebagai kolot, primitif, kuno dan ketinggalan zaman, akan mengambil alih tempat UMNO. Harakah Islamiah akan memenuhi kekosongan itu menjadi badan yang mengendalikan pembentukan kuasa pada masa akan datang.

Pada masa inilah juga para pemimpin UMNO yang bertanggungjawab mengharamkan Darul Arqam dan Tabligh, akan kesal dan insaf.

Dalam hal ini apa yang kita nampak, parti Pas lah yang akan bernasib baik ataupun bertanggungjawab dalam mengendalikan keadaan ini. Pas lah suatu masa nanti akan menjadi penanggungjawab terhadap semua perubahan ini. Jadi, jangan terkejut kalau suatu hari nanti, Pas bersama parti-parti dan harakah Islamiah lain mengambil alih kekuasaan di Malaysia ini.

Bagaimanapun jika orang-orang UMNO, para pemimpin UMNO masih sayangkan kepada UMNO, mereka boleh mengelakkan musibah itu dari berlaku. Mereka hendaklah cepat-cepat insaf dan sedar, betapa perjuangan yang bertunjangkan hawa nafsu boleh memusnahkan bukan sahaja diri mereka, tetapi bangsa dan negara juga. Mereka hendaklah ubah konsep dan matlamat perjuangan UMNO.

Mereka hendaklah kembali ke akar umbi. Para pemimpin UMNO hendaklah melupakan kepentingan diri sendiri, dan utamakan kesejahteraan ummah Melayu dan negara. Ketepikanlah perasaan mau berkuasa yang sememangnya dihasut oleh syaitan. Janganlah hipokrit dan munafik.

Pemimpin UMNO hendaklah sedar perjuangan yang bertunjangkan nafsu akan hancur. Perjuangan tidak bersendi dan berakidahkan Islam akan musnah. Dunia sudah banyak membuktikan mereka yang berjuang mengikut nafsu akan hancur. Bukan diri mereka sahaja jahanam, tetapi bangsa dan negara

mereka juga turut musnah. Lihat apa jadi pada Kamal Ataturk di Turki. Apa sudah jadi dengan Turki. Apa sudah jadi dengan Iran di zaman Shah Iran. Apa sudah jadi dengan Marcos di Filipina. Semuanya musnah dan hancur lebur. Apakah pemimpin UMNO mahu turuti jejak langkah mereka itu? Tepuk dada tanyalah selera.



Menteri tua kahwin janda muda semakin popular

JAKARTA 23 Jun — Menteri Penvelatan bari Hal Ehwai Politik

Daripada Fauzan Uda Ahmad

Inilah berita dari Indonesia tentang "Menteri Tua Kahwin Janda" Nampaknya menteri kahwin janda atau dengan orang-orang glamour sudah jadi trend baru dunia politik hari ini. Di negara kita juga ada menteri yang kahwin dua dengan artis. Ini semua boleh merusakkan UMNO. Tunggalah suatu hari nanti mungkin akan keluar pula buku "Skandal Sex Menteri Kita"

Penutup

Dalam buku Merdeka Kedua, saya menyenaraikan lima orang calon Perdana Menteri Malaysia. Mereka Anwar Ibrahim, Fadzil Nor, Tengku Razaleigh Hamzah, Lim Kit Siang dan Ashaari Muhammad. Asas pencalonan mereka, bukan memandangkan kepada peluang yang ada, tetapi kepada hakikat mereka sebagai pemimpin yang mempunyai pengikut. Sudah pasti sebagai pemimpin, mereka diharap oleh pengikut masing-masing untuk menjadi perdana menteri.

Sampai kinipun nama itu masih tetap sebagai calon. Mereka tidak mustahil boleh menjadi PM jika mereka mempergiatkan perjuangan mereka, mendedahkan niat baik perjuangan mereka, sehinggakan rakyat boleh terpengaruh dengan doktrin perjuangan mereka.

Hari ini kalau berpanduan kepada kedudukan dan bidang kuasa yang ada pada mereka, tidak mungkin untuk mereka mencapai

jawatan itu, tetapi ia tidak merupakan perkara mustahil kalau mereka gigih dan sabar lama kelamaan mereka akan berjaya. UMNO dulupun bermula daripada satu kelompok sahaja. Tetapi kerana kegigihan dan keulitan pemimpinnya, akhirnya UMNO menjadi parti kebangsaan yang mewakili orang Melayu.

Begitu juga dengan Pas, mulanya beberapa orang sahaja yang membentuk Pas. Tetapi kerana keberkatan dan kesungguhan pemimpinnya, Pas kini sudah berada di seluruh tanah air dengan ahli hampir satu juta. Tidak mustahil kalau Pas mengiatkan lagi perjuangannya dengan teratur dan sistematik, Pas boleh menandingi UMNO pada masa akan datang.

Seperti saya katakan tadi, nama-nama calon yang disebut itu, kecuali Anwar, adalah mereka yang ingin menjadi PM ataupun diharap menjadi PM. Saat ini peluang mereka tidak seluas peluang Ghafar Baba, Anwar Ibrahim, Dollah Badawi ataupun Sanusi Junid. Kerana mereka berempat berada di luar UMNO. Menurut rasional hari ini mereka yang berada dalam UMNO adalah pilihan pertama.

Dalam senarai pilihan pertama itu, Ghafar Baba lah yang mengutip mata terbanyak kerana kedudukannya sebagai Timbalan Perdana Menteri. Manakala untuk pilihan kedua Anwar Ibrahim, Dollah Badawi dan Sanusi Junid. Sementara satu senarai lagi kita tidak boleh lupakan iaitu, pilihan ketiga? Mereka yang diletak dalam pilihan ketiga atau pun reserve ini Musa Hitam dan Tengku Razaleigh.

Mungkin ada orang bertanya kenapa Ku Li dan Musa di letak dalam pilihan ketiga, bukannya Muhamed Rahmat, Khalil Yaacob, Yusuf Noor ataupun Wan Mukhtar Ahmad? Jawabnya, kerana

walaupun kini kedua orang itu tidak lagi 'mewakili negara' tetapi mereka adalah bekas pemain negara suatu ketiga dahulu. Sudah tentu mereka mempunyai banyak pengalaman dimana sekiranya negara terdesak mereka boleh dipanggil untuk tampil ke hadapan.

Jadi sekarang, bila kita campur dan congak, kita sudah ada lima orang calon Timbalan Perdana Menteri. Tiga yang kedudukan mereka mutlak, Anwar, Dollah dan Sanusi sementara dua lagi kedudukan mereka dalam keadaan 'haram', iaitu Musa dan Ku Li.

Dalam bab penutup ini kita akan cuba mengkaji secara ringkas, sejauh manakah peluang dua calon TPM yang haram itu. Tiga orang calon rasmi sudah dibincangkan dalam sepanjang perjalanan buku ini. Apakah asas ataupun kaedah yang boleh menyebabkan orang ramai menurunkan nama bekas TPM Musa Hitam dan Ku Li ke dalam senarai perebutan jawatan TPM.

Nama Musa mula disebut semula apabila ia diberi kepercayaan oleh Mahathir menjadi wakil kerajaan Malaysia di PBB. Sejak itu Musa dikatakan menjalini hubungan baik dengan Mahathir. Kemasukan semula beliau ke dalam UMNO Mahathir menguatkan lagi asas itu. Dan gembar gembur mengenai Musa ini lebih kuat lagi ekoran kejayaannya menyaman Pak Habib (Syed Hussein Al Attas) di mahkamah.

Nama beliau tiba-tiba menjadi lebat dimulut pemerhati politik, apabila tercetusnya khabar konon, Mahathir mahu Musa kembali ke dalam kabinet semula. Sebab-sebab tidak jelas, kenapa Mahathir mahukan kepada Musa, cuma berita yang digembar gemburkan kononnya Mahathir tidak ada pilihan lain untuk menggantinya.

Mahathir dikatakan tidak yakin kepada Ghafar di atas dua

perkara. Pertama wibawa Ghafar sebagai PM, dan hubungan Ghafar dengan anak angkatnya Anwar Ibrahim. Mahathir tidak percaya Ghafar akan ambil Anwar sebagai timbalannya. Jadi, untuk memastikan inilah maka Musa diminta masuk ke dalam kerajaan untuk mengambil alih tempat Ghafar sekejap, kemudian dilantik menjadi PM.

Sejauh mana logik dan benar cerita itu wallahu'alam. Itulah cerita yang dibawa dari mulut ke mulut. Kebanyakan para hamba dan *broker* politik Musalah yang membawa dan menyebarkan berita ini.

Adapun nama Ku Li ini disebut juga ada kaitan dengan persaraan Mahathir Muhamad. Orang meramal kalau Dr M bersara nanti, Ku Li akan memohon masuk UMNO semula. Kononnya keenggan Ku Li memasuki UMNO dewasa ini kerana dia tidak sukakan kepada Mahathir. Bila Mahathir sudah tidak ada dalam UMNO Ku Li dikatakan pada bila-bila masa saja akan menyertai UMNO. Sesetengah orang berpendapat Ku Li hanya menanti Mahathir mati sahaja untuk masuk UMNO.

Bila Ku Li masuk UMNO, katanya Encik Ghafar akan lantik Ku Li sebagai TPM. Dalam hal ini mungkin Ghafar punya perkiraan sendiri. Sudah tentu dia mengira kalau Ku Li masuk UMNO, keadaan UMNO akan selamat. Sebab pengikut Ku Li dalam Semangat 46 dan juga dalam UMNO sendiri masih ramai lagi.

Begitulah dua teori tentang kemungkinan keaktifan Musa dan kemasukan semula Ku Li dalam UMNO. Ia begitu senang bunyinya. Apapun itu hanya teori sahaja, sejauh mana ia betul ataupun tidak, hanya Allah sahaja yang mengetahuinya.

...a ia masih lagi bersifat teori kita boleh mengkaji
... dan kemungkinannya. Kita boleh melihat teori
...akah lebih logik ataupun cepat untuk menjadi. Atau teori
mana yang palsu dan yang mana benar, atau apakah kedua teori itu
palsu!

Baiklah kita cuba lihat kepada teori tentang Musa itu dulu. Secara umumnya pengumuman Datuk Musa Hitam bahawa dia sudah bersara dalam politik tidak boleh diterima sepenuhnya. Sebagai kenyataan orang politik, kata-kata Musa itu boleh ditafsirkan dengan berbagai makna.

Kata-kata itu mungkin sekadar untuk membolehkan beliau berehat. Mencari ketenangan dan jalan baru untuk naik semula. Dan ternyata selepas pengumuman itu beliau tidak aktif. Tetapi yang menghairannya setiap kali dia pulang ke Kuala Lumpur ataupun menghadiri diri ke majlis-majlis besar, beliau menjadi perhatian, wajahnya disorot oleh televisyen dan akhbar!

Soalnya kini, apakah dia boleh diterima sekiranya benar Mahathir mempelawa dia aktif dalam UMNO? Adalah agak sukar sedikit untuk Mahathir berbuat begitu. Ghafar sudah tentu tidak akan dapat menerima kehadiran Musa Hitam. Pada Encik Ghafar, Musa adalah lebih bahaya daripada kedudukan Anwar hari ini.

Sudah pasti kalau ada hasrat Mahathir demikian, Ghafar akan protes. Dan protes Ghafar, hendak tak hendak Mahathir terpaksa mendengarnya. Mahathir kena mendengar Ghafar lagi daripada bersimpati dengan Musa. Kerana seburuk-buruk Ghafar, Ghafarlah orang yang menjadi "bomoh" menenangkan gelora politik Mahathir. Mungkin kalau tidak kerana kesediaan Ghafar untuk membantu Mahathir, politik Mahathir sudah berubah hari ini.

Tentang ini Mahathir kena kenang jasa Ghafar.

Kalau kita melihat implikasi dan kemungkinan itu, agak sukar untuk Musa diterima aktif semula dalam UMNO. Bukan senang untuk dia bergiat semula dalam UMNO. Apa lagi yang akan menentang keaktifan Musa nanti bukan sahaja Ghafar, tetapi beberapa kerat pemimpin lain yang tidak sebulu dan irihati dengannya yang kini berkuasa dalam UMNO, seperti Muhamed Rahmat dan lain-lain.

Bagaimanapun, kita boleh mula mengagak apakah Musa mempunyai cita-cita ataupun tidak, untuk aktif semula dalam UMNO paling cepat pada tahun hadapan. Jika pada tahun 1993 nanti dia sekali lagi akan berhadapan dengan Ghafar Baba merebut kerusi Timbalan Presiden, maka temyata ada kebenaran pada teori itu. Tidak syak lagi kalau Musa lawan Ghafar dalam tahun 1993 bermakna jelas Mahathir mahukan Musa menyertai kabinet semula. Dan sudah tentu juga pertandingan Musa melawan Ghafar nanti, akan diestuai oleh Mahathir.

Bagaimana pula dengan peluang Tengku Razaleigh Hamzah. Meskipun orang-orang tertentu dalam UMNO masih mengharap Ku Li kembali semula ke dalam UMNO, tetapi tidak mungkin berlaku selagi Mahathir masih tercongol dalam UMNO. Ku Li sesekali tidak akan menyertai UMNO selagi Mahathir ada. Sebab sebenarnya Ku Li kenapa dia tidak menyertai UMNO bukan kerana perlembagaan UMNO berubah, tetapi kerana Mahathir.

Lagipun bagi Mahathir selagi dia masih berada dalam UMNO dan menjadi Presidennya, dia tidak akan merelakan Ku Li masuk UMNO. Mahathir lebih senang Ku Li berada diluar memimpin Semangat 46, kerana dia tahu Semangat 46 akan berkubur tidak

berapa lama lagi.

Menyedari hakikat ini, bukan senang untuk Ku Li menyertai UMNO semula. Kalaupun selepas Mahathir tiada dia dapat berada dalam UMNO, bukan mudah juga untuk beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri. Tokoh-tokoh yang kini sedang menanti jawatan itu tidak semudah yang dijangka akan melepaskannya kepada Ku Li.

Sudah pasti Anwar Ibrahim, Dollah Badawi maupun Sanusi Junid akan cuba menuntut hak mereka itu. Lain sekiranya selepas menyertai UMNO nanti Ku Li turut bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden bersama Anwar Ibrahim dan lain-lain. Maknanya turut memulakan perlumbaan digaris awal bersama mereka.

Hanya itu sahaja logik yang dapat kita terima bagaimana Ku Li akan dapat memegang jawatan TPM jika Ghafar menjadi Perdana Menteri. Ianya bukan jalan yang mudah, cuma peluang Ku Li lebih terbuka sedikit daripada Musa Hitam kerana Ghafar dikatakan bersedia untuk menerima Ku Li daripada Musa Hitam.

Kalau dilihat kepada perkembangan dalam Semangat 46 hari ini, kemungkinan teori Tengku Razaleigh Hamzah akan masuk UMNO ada. Kemasukan satu demi satu para pemimpin Semangat 46, kebelakangan ini seperti disengaja dan diaturnya sedemikian rupa. Disini timbul persoalan kepada kita, apakah kemasukan para pemimpin Semangat 46 dan juga pengikutnya itu atas arahan dan restui Ku Li?

Apakah Ku Li sengaja berbuat demikian, menyuruh para penyokongnya ramai-ramai masuk UMNO, kemudian dia akan sertai pada kemudian hari?

Sekiranya Musa atau Ku Li berjaya menjadi TPM semula, ia merupakan sesuatu yang ajaib. Dan dalam keajaiban ini juga menggambarkan kepada kita bahawa politik bangsa Melayu sedia bertolak ansur dengan orang-orang bersikap *opportunist* seperti Musa dan Ku Li itu.

Apapun semuanya terserah kepada UMNO, kerana UMNO yang boleh menentukan mereka. Cuma dalam hal ini, anggota UMNO hendaklah berhati-hati dalam membuat pilihan pemimpin mereka. Sesungguhnya tanggungjawab anggota UMNO besar, kerana ia secara tidak langsung memilih pemimpin untuk Malaysia juga.

Dalam mencari pemimpin negara kita jangan terlalu memikirkan kepada mereka yang pandai berpidato dan bermain politik. Mereka harus menekankan kepada prinsip-prinsip Islam dan juga ciri-ciri kepimpinan yang ditunjukkan oleh Islam.

Kita harus ingat negara pada masa akan datang akan berhadapan dengan pancaroba dan ujian yang besar. Ujian pada masa akan datang tidak sama dengan ujian sebelum ini. Untuk tahun-tahun akan datang, kita memerlukan pemimpin yang berpandangan jauh. Yang bukan sahaja memikirkan soal fahaman-fahaman sempit ataupun memperhitungkan soal kepentingan diri semata-mata.

Pemimpin negara akan datang biarlah yang dapat membawa sesuatu perubahan bukan sahaja ke atas tanah air kita, tetapi ke atas dunia seluruhnya. Kita mahukan seorang pemimpin bukan berkhayal, tetapi yang berpijak di atas hakikat nyata. Dan apa yang lebih penting, dalam konteks kita sebagai umat mengaku Islam, mentauhidkan Allah, kita amat merindui pemimpin yang

benar-benar komited dengan Islam. Yang bersedia melaksanakan hukum-hukum Allah di muka bumi ini.

Dalam hal ini, kita selaku rakyat, apa lagi anggota UMNO yang waktu ini diberikan kuasa oleh Allah untuk mengangkat pemimpin negara, hendaklah menentukan sebaik mungkin bakal pemimpin masa akan datang. Jika kita silap memilih pemimpin, maka diri kita sendirilah yang akan binasa. Waktu itu nanti, kita tidak boleh menyalahkan diri pemimpin itu lagi, sebaliknya kita kena menyumpah diri kita sendiri.

Dalam hal ini sukalah saya menurunkan beberapa sifat atau peribadi yang ada kepada seseorang untuk dipilih menjadi pemimpin, seperti mana yang disebut oleh Ustaz Ashaari Muhammad. Apa yang beliau huraikan adalah ciri-ciri atau peribadi yang ditunjukkan oleh Quran dan hadis. Ciri-ciri kepimpinan yang diwarisi dari Rasulullah dan para **khulafa Ar-Rashidin**. Ia dikira sangat tepat untuk umat Islam memilih pemimpin yang demikian, kerana ia bukan sahaja memberi kesejahteraan kepada orang Islam sahaja, sebaliknya kepada mereka beragama lain juga. Ciri-ciri atau peribadi itu ialah:

1. Berusaha mendidik dan memimpin pengikutnya menuju kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat, tetapi membesarkan akhirat lebih daripada dunia.
2. Taqwa dan ibadahnya seperti sembahyang, puasa, zikir, baca Quran dan sedekahnya lebih daripada pengikutnya untuk dicontohi oleh pengikut.
3. Akhlaknya seperti pemurah, kasih sayang, pemaaf, tawaduk, mudah mesra, simpati, sabar dan tolak ansur serta sifat

tanggungjawab terhadap pengikut boleh menjalinkan ukhwah yang kuat dengan pengikutnya. Hingga pengikut terlalu kasih dan terhutang budi kepadanya.

4. Taraf hidupnya tidak berbeza dengan pengikut. Rumahnya tidak lebih besar daripada rumah pengikut. Pakaiannya dibuat daripada kain yang sama dengan kain yang dipakai oleh pengikutnya. Makanannya boleh murah dan boleh mahal, mengikut rezeki yang Allah takdirkan. Hingga kadang-kadang makanan pengikut mungkin lebih lazat daripada makanan pemimpinnya. Pendapatan rasmi pemimpin tidak lebih daripada pendapatan pengikut. Hal ini bergantung kepada keperluan. Ertinya pemimpin tidak semestinya lebih kaya daripada pengikutnya. Pendek kata daripada segi kehidupan, pemimpin sama saja dengan pengikut. Tiada perbezaan dalam taraf hidup antara pemimpin dengan pengikut. Mereka boleh makan, berjalan dan tidur baring bersama-sama. Hatta dalam majlis mereka, orang tidak tahu mana satu pemimpin dan mana satu pengikut, kecuali setelah diperkenalkan.

5. Dunia pemimpin bukan di dalam istana yang dibina di atas bukit jauh dari pengikut. Dunianya ialah di tengah-tengah pengikutnya. Ertinya, pemimpin tinggal sekampung dengan pengikutnya. Atau di tempat yang mudah didatangi pengikut atau mudah baginya mendatangi pengikut. Mereka sembahyang jemaah bersama-sama setiap waktu. Selesai sembahyang bersalam-salam dan berbual-bual serta bertukar berita. Hadir program bersama-sama. Kenduri-kendara diurus bersama, masalah hidup dihadapi bersama, membeli-belah dikedai yang sama. Kenderaan boleh dikongsi bersama, ziarah-menziarahi antara satu dengan lain, bahkan pengikut terasa rumah pemimpin seperti rumahnya juga. Pemimpin boleh pergi ke rumah siapa saja daripada pengikutnya ke markas atau daerah tanpa pemberitahuan rasmi dan tanpa

iringan rasmi. Sepertilah bebasnya seorang ayah pergi ke rumah mana-mana anaknya tanpa apa-apa kawalan dan sekatan.

6. Pemimpin Islam yang baik adalah seorang pengarah dalam sesuatu perhimpunan, guru dalam kelas pengajian, imam di dalam masjid, kawan dalam musafir, pelayan tetamu waktu ziarah, suami yang bertimbang rasa kepada isteri, ayah yang penyayang kepada anak-anak, sahabat pada waktu senang atau susah, ahli pidato di pentas, tegas dan keras dengan orang kafir, lembut dan mesra dengan sesama mukmin.

7. Kepimpinannya bukan hanya secara rasmi di pentas tetapi lebih ditumpukan dalam pergaulan bersama pengikut. Apa saja yang dia minta pengikut lakukan, dia telah terlebih dahulu dapat melaksanakannya. Pengikut terdorong untuk taat kepada arahannya dengan sikapnya itu, bukan dengan lisannya. Apabila ada masalah yang berbangkit, dia tidak gopoh-gapah menyalahkan pengikutnya. Sebaliknya dia banyak mengadu kepada Allah dan mengharap pertolongan-Nya. Kerana, suatu masalah atau ujian kalau tersalah cara menghadapi dan menyelesaikannya, memungkinkan timbulnya masalah lain yang lebih rumit lagi.

8. Matlamat kepimpinan Islam ialah untuk menegakkan hukum Allah dan mencari keredhaan-Nya. Kejayaannya diharap di akhirat, tidak setakat di dunia sahaja. Sebab itu pemimpin Islam tidak mencari kepentingan peribadi dan duniawi, tetapi menghambakan diri kepada Allah untuk mendapatkan keredhaan-Nya.

9. Perkara-perkara yang dititikberatkan dalam kepimpinan Islam, bukan hanya sekadar soal-soal ekonomi rakyat, makan minum, tempat tinggal dan lain-lain keperluan duniawi, tetapi tumpuan utama ialah mendidik iman dan akhlak pengikut. Kerana

dari situlah bermulanya tamadun ummah.

10. Pemimpin Islam sangat mengambil berat akan masalah pengikutnya dan bersifat sabar serta berlapang dada dengan ragam dan kerenah pengikutnya. Tidak menghina atau marah akan pengikutnya lebih-lebih lagi, tidak membenci dan tidak membiarkan pengikut dalam kesusahan.

11. Pemimpin Islam mudah diziarahi dan sering menziarahi. Rumahnya sentiasa terbuka untuk siapa saja daripada kalangan rakyatnya. Hatta kaum ibu pun boleh datang menziarahi isterinya yang bertindak selaku ibu kepada para pengikutnya.

Tidak ada sistem *appointment* untuk pertemuan antara pemimpin dan pengikut. Yang ada ialah ziarah-menziarahi yang sangat dituntut dalam Islam, kecuali jika keadaan yang memaksa berbuat demikian untuk kebaikan kedua-dua belah pihak.

Demikianlah 11 peribadi pemimpin seperti mana yang digariskan oleh Ustaz Ashaari Muhammad. Mudah-mudahan, dalam menentukan pemimpin negara pada masa akan datang, kita akan berpandukan atau memilih mereka yang mempunyai keperibadian dan personaliti demikian.

Hadith: "Dua golongan daripada umatku, apabila mereka baik, baiklah manusia, dan apabila mereka rosak, rosaklah manusia. Itulah dia para pemimpin dan ahli feqah (ulama). - Riwayat Ibnu Abdul Barri dan Abu Naim.



Salah seorang calon TPM reserve, Musa Hitam sedang berfikir dan merenung percaturan politik 1993. Apakah aku akan turun gelanggang ataupun tidak...!



"Kita tidak mahukan kuasa, kita tidak mahukan kerusi. Kerusi biar dipegang oleh orang-orang politik. Kita cuma mahu ubah fikiran dan hati mereka, kalau itu semua kita berjaya ubah, apa yang kita perjuangkan otomatik terlaksana" - Ustaz Ashaari Muhammad Amir Aurad Muhammadiyah / Al-Arqam.

INDEKS

A

- Abdullah Ahmad Badawi: 11,12,22,37,39,40,41,42,43,44,45,46,47,65,68,71,72,75,81,83,84,86,116,117,118, 119,120,121,122,123,124,125,126,130,133,134,140,141,143,144,148.
- Abdullah Zaid: 20.
- Abdul Aziz Nik Mat (Nik): 120.
- Abdul Bari (Ibnu): 28.
- Ali Abi Thalib: 28.
- Abdul Ghafar Baba: 2,8,15,22,25,26,27,28,29,30,31,32,33,34,35,36,37,43,46,50,51,52,56,57,61,63, 64,65,66,67,68,70,72,93,119,122,143,144,145, 146,147,154.
- Anwar Ibrahim: 9,11,12,15,18,19,20,21,22,23,34,35,36,37,42,43,46,49,54,55,56,57,58,59, 60, 61,66,67,68,69,70,71,72,75,76,81,83,84,85,85,86,87,89,90,91,92,93,94,95,96, 97,98,99,100,101,109,118,122,123,124,126,130,133,134,142,143,144,145,146, 148,154.
- Abdul Razak Hussein: 33,34,50,51,53.
- Abdul Rahim Tamby Chik: 4,76,81,100,109,121.
- Abdul Rahman (Tunku): 29,33,105,106.
- Abu Naim: 153.

Allah (Tuhan): 4,26,27,32,41,42,45,47,51,65,68,78,80,120,129,145,149, 1 50.
151,152.

Annura Musa: 81,98.

Ashaari Muhammad: 4,31,142,150,153.

Azlan Shah (Sultan): 107.

B

Billal Rabah: 20

D

Daim Zainuddin: 19,56

F

Fadzil Noor: 96,142

G

Ghazali Shafei: 25

H

Hussein Onn: 32,34,35,37,50,51.

Hamid Othman: 100,109.

Hassan Al Banna: 86.

I

Ismail Abdul Rahman (Dr): 35,50.

J

J. Victor Morais: 18.

K

Kamal Ataturk: 139.

Khalil Yaacob: 143.

L

Ling Liong Sik: 130.

Lim Kit Siang: 142.

Lee Kuan Yew: 8.

I
Ishahathir Muhamad:

3,4,5,6,7,10,15,16,18,19,20,21,22,23,26, 27,28,29,30,32,33,34, 35,37,42,43,
44,45,46,49,50,51,52,53,54,55,56,57,59,60,61,64,90,94,97,98,104,105,106,107,
108,117,118,119,129,135,144,145,147,148,154.

Ischiavelli: 123.

Margaret Thatcher: 8.

Marcos:8,139.

Mohamed Rahmat: 37,72,143,147.

Muhammad (Nabi/Rasulullah): 4,5, 20,21,82,150.

Mohd Asri Muda: 33.

Maududi (Al) : 86.

Mukhtar Ahmad (Wan): 76,143.

Muhyiddin Yaasin: 76,121.

Muhammad Abduh: 86.

Muhammad Taib: 21,98.

Muhammad Yaacob: 120.

Muammar Ghadafi: 101.

Musa Hitam:

9,10,16,22,23,33,42,46,51,52,53,61,117,118,119,143,144,145,147,148, 149.

Musa Salleh: :95.

Megat Junid Megat Ayub: 60.

N
Najib Tun Razak : 81.

Nazeri Aziz: 98.

Newtons: 8.

O
Omar Khattab: 28.

Othman Affan: 28.

R
Rafidah Aziz : 37,60,72.

Razaleigh Hamzah (Tengku): 9,10,16,22,23,28,35,42,52,71,94,130,135,142,
143,144,145,147,148,149.

S

Sanusi Junid:

9, 11,12,22,35,42,43,46,47,60,61,63,64,65,67,68,69,70,71,72,75,76,82,83,84,
85,86,103,109,110,111,112,113,124,125,126,130,133,134,143,144,148,154.

Samad Gol Ahmad: 131.

Shah Iran: 139.

Sharir Samad: 61.

Siti Hasmah Mat Ali: 64.

Syed Hussein Alattas: 7, 144.

Suhaimi Said: 95.

Sukarno : 8.

Subky Latiff : 125.

T

Tamrin Ghafar: 36,60,72,119,143.

Taha Aziz : 131.

Y

Yusof Nor: 37,60,72,119,143.

Yusof Harun: 119.

Z

Zainal Abdin Kadir: 100.

Zakry Abadi: 30,70.



A-M7 MOTOR

JUAL BELI KERETA
CARA ISLAM
(*Murabahah*)

Selamat, adil & puashati

HUBUNGI

394, TAMAN SINN, SEMABOK
75050 MELAKA

TEL: 06-240542
010-656564

